


Jilid II
Bil. 29



Hari Isnin
26hb Julai, 1976

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3181]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 3209]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Keenam) [Ruangan 3213]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3249]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3297]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Akta Kawalan Sewa [Ruangan 3297]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S.,
S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 26hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROJEK-PROJEK DALAM
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA/
KETIGA**

1. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan peratus projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Kedua yang telah dilaksanakan, dan samada sebahagian daripada projek-projek yang akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah baki projek yang tak dapat dilaksanakan dalam rancangan yang lalu.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan yang dikaji semula untuk perbelanjaan pembangunan sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah sebanyak \$10,295 juta, perbelanjaan yang dianggarkan untuk jangka waktu tersebut ialah sebanyak \$9,820 juta. Dari segi kewangan ini merupakan pencapaian sebanyak 95.8%. Sebahagian dari peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ketiga termasuk peruntukan bagi projek-projek sambungan yang telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan dijangka akan siap hanya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**FUNGSI DAN OBJEKTIF
BADAN-BADAN BERKANUN**

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang hendak mengkaji semula

dengan tujuan menambah, memperbaiki, menghadkan atau mencantumkan fungsi-fungsi dan objektif-objektif badan-badan berkanun terutama sekali mana-mana yang dianggap bertindih (duplicating) kegiatan mereka supaya menjadi lebih cekap dan berkesan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk sentiasa mengawasi dan memperbaiki jentera perjalanan badan-badan berkanun. Oleh itu, proses menghadkan dan mencantumkan fungsi-fungsi dan objektif-objektif badan-badan berkanun tersebut adalah merupakan salah satu pilihan yang ditimbangkan. Biasanya proses pencantuman dan menghadkan fungsi-fungsi badan-badan berkanun dicapai dengan menjalankan perubahan-perubahan di atas dasar-dasar sesuatu badan berkanun dan kembali semula tugas-tugas di antara badan-badan berkanun dengan tujuan mengelakkan timbal tindih. Proses pindaan dasar-dasar badan-badan berkanun adalah satu strategi yang dilakukan melalui Majlis Tindakan Negara.

**LEMBAGA AMANAH YAYASAN
DAKWAH ISLAM MALAYSIA**

3. **Tuan Hashim bin Ghazali** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang diberi kepada Lembaga Amanah Yayasan Dakwah Islam Malaysia dan apakah masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Yayasan Dakwah Islam Malaysia yang menyebabkan kurangnya kelancaran, kecergasan dan kegiatannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada Yayasan Dakwah sehingga setakat ini adalah sebanyak \$300,000. Menyatakan Yayasan ini kurang kelancaran, kecergasan dan kegiatan adalah tidak benar. Mungkin Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak atau belum mengikuti kegiatan-kegiatan Yayasan tersebut. Setakat ini Yayasan tersebut melalui Majlis-majlis, Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri-negeri sudahpun menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Dakwah Islamiah di Negeri-negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Trengganu, Pahang dan Melaka. Negeri-negeri yang lain sedang dalam pelaksanaan. Kursus dakwah anjuran Jawatankuasa tersebut sudahpun berjalan dengan baik dan mendapat kerjasama yang erat daripada semua badan-badan dakwah di negeri-negeri yang berkenaan. Perbelanjaan kursus-kursus tersebut adalah ditanggung oleh Yayasan ini.

Selain daripada itu, Yayasan ini sudahpun mengeluarkan bantuan-bantuan kewangan kepada badan-badan dakwah yang menjalankan kegiatan dakwah mereka di negeri-negeri. Perkara ini sudahpun dijelaskan sebagai menjawab pertanyaan lisan di Persidangan Parlimen bulan April yang lalu.

Yayasan ini juga sudahpun menerbitkan sebuah penerbitan sulungnya iaitu Kamus Pengetahuan Islam yang mengandungi kebanyakan istilah dan perkataan pilihan yang meliputi semua mata-pelajaran dalam Ugama Islam termasuk biography dan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam. Sedikit masa lagi Yayasan ini juga akan mendedarkan risalah-risalah kecil hasil dari kuliah-kuliah yang diberi oleh pensyarah-pensyarah Yayasan dan Majlis-majlis Kursus Dakwah. Kursus latihan kepimpinan dan dakwah yang disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan daripada 35 buah bank di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah dibantu oleh Yayasan ini. Kursus ini berlangsung pada 17hb-18hb Julai 1976 di Dewan Belia Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN KEPADA PESARA-PESARA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar

bahawa masih terdapat kelambatan-kelambatan untuk melaksanakan pembayaran faedah-faedah persaraan kepada pesara-pesara ataupun orang-orang tanggungan mereka yang telah meninggal, jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi kelambatan-kelambatan itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir-hampir sama maksudnya telahpun saya beri kepada 12hb Julai yang lalu ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil daripada Sungai Petani dan saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah setakat ini.

PEPERIKSAAN H.S.C./S.T.P.

5. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan perkembangan pelajaran di zaman moden ini adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan kelas dan peperiksaan H.S.C./S.T.P. di Malaysia pada masa akan datang dan kalau ya bila.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di dalam kajian Jawatankuasa Mengkaji semula Pelaksanaan Sistem Pelajaran Kebangsaan di peringkat ini dan keputusannya belum diketahui lagi.

PENGEMIS-PENGEMIS

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa masih terdapat ramai bilangan pengemis-pengemis yang merayau di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dan lain-lain ibu negeri amnya;
- (b) adakah pihak Kementerian beliau mengadakan tangkapan ke atas pengemis-pengemis itu dan jika ada, bilakah tarikh yang terakhir sekali diadakan; dan
- (c) apakah rancangan yang beliau ada untuk menghapuskan pengemis-pengemis ini supaya bandar kita tidak tercemar pemandangannya.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan,

- (a) Kementerian saya sedar bahawa masih ada lagi pengemis yang merayau di bandar-bandar besar di beberapa buah negeri terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur.
- (b) Di bawah Akta Kuturayau, 1965 kuasa menangkap pengemis-pengemis adalah terletak kepada pihak Polis. Walaupun demikian, dengan kerjasama Kementerian saya tujuh kali serbuan terhadap pengemis dan kuturayau telah dilaksanakan oleh pihak Polis semenjak awal tahun ini di beberapa buah bandar dan pekan di dalam serbuan terakhir pada bulan Mei tahun ini juga 14 orang telahpun ditangkap di Kuala Trengganu. Sebagai tambahan suka juga saya menyatakan bahawa baru-baru ini pihak Polis telah membuat 4 serbuan lagi. Ini menjadikan jumlah serbuan yang dibuat sebanyak 11 kali dan jumlah yang ditangkap seramai 66 orang. Dalam serbuan yang terakhir pada 19hb Julai ini 11 orang telah ditangkap di Wilayah Persekutuan.
- (c) Di antara usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengemis ini termasuklah sekim mengadakan lapan buah Rumah Orang-orang Tua dan sebuah Pusat Pemulihan Pengemis untuk pengemis-pengemis dan kuturayau-kuturayau yang memohon masuk dengan sukarela dan mereka yang diperintah masuk oleh Mahkamah di bawah Akta Kuturayau, 1965. Akta ini memerlukan Kementerian saya menyediakan pusat-pusat pemulihan untuk pengemis-pengemis yang diperintah oleh Mahkamah. Dan juga Kementerian saya juga menguruskan sekim Bantuan Penyaraan Orang-orang Tua yang uzur dan dhaif dan Bantuan Am untuk mereka yang ada mempunyai tempat tinggal tetapi masih memerlukan bantuan wang supaya mereka tidak payah mengemis untuk mencari nafkah.

Selain daripada itu, kajian sedang dibuat untuk meminda Akta Pengemis,

1965, bagi memudahkan pihak yang berkuasa menangkap pengemis dan kuturayau di tepi-tepi jalan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am menyatakan bahawa tugas untuk menangkap pengemis adalah di tangan Polis. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pegawai-pegawai kebajikan yang sentiasa ada di pekan-pekan besar sentiasa melihat keadaan pengemis-pengemis di kaki lima dan sebagainya? Tidakkah pegawai-pegawai tersebut mempunyai kuasa kalau tidak pun untuk menangkap setidaknya-tidaknya menasihatkan pengemis-pengemis itu di mana-mana tempat mereka boleh mendapat perlindungan?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar berkenaan dengan masalah ini tetapi tanggungjawab menangkap ialah pihak polis. Suka juga saya hendak menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Pegawai-pegawai Kebajikan adalah orang-orang yang ditugaskan untuk memulih ataupun untuk membantu mereka ini. Kalau sekiranya mereka ini pula menangkap orang-orang ini, mereka ini akan dicabar iaitu tidak diterima oleh kuturayau-kuturayau ini. Pernah menjadi sebagai satu perkara yang mendukacitakan, iaitu bukanlah semua pengemis-pengemis ini orang tua yang senang kita seret-seret dan setengah orang-orang muda dan setengah-setengahnya pula budak-budak.

Jadi berkenaan soalan tidak menasihatkan; lebih daripada menasihatkan lagi malah banyak mereka ini yang dibawa ke rumah orang-orang tua tetapi malangnya mereka ini lari dan balik mengemis semula. Inilah masalah yang sentiasa dihadapi oleh Pegawai-pegawai Kebajikan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa pengemis-pengemis yang ditangkap ini ada juga yang dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa tempat-tempat ini pada masa sekarang tidak mencukupi untuk menampung mereka yang

diperintah oleh mahkamah hantar ke pusat-pusat pemulihan. Kalau sedar apakah tindakan yang akan diambil?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Berkenaan dengan pusat pemulihan untuk orang tua ini masih ada tempat-tempat yang kosong, maka tidaklah benar menyatakan tidak cukup tempat. Kalau ada pengemis yang hendak dihantar itu, silalah kemukakan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ada satu peringkat lagi pengemis iaitu orang-orang yang bukan Melayu masuk Islam, bawa surat sekeping pergi minta sedekah ke rumah-rumah orang menyatakan dia ini Mualaf, baru masuk Islam, hendak minta sedekah? Adakah Menteri sedar perkara ini dan apa tindakan hendak dibenteraskannya?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Saya juga sedar tetapi masalah pengemis sekarang kalau dia tidak mendatangkan apa-apa gangguan, maka mereka ini tidak boleh diambil apa-apa tindakan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada pengemis-pengemis ini dibawa ke pusat-pusat pemulihan, tetapi sesudah berapa lama pengemis ini lari. Dari itu, tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan bolehnya pengemis-pengemis ini lari dengan sesuka mereka, ini kecuai pentadbiran di pusat tersebut? Kalau begitu, apakah tindakan untuk memperbaiki keadaan itu supaya jangan dapat pengemis-pengemis itu lari daripada pusat-pusat tersebut?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Mereka yang lari ini, Tuan Yang di-Pertua, tak usah kata di pusat pemulihan, daripada jel pun orang lari. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ha, itu dia!

Tuan Jaafar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa kuasa menangkap pengemis-pengemis ini adalah terletak di tangan Polis. Dalam hal ini, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa tugas dan tanggungjawab Polis pada masa ini

adalah terlalu berat dari segi keselamatan negara? Dan oleh sebab itu, adakah Kementerian Kebajikan Am mempunyai satu rancangan khas bagi mengadakan pegawai-pegawai khas untuk menangkap pengemis-pengemis ini?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Kementerian saya pada hari ini seperti yang saya telah jelaskan iaitu sedang berusaha hendak mencari jalan samada hendak meminda Akta Kuturayau ini dan sekarang ini masih dalam proses lagi. Jadi, salah satu cara yang saya rasa paling cepat menghapuskan pengemis ini orang ramai termasuk Wakil-wakil Rakyat memberi diayah supaya jangan beri sedekah; itu sahaja.

UBAT ROSAK KERANA GANGGUAN LETRIK

7. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah dan jenis ubat yang rosak disebabkan gangguan bekalan letrik di beberapa buah hospital di Malaysia dan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Sioh Yew): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lapuran dibuat berhubung dengan keserakan ubat-ubat di dalam Dispensary yang disebabkan gangguan kuasa letrik.

KHALWAT BAGI PASANGAN BUKAN ISLAM

8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Undang-undang menyatakan, memandangkan bahawa keruntuhan akhlak menjadi-jadi di kalangan muda-mudi di negara ini dan bagi menjaga kesucian dan ketinggian Islam, adakah Kerajaan menerusi Kementerian ini bercadang untuk mengemukakan beberapa pindaan dibuat kepada undang-undang syariah bagi membolehkan mereka yang bukan Islam melakukan khalwat dan lain-lain perbuatan sumbang seperti berzina, bersekedudukan tanpa nikah atau sebagainya yang berpasangan dengan orang Islam dikenakan hukuman yang sama seperti yang dikenakan ke atas pasangannya orang Islam itu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, soalan seumpama ini telah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan ini pada masa-masa yang lampau. Saya tidak dapat mengelak dari mengulangi apa yang telah dinyatakan dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu. Adalah tidak sah bagi Kerajaan meminda undang-undang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu oleh kerana langkah tersebut akan bercanggah dengan Perlembagaan. Tidaklah perlu bagi saya memberi penjelasan selanjutnya oleh kerana segala-galanya dapat dibaca dari rekod persidangan Dewan ini yang sudah-sudah, misalnya, pada 23-7-1976.

SAMBUTAN IBUBAPA TERHADAP SEKOLAH KEBANGSAAN

9. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- adakah Kementerian berasa puas hati dengan sambutan ibubapa bukan Melayu yang menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan manakala pendaftaran dijalankan awal tahun ini;
- bilangan anak-anak orang bukan Melayu yang telah masuk belajar di Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia; dan
- jika bilangannya tidak memuaskan apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasinya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- Berdasarkan kepada rekod jumlah murid-murid yang masuk ke Darjah I dalam tahun-tahun 1975 dan 1976, Kementerian ini berpuas hati dengan sambutan ibubapa bukan Melayu dalam menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan.
- Jumlah anak-anak bukan Melayu yang masuk ke Darjah I di Sekolah Kebangsaan pada tahun-tahun 1975 dan 1976 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah penuh	Murid-murid Melayu	Murid bukan Melayu
1975 ...	184,647	159,383	25,264
1976 ...	177,213	152,031	25,182

- Walaupun Kementerian ini berpuas hati dengan jumlah tersebut, Kement-

terian ini akan berusaha menambah bilangan tersebut pada masa akan datang.

KAD PENGENALAN MERAH

10. Tuan Buja Gumbilai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada terdapat orang-orang yang lahir di negeri Sabah diberi Kad Pengenalan merah sungguhpun mereka warganegara, jika sedar apakah tindakan yang harus dibuat supaya Kad Pengenalan yang betul dapat dikeluarkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Kad Pengenalan biru adalah dikeluarkan kepada semua orang yang dapat membuktikan kelahiran mereka di Sabah.

Kad-kad Pengenalan merah hanya dikeluarkan pada mereka yang bukan warganegara atau yang tidak mempunyai keterangan yang membuktikan mereka itu warganegara secara kelahiran di Sabah. Permohonan untuk menjadi warganegara boleh dibuat di bawah Perkara yang sesuai dalam Perlembagaan, seperti Perkara 15 (1) atau 19 (1). Setelah dapat Sijil Kewarganegaraan mereka itu bolehlah menukarkan Kad Pengenalan merah mereka kepada Kad Pengenalan biru.

PERMOHONAN LESEN TEKSI DITOLAK

11. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa penolakan permohonan dari beberapa orang pemandu teksi yang lama (5 tahun ke atas) bagi mendapat lesen teksi oleh Lembaga Pelesenan adalah bertentangan dengan Dasar Ekonomi Kerajaan untuk memperbaiki masa hadapan orang yang tidak berada; jika sedar, apakah langkah yang akan diambil sebagai satu cara membantu pemandu-pemandu itu memperbaiki masa hadapan mereka.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Kementerian saya apabila mengeluarkan permit-permit teksi

dan kereta sewa untuk memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis dan juga kepada pemandu-pemandu teksi yang telah lama menceburkan diri dalam lapangan perniagaan teksi dan kereta sewa tetapi belum mempunyai permit sendiri. Sungguhpun demikian tidaklah dapat Kementerian saya memberikan permit-permit kepada setiap pemohon yang terdiri daripada golongan orang-orang yang saya sebutkan tadi, ini adalah disebabkan permit-permit teksi dan kereta sewa dikeluarkan atas dasar kekosongan yang disyurkan bagi satu-satu tempat tertentu dan hanya bilangan tertentu sahaja yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan. Pada kebiasaannya bilangan pemohon-pemohon untuk mendapatkan permit teksi yang telah diisytiharkan adalah berlipat ganda banyaknya daripada bilangan permit yang akan dikeluarkan. Di dalam hal ini keadaan seperti ini Lembaga Pelesenan terpaksa memilih siapa-siapa di antara mereka itu yang patut diberikan permit tersebut. Sungguhpun terdapat ramai daripada mereka itu yang terdiri dari bekas-bekas askar ataupun polis dan juga pemandu-pemandu teksi yang telah lama menyewa teksi orang lain, Lembaga Pelesenan tidak dapat meluluskan semua permohonan tersebut disebabkan kekosongan di satu-satu pengkalan itu adalah terhad. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan sungguhpun permit teksi telah dikeluarkan kepada orang benar-benar layak, masih ramai lagi di antara pemohon-pemohon itu yang juga ada kelayakan tetapi tidak berjaya ataupun ditolak permohonannya. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sentiasa menerima pemohon-pemohon permit teksi dari kalangan pemandu-pemandu teksi yang telah lama memandu. Namun demikian, Kementerian saya tidak boleh dengan serta-merta meluluskan permohonan-pemohonan mereka itu semata-mata atas sebab mereka itu telah lama membawa teksi, tetapi permohonan mereka perlulah ditimbang oleh Lembaga Pelesenan pada masa temuduga bersama-sama dengan pemohon-pemohon yang lain dan mereka yang paling layak boleh diberikan permit tersebut.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada kemungkinan bagi

Kementeriannya untuk memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan daripada pemandu-pemandu teksi. Apakah ukuran dalam temuduga itu untuk memberi pertimbangan kepada pemandu-pemandu teksi ini? Kerana apa yang saya tahu dengan bukti-buktinya adalah yang telah membawa teksi selama 20 tahun dan tiga atau empat kali ditemuduga, tetapi setiap kali tidak dapat timbangan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu sudahpun termasuk dalam jawapan saya tadi iaitu memang betul ada yang sudah pernah minta beberapa kali dan orang itu telah memohon beberapa tahun tidak dapat disebabkan pada ketika mereka memohon belum ada kekosongan.

Tuan Yang di-Pertua: Belum ada?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tidak ada kosong.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah pernah terjadi bahawa teksi diberi lebih daripada sebuah kepada seorang, kerana ada terjadi seorang dapat sampai 5/6 buah permit teksi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu keluar daripada soal asal. Ini fasal lesen teksi, bukan hal teksi.

PERKHIDMATAN MAS DI LUAR BANDAR

12. Tuan Racha Umong minta Menteri Perhubungan menyatakan memandangkan bahawa sejumlah wang yang besar telah dibelanjakan bagi pembangunan luar bandar terutama sekali dalam bidang pertanian yang mana usahanya sekarang sedang mengeluarkan hasil, samada Kerajaan sedar tentang masaalah yang sedang dihadapi oleh rakyat di Long Semadoh dan Ba'Kelalan untuk mengangkut hasil-hasil mereka, yang utamanya beras, ke Lawas untuk dijual oleh kerana perkhidmatan udara untuk luar bandar oleh MAS yang berjalan semenjak tujuh tahun yang lalu di kedua-dua buah tempat ini adalah tidak memadai untuk melayan kehendak yang mengakibatkan beras menjadi buruk di

Lapangan-lapangan terbang sementara menunggu untuk diangkat. Jika ya, nyatakan samada Kerajaan akan menimbang menaikkan jumlah subsidi yang diberi sekarang untuk kapasiti muatan dan supaya penerbangan-penerbangan yang lebih kerap diadakan di sekitar kawasan luar bandar sementara hendak dibina jalanraya yang menghubungkan tempat-tempat tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MAS menjalankan perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan 4 buah pesawat jenis (BN2). Adalah benar bahawa beberapa sektor seperti Lawas-Long Semadoh dan Lawas-Ba'Kelalan memerlukan jumlah "capacity" ditambah. Malahan satu kajian kini sedang dijalankan oleh MAS untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan ini samada dengan menambah lagi pesawat BN2 ataupun pesawat yang lebih besar dalam rangkaian perkhidmatan yang ada sekarang. MAS kini sedang bekerja rapat dengan Kementerian saya dengan harapan kajian ini dapat disiapkan dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

PENGUASA TEMPATAN

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah langkah tegas yang akan diambil untuk menyusun semula pihak berkuasa tempatan di seluruh negara; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi peruntukan per kapita kepada pihak berkuasa tempatan mengikut keperluan masing-masing; jika ya, bilakah langkah ini akan dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Sehingga hari ini sebanyak 85 buah penguasa tempatan telahpun disusun semula daripada sebilangan 373 yang ada pada 1hb Julai, 1974. Kementerian saya sedang mengadakan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan

Negeri untuk menyusun semula penguasa-penguasa tempatan yang masih belum disusun semula dan saya difahamkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu beberapa buah penguasa tempatan akan disusun semula menjelang tahun ini. Selain daripada itu, Kementerian saya telah mengadakan tiga buah bengkel, satu di Alor Setar bagi Bahagian Utara, satu lagi di Johor Bahru bagi Bahagian Selatan dan satu lagi di Kuala Trengganu bagi Bahagian Timor, bagi pegawai-pegawai tinggi di negeri-negeri termasuk pegawai-pegawai dalam penguasa-penguasa tempatan yang terbesar dan pegawai-pegawai daerah, Pegawai-pegawai Perancangan, Penasihat-penasihat Undang-undang, Pegawai-pegawai Kesihatan dan sebagainya. Adapun tujuan bengkel ini ialah untuk memberi penjelasan yang mendalam berkenaan dengan prinsip-prinsip dan dasar-dasar berkaitan dengan penyusunan semula serta pengertian terhadap tiga undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan tempatan yang baru sahaja diluluskan oleh Parlimen. Adalah diharap dengan usaha-usaha yang disebutkan tadi maka Kerajaan-kerajaan Negeri bolehlah membuat persediaan untuk menyusun semula penguasa-penguasa tempatan dalam negeri masing-masing dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya.

- (b) Sebenarnya Kerajaan belum ada cadangan hendak memberi peruntukan per kapita kepada penguasa-penguasa tempatan sebagai bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat. Apa yang telah difahami ialah Jawatankuasa Kewangan Kerajaan Tempatan yang dilantik oleh Kabinet dan dipengerusikan oleh seorang Menteri telah membincangkan kemungkinan bantuan Kerajaan Pusat kepada penguasa-penguasa tempatan itu diberi mengikut formula per kapita penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing dan itupun belum lagi dikemukakan kepada Jumaah Menteri. Jawatankuasa tersebut pada

masa ini masih menjalankan kajian-nya dan mungkin mengambil masa 3 atau 4 bulan lagi untuk mengemukakan lapuran dan perakuannya.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat faham di Pulau Pinang Kerajaan Tempatan sudah disusun semula dan setakat ini sudah berjalan selama setahun lebih akan tetapi sudah timbul masalah oleh kerana sehingga hari ini sungguhpun jawatan ahli-ahli yang telah memegang jawatan sampai 30hb Jun sudah tamat, ahli-ahli baru belum lagi dilantik. Adakah apa-apa sebab istimewa yang telah timbul yang mengendalakan perjalanan Kerajaan Tempatan menyusun semula? Itu soalan (a). Soalan (b) tentang bantuan tertentu daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Tempatan masing-masing yang tersusun itu, adakah Kerajaan akan terima sebagai tanggungan tertentu (definite responsibility) untuk Kerajaan Pusat mesti memberi sokongan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan yang akan disusun semula supaya dapat dijalankan dengan licin?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan (a), ini soalan lain. Soalan (b), Kerajaan Pusat telah menentukan satu dasar macammana Kerajaan Pusat akan memberi peruntukan kewangan kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Itu ialah satu dasar yang tertentu. Sekarang Jawatan-kuasa Kecil ini masih mengkaji untuk mendapat satu formula yang sesuai untuk memberi peruntukan ini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan (a), adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian bersetuju bahawa Kerajaan Tempatan (Local Government) ialah asas untuk pemerintahan secara demokrasi? Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bersetuju bahawa pentingnya segala mesyuarat Lembaga-lembaga yang dijalankan oleh Penguasa Kerajaan Tempatan itu patut dibuka kepada wakil-wakil suratkhbar supaya orang ramai dan penduduk setiap-tiap bandar dapat tahu dan dapat mengikuti apa keputusan ataupun perbincangan yang dijalankan sebagaimana dijalankan dalam negeri-negeri yang mengamalkan demokrasi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa terkeluar dari soalan asal, menyentuh perkara polisi dan lain-lainnya. Soalan asalnya ialah berkenaan dengan menyusun semula.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Itu berkait dengan structure, Tuan Yang di-Pertua. Saya menarik perhatian soalan yang ditanya

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata soalan itu tidak bersangkutan-paut dengan soalan asal.

ELAUN PASUKAN PERTAHANAN AWAM

14. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa elaun yang diberi kepada anggota-anggota Pasukan Pertahanan Awam tidak pernah dinaikkan dan bilangan pakaian seragamnya yang dibekalkan kepada mereka pun tidak mencukupi semenjak ia ditubuhkan sehingga sekarang. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa elaun yang diberikan kepada Anggota-anggota Pasukan Pertahanan Awam semasa menjalani latihan tidak pernah dinaikkan. Walau bagaimanapun, perkara menaikkan kadar elaun Anggota-anggota Pasukan itu sedang ditimbang oleh Kerajaan.

Berhubung dengan pakaian seragam, Anggota-anggota Pasukan Pertahanan Awam sedang dibekalkan dengan dua pasang pakaian seragam untuk mereka menghadiri latihan 2 jam tiap-tiap minggu. Kementerian ini menganggap bilangan pakaian seragam itu adalah mencukupi.

KERUGIAN KERETAPI TANAH MELAYU

15. Tuan Haji Zakaria bin Ismail (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab utama pentadbiran keretapi mengalami kerugian

begitu besar. Adakah ianya berpunca daripada kurang cekap pentadbiran atau persaingan yang begitu hebat dengan perusahaan pengangkutan-pengangkutan yang lain. Adakah usaha telah dan akan diambil untuk mengatasinya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab utama kemerosotan dan kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu ialah:

- (a) Kenaikan kos pembayaran gaji yang dikemukakan oleh berbagai-bagai Suruhanjaya;
- (b) Saingan yang bertambah daripada pengangkutan jalanraya; dan
- (c) Keadaan inflasi dunia yang menyebabkan kenaikan harga bahan-bahan yang dibeli dari luar negeri.

Kenaikan Gaji

Dalam tahun 1962 bil gaji adalah lebih kurang 30 juta. Di antara tahun 1963 hingga 1975 perbelanjaan untuk berbagai-bagai pembayaran gaji sahaja telah meningkat naik sebanyak kira-kira \$17.9 juta.

Saingan yang bertambah

Bilangan lori-lori dan van-van di jalanraya telah bertambah dari kira-kira 38,400 dalam tahun 1964 kepada kira-kira 72,200 menjelang tahun 1975. Keretapi juga menghadapi persaingan dari jenis-jenis pengangkutan yang lain. Sebahagian dari keadaan trafik di dalam negara telah memberi kesan kepada keretapi dalam beberapa tahun yang akhir ini. Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu selama ini semata-mata bergantung kepada peralatan yang dipesan dari luar negeri yang menghadapi kenaikan harga yang berlebihan. Dengan demikian mengakibatkan kenaikan kos operasi.

Kerajaan adalah sedar terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh Keretapi, demikian juga tentang peranan yang boleh dimainkan oleh Keretapi dalam pengangkutan barang-barang pukal. Selain dari cara-cara itu langkah-langkah berikut adalah diambil untuk memperbaiki kedudukan tersebut.

- (a) Satu jumlah yang hampir \$300 juta akan dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga untuk memodenkan dan menambah kemudahan-kemudahan keretapi;

- (b) Pentadbiran Keretapi sedang disusun semula untuk mengikuti perubahan-perubahan masa dan untuk menggunakan satu cara pemasaran yang dinamik;

- (c) Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun diminta supaya menggunakan pengangkutan rel di mana yang boleh;

- (d) Satu kajian pengangkutan dan keretapi oleh satu kumpulan perunding-perunding antarabangsa akan dijalankan sedikit masa lagi untuk menentukan peranan yang berkesan yang dapat dimainkan oleh keretapi dalam ekonomi negara;

- (e) Kementerian dan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan sentiasa mengadakan perundingan-perundingan dengan lain-lain Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Satu Jawatankuasa Penyelaras Pengangkutan telah ditubuhkan untuk tujuan ini.

BAHASA MALAYSIA DI PAPAN TANDA

16. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan peniaga-peniaga di negeri ini masih lagi belum menggunakan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda, resit-resit, bil-bil dan lain-lain. Jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap mereka dan adakah beliau fikir perlu membentuk sebuah jawatankuasa untuk memerhati dan membantu peniaga-peniaga dalam penggunaan Bahasa Malaysia.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada banyak lagi peniaga-peniaga di dalam negeri ini masih belum lagi menggunakan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda, resit-resit, bil-bil dan sebagainya. Walaupun demikian, sudah banyak juga peniaga-peniaga itu yang telah menggunakan Bahasa Malaysia bagi maksud-maksud tersebut. Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya papan-papan iklan, resit-resit, bil-bil dan sebagainya dibuat dalam Bahasa Malaysia samada dalam satu bahasa sahaja ataupun

dikehendaki digunakan bersama dengan sebarang bahasa yang lain maka huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia itu hendaklah berukuran jang lebih kecil daripada huruf-huruf dalam bahasa lain itu dan diletakkan di atas sekali. Hingga ketika ini belum ada satu undang-undang kecil di bawah undang-undang yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan yang telah dibuat oleh kerana Kerajaan mengharapakan kepada usaha-usaha untuk mendapatkan kerjasama sahaja daripada peniaga-peniaga. Walaupun demikian, Kementerian saya pada masa ini sedang mengkaji satu deraf Undang-undang Kecil Iklan Bandaraya Kuala Lumpur dan jika sesuai maka ianya akan dipakaikan kepada Bandaraya Kuala Lumpur dan juga disyorkan dipakaikan bagi semua Penguasa-penguasa Tempatan dalam negara ini. Begitu juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan juga berusaha mendapatkan kerjasama dari semua Dewan-dewan Perniagaan di Malaysia meminta ahli-ahlinya menggunakan Bahasa Malaysia di resit-resit dan bil-bil.

CUTI KEPADA BURUH KASAR

17. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa peraturan yang ada sekarang yang hanya membenarkan cuma 9 hari cuti diberi kepada buruh-buruh kasar tiap-tiap tahun amatlah tidak adil kepada kaum buruh jika dibandingkan dengan cuti yang diberi kepada lain-lain kakitangan-kakitangan pejabat; dan
- (b) Kementeriannya mempunyai sebarang rancangan baru untuk memperbaiki dan melindungi kehidupan buruh-buruh kasar.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya percaya pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini adalah berpanduan kepada Ordinan Buruh Sabah. Di bawah Ordinan Buruh Sabah tidak ada cuti tahunan diberi kepada pekerja-pekerja buruh, akan tetapi

majikan dikehendaki di bawah Undang-undang memberi 9 hari cuti am dengan bergaji kepada pekerja-pekerja mereka. 9 hari cuti am ini bolehlah dipilih dari senarai hari-hari cuti am di Sabah yang berjumlah 16 hari. Saya juga sedar bahawa pekerja-pekerja pejabat adalah diberi cuti bergaji pada semua hari-hari cuti am ini dan di samping itu juga mereka adalah diberi cuti tahunan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik diberi kepada pekerja-pekerja pejabat ini tidaklah ditetapkan di bawah Undang-undang Buruh, akan tetapi pemberian ini adalah hasil dari perundingan dan perjanjian di antara kesatuan sekerja dan majikan-majikan. Mengenai pekerja-pekerja Buruh pula, jumlah 9 hari cuti am adalah merupakan peruntukan minima yang ditetapkan di bawah Undang-undang. Bagi pekerja-pekerja yang berorganisasi adalah terpulang kepada kesatuan-kesatuan sekerja yang berkenaan untuk berunding dengan majikan-majikan mereka untuk mendapat syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik.

- (b) Adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk memberi perlindungan dan memperbaiki lagi taraf hidup pekerja-pekerja melalui penguatkuasaan Undang-undang Buruh. Kementerian saya sedang menjalankan kerja-kerja untuk menyamakan (standardise) Undang-undang Buruh Semenanjung Malaysia dengan negeri Sabah.

LAMPU ISYARAT DI JALAN KUCHAI LAMA/JALAN KLANG

18. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar tentang keadaan kesesakan jalanraya yang semakin buruk tahun demi tahun di persimpangan Jalan Kuchai Lama dan Jalan Kelang, Kuala Lumpur oleh kerana tidak ada sistem lampu isyarat di persimpangan jalan tersebut; jika ya, nyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk memasang lampu isyarat di persimpangan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sedari keadaan traffic di situ tidaklah sebak sepanjang masa dan sebab itu perkhidmatan lampu itu tidak diberikan setakat ini. Dalam waktu-waktu yang sebak Polis Lalu-lintas ada berkawal di situ tetapi untuk memperbaiki lagi keadaan di situ di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan untuk mengadakan sistem lampu traffic di persimpangan tersebut.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar pada beberapa masa yang lepas ini pegawai-pegawai Dewan Bandaraya telah memberi jaminan melalui suratkhbar bahawa lampu-lampu isyarat akan dipasang di setiap junction jika perlu sebaik sahaja kajian yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya selesai, jika ia nyatakan hasil dan perakuan-perakuan kajian yang dijalankan itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Polis Hutan berhampiran dengan junction yang letaknya 20 ela dari check point Polis itu telah merupakan kesesakan lalu lintas dan jika ia nyatakan samada beliau akan meminta pihak Polis memindahkan check point mereka kepada satu tempat yang lain?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan beliau tidak sedar bahawa tempat itu adalah tempat yang penuh dengan kesesakan. Saya sedar kerana saya tinggal 50 ela daripada situ. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa sebelum pihak yang berkuasa membina jalan baru di persimpangan Jalan Puchong/Jalan Kuchai tersebut di dalam master plan sudahpun ditentukan pembinaan roundabout dan pembinaan roundabout ini diplankan kerana pihak yang berkenaan sedar kesesakan kawasan itu? Jika

begitu mengapa pihak yang berkenaan iaitu Kementerian yang berkenaan masih juga tidak mengutamakan pembinaan roundabout di persimpangan Jalan Kelang/Jalan Puchong/Jalan Kuchai.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah berkenaan dengan persimpangan Jalan Kuchai Lama dengan Jalan Kelang. Bukan Jalan Puchong dan Jalan Kuchai Lama. Oleh sebab itu, saya ingat soalan tambahan itu ialah soalan lain.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dimaksudkan Jalan Kuchai itu ialah Jalan Puchong kerana namanya dua. Jalan Puchong pun boleh, Jalan Kuchai pun boleh kerana ada satu kampung tidak jauh daripada situ namanya Kuchai. Jadi, orang Melayu panggil tempat itu Jalan Puchong. Orang China panggil Jalan Kuchai (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir baik pergi kepada pihak yang berkuasa tetapkan yang mana satu dia suka nama jalan itu, kemudian bawa soalan ini balik.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar papan-papan pamiran yang dibina di junction bersempena dengan kempen keselamatan jalanraya adalah counter-productive dan merbahaya kepada pemandu-pemandu kereta kerana papan-papan pamiran tersebut menghalang pandangan pemandu-pemandu kereta? Jika ia nyatakan samada beliau akan mengarah supaya papan pamiran dibina di tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tetapi kalau Menteri hendak jawab bagus juga. Ini bersangkutan dengan keselamatan. Kalau tidak mahu jawab tidak payah.

TANGGAGAJI YUNIT KESELAMATAN KAWASAN

19. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Yunit Keselamatan Daerah yang akan diadakan itu akan mempunyai skim perkhidmatan atau tanggagaji yang serupa dengan Polis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yunit Keselamatan Kawasan tidak mempunyai Sekim Perkhidmatan atau Tanggagaji yang serupa dengan Mata-mata Biasa. Gaji dan Syarat Perkhidmatan yang diberikan adalah serupa dengan yang diberikan kepada Mata-mata Tambahan.

TANGKAPAN RASUAH

20. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang yang telah ditangkap dan dihukum dalam tahun 1975;

- (a) kerana menerima rasuah; dan
- (b) kerana memberi rasuah.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang yang telah ditangkap dan dihukum kerana menerima rasuah di dalam tahun 1975 ialah 19 orang.
- (b) Bilangan orang yang telah ditangkap dan dihukum kerana memberi rasuah pada tahun 1975 ialah 48 orang.

FERI/JAMBATAN

21. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) berapa buah feri yang menjalankan perkhidmatannya di sungai-sungai seluruh negara; dan
- (b) berapa buahkah jambatan akan didirikan untuk menggantikan perkhidmatan feri itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang jalanraya Persekutuan pada masa sekarang terdapat 4 perkhidmatan feri menyeberang sungai iaitu Kuala Selangor, Endau, Jerantut dan Sabak Bernam.
- (b) Kecuali di Sabak Bernam di mana pada masa sekarang ini sedang di dalam pembinaan bagi menggantikan perkhidmatan feri di Kuala Selangor, Endau dan Jerantut. Semua jambatan-jambatan ini akan disiapkan pembinaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

GURU-GURU TERLATIH DI LUAR BANDAR

22. Puan Chow Poh Kheng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan di seluruh Semenanjung Malaysia, dan bilangan guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris yang ditugaskan mengajar di dalam kawasan-kawasan luar bandar, termasuk sekolah-sekolah di dalam estet.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut. Barangkali butir-butir ini boleh dijadikan rujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga:

Bilangan Sekolah

(a) Bilangan Sekolah Rendah Kebangsaan	2,737
(b) Bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan	1,594
(c) Bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan	228
(d) Bilangan Sekolah Men. Jenis Kebangsaan	351
(e) Bilangan Sek. Men. Dua Bahasa Penghantar (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)	123

Bilangan Guru

(a) Bilangan Guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia yang ditugaskan mengajar di dalam kawasan-kawasan luar bandar.	
(i) Di sekolah rendah ...	3,022
(ii) Di sekolah menengah...	1,160
(b) Bilangan guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Inggeris yang ditugaskan mengajar di dalam kawasan-kawasan luar bandar.	
(i) Di sekolah rendah ...	2,326
(ii) Di sekolah menengah ...	729

Butir-butir seperti pada 31-1-1976.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Daripada angka itu, berapakah kekurangan murid yang diajar oleh seorang guru dan adakah dianggap bagi

pihak Kementerian sudah cukup bilangan guru-guru ini untuk mengajar Bahasa Kebangsaan dan juga Bahasa Malaysia sehingga dapat murid-murid kita belajar sepenuhnya?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak memberi angka-angka yang mana seorang guru dapat mengajar berapa murid, barangkali jika di sekolah rendah sekurang-kurangnya seorang guru dalam satu kelas mengajar 45 atau 50 orang, sekolah menengah kurang sedikit. Jika mengambil angka sekarang atau angka yang tetap barangkali susah sedikit. Tetapi soal yang mana kita masa ini mencukupi guru-guru mengajar di dalam semua sekolah-sekolah adalah tidak mencukupi lagi. Oleh sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita akan membuat beberapa rancangan yang mana kita akan intensifkan rancangan-rancangan pelajaran supaya dapat menambah lebih guru-guru terlatih untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Jadi kita masih di peringkat sekolah rendah, barangkali kita kekurangan guru yang umum, tetapi di peringkat menengah guru-guru yang mengajar sastra barangkali kita telah sampai ke peringkat seimbang. Tetapi guru-guru yang mengajar mata pelajaran sains dan ilmu hisab masih berkurangan lagi. Oleh sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita akan melatih lebih ramai guru-guru mengajar sekolah rendah iaitu guru-guru umum yang mana mereka bukan dikehendaki fasih dalam Bahasa Malaysia, mereka juga mesti dapat mengajar satu mata pelajaran yang lain supaya mereka boleh dijadikan guru umum (general). Jadi di peringkat menengah kita berharap dapat lebih guru-guru berijazah supaya mereka dapat mengajar mata pelajaran sains dan ilmu hisab. Tetapi untuk guru-guru mengajar mata-mata pelajaran sastra mereka mestilah fasih di dalam satu mata pelajaran bahasa iaitu samada Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Jadi semua pilihan-pilihan mata pelajaran kita akan dapat menawarkan kepada guru-guru kita dalam rancangan-rancangan melatih guru-guru di masa akan datang.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa manakala guru di luar bandar ditukarkan ke bandar maka tempat gantinya biasanya diletakkan guru-guru

sementara. Apakah tindakan yang patutnya dibuat kerana guru sementara ini tentulah kurang mempunyai latihan yang cukup?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar oleh kerana bukan semua sekolah-sekolah di luar bandar sahaja ada menambah guru atau mengganti guru terlatih dengan guru sementara oleh kerana kita tidak mencukupi guru-guru. Di dalam bandar juga masalah ini timbul. Oleh sebab itu, ini boleh dikatakan kita memandangkan perkara ini dengan satu prospek pada keseluruhannya, bukan cuma dipandang sekolah-sekolah luar bandar atau di bandar. Tetapi oleh kerana saya katakan tadi kita masih kekurangan guru lagi, oleh itu kita terpaksa mengambil guru sementara. Tetapi kita berharap apabila kita menamatkan Rancangan Malaysia Ketiga ini sekurang-kurangnya boleh mengatasi masalah kekurangan guru sekurang-kurangnya 70%. Inilah matlamat kita dan, insya Allah, saya berharap kita boleh mencapai matlamat ini.

PONDOK TALIPON DI SUNGAI DURIAN

23. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah pondok talipon akan didirikan di Pekan Baru Sungai Durian di Perak untuk kegunaan orang ramai.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat tentang bilakah pondok talipon di Pekan Baru Sungai Durian, Perak akan dibina, saya suka menyebutkan bahawa pondok talipon luar bandar ini hanya dipohonkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri melalui surat permohonan bertarikh 6-6-1976 yang telah dialamatkan kepada Pengawal Talikom Perak. Sebelum dari itu tidak ada apa-apa permohonan didapati untuk pembinaan talipon tersebut. Untuk panduan Yang Berhormat itu permohonan-permohonan untuk membina pondok talipon di luar bandar biasanya dibuat kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah dan selepas dibincangkan dan disetujui perkara tersebut dirojak kepada Jawatankuasa Tindakan Negeri untuk persetujuan dan selepas itu baharulah cadangan tersebut bersama dengan cadangan-cadangan yang lain diberi kepada Jabatan Talikom untuk dipertimbangkan.

Dan juga pertimbangan membina pondok-pondok talipon luar bandar dijalankan sekali setahun untuk rancangan pada tahun yang berkenaan. Ini adalah perlu oleh sebab harga binaan pondok-pondok talipon luar bandar memakan belanja yang tinggi. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan disiasat samada perkhidmatan itu boleh diberi di samping lain-lain perkara yang penting dan jika boleh cadangan itu akan dimasukkan dalam senarai pondok-pondok talipon bagi program tahun ini untuk pertimbangan.

PEMBEKAL MAKANAN ANGKATAN TENTERA

24. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pertahanan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa barang-barang makanan yang diberi atau dibekalkan kepada anggota-anggota tentera kita sekarang tidak memuaskan, kiranya sedar, apakah langkah yang akan diambil untuk membetulkan kedudukan ini;
- (b) siapakah pembekal-pembekal makanan anggota tentera kita di tiap-tiap negeri dan adakah disiasat pada tiap-tiap kali pembekal-pembekal ini menghantar barang-barang makanan, kiranya ada, bagaimanakah perkara kurang memuaskan anggota tentera ini boleh berlaku; dan
- (c) siapakah yang menentukan pada tiap-tiap kali tender dipanggil untuk bekalan anggota tentera kita dan adakah pada pengetahuan Menteri yang ada kalanya pembekalan makanan tentera ini tidak dipanggil setelah mati tarikh tendernya, cuma disambungkan daripada pembekal yang lama, kiranya ada, berapa kali dan mengapa dan adakah quantity dan qualitynya dipatuhi sepertimana dalam tender.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan yang meminta maklumat yang sama seperti yang dipinta oleh Bahagian (a) soalan Ahli Yang Berhormat telah saya jawab di Dewan ini pada hari Isnin 5hb Julai, 1976 dahulu.

(b) Pembekal-pembekal makanan yang ada sekarang ini iaitu bagi tempoh masa 1974/76, ialah seperti berikut:

Bagi Makanan Mentah Basah (misalnya ikan, daging, sayur dan sebagainya).

Kawasan	Nama Pembekal
(i) Utara (Perlis, Pulau Pinang, Seberang Prai, Kedah dan Perak)	Syarikat Bekalsetia Sdn. Bhd, Segambut, Kuala Lumpur
(ii) Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pahang)	Syarikat S. A. Faha, Kampong Pandan, Kuala Lumpur
(iii) Selatan (Melaka, Negri Sembilan, Johor dan Yunit-unit di Singapura)	Syarikat Security Baggage and Transportation Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
(iv) Timor (Kelantan dan Trengganu)	Syarikat Bekalsetia Sdn. Bhd, Segambut, Kuala Lumpur
(v) Sabah	Syarikat Lok Kawi Sdn. Bhd, Kota Kinabalu, Sabah
(vi) Sarawak Kawasan I (Bahagian I dan II)	Syarikat Setiakawan Enterprise Sarawak Sdn. Bhd, Kuching
(vii) Sarawak Kawasan II (Bahagian III, IV, V, VI dan VII)	Syarikat Pembekalan Aneka Jaya Sdn. Bhd, Kuching, Sarawak

Bagi Makanan Mentah Kering

Kawasan	Nama Pembekal
(i) Utara/Timor	Syarikat Mohamed Mustaffa, Kota Bharu, Kelantan
(ii) Tengah	Syarikat Ahmad Saad Yusof, Taiping, Perak
(iii) Selatan	Syarikat Teik Heng, Taiping, Perak
(iv) Sabah	Syarikat Lok Kawi Sdn. Bhd, Kota Kinabalu, Sabah
(v) Sarawak	Syarikat Pembekalan Aneka Jaya, Sdn. Bhd, Kuching, Sarawak

- (c) Mengikut peraturan-peraturan yang ada, pegawai-pegawai penerima perlu memeriksa barang-barang makanan setiap kali ianya diterima untuk memastikan yang mutunya adalah seperti yang ditetapkan di dalam Penentuan Kontrek (Contract Specification). Barang-barang yang tidak memuaskan hendaklah ditolak dan diminta ganti. Jika pembekal tidak dapat menggantinya, pegawai penerima bolehlah mencari ganti di pasaran dan meminta pembekal itu membayar balik kepada Kerajaan

perbezaan harga-harga yang terdapat di antara harga kontrek dan harga kontrek barang yang dibeli di pasaran itu.

Kajian adalah sedang dijalankan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam peraturan-peraturan yang ada sekarang.

- (d) Tender-tender yang diterima oleh Kementerian Pertahanan adalah dikaji dan dipertimbangkan oleh Jemaah Tender. Perakuan Jemaah Tender kemudiannya dikemukakan untuk kelulusan pihak Kementerian kewangan.

Tender bagi sesuatu bahan makanan itu adalah dipanggil tiap-tiap satu tahun atau dua tahun sekali mengikut jenis barang-barang yang berkenaan.

Tender-tender baru bagi pembekalan makanan adalah dipanggil dari 3 hingga 6 bulan sebelum penamatan kontrek yang sedia ada. Setakat ini belum pernah berlaku keadaan di mana tender dipanggil setelah tamat kontrek-kontrek yang sedia ada.

Kadangkala Kementerian Pertahanan ada juga melanjutkan tempoh kontrek yang sedia ada. Tindakan melanjutkan tempoh kontrek ini adalah dibuat bukan bagi memperbaharui kontrek yang lama tetapi untuk menentukan bahawa dalam urusan penukaran dari kontrektor lama kepada kontrektor baru pembekalan makanan kepada yunit-yunit tidak tergendala. Lanjutan tempoh kontrek dalam keadaan seumpama ini adalah diberi bagi tempoh tiga hingga enam bulan.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan satu usul yang berbunyi . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bangun hendaklah minta kebenaran dahulu, kerana hendak membawa satu cadangan jadi tidak payahlah membaca usul itu; terangkan tentang tujuan-tujuan dengan cara am sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk meminta kebenaran membuat satu usul mengenai hak keengganan Syarikat South East Asia Firebricks Sendirian Berhad untuk mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan yang bernombor 39/74 supaya 73 orang pekerja-pekerja di perusahaan diambil balik dan latar belakang kes tersebut adalah seperti berikut:

1. Pada 21hb Februari, 1973 Yang Berhormat Menteri Buruh

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya kata tidak payah baca satu-satu. Beri maksudnya sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk memberitahu Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak payah baca, sebab kalau dibaca semua seolah-olah seperti usul itu dibuat. Baca gist (inti) sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, gist sahaja. Pada tahun 1973 South East Asia Firebricks telah dengan cara haram locked-out 73 pekerja-pekerja yang menuntut mengadakan satu collective aggrement dan sungguhpun Yang Berhormat Menteri Buruh telah mengarahkan bahawa South East Asia Firebricks Limited mesti mengiktirafkan kesatuan sekerja dan apabila South East Asia Firebricks tidak mematuhi arahan Yang Berhormat Menteri Buruh, pada tahun 1973 pihak pekerja-pekerja telah mengadakan satu permogokan, dan selepas permogokan itu, perkara ini telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan oleh kerana telah berlaku satu illegal lock-out dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini pada 8hb Ogos, Mahkamah Perusahaan ada membuat satu keputusan bahawa lock-out itu adalah haram dan pihak South East Asia Firebricks mesti ambil balik pekerja-pekerja yang berjumlah 73; tetapi pihak South East Asia Firebricks enggan mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan ini sungguhpun di bawah Akta Industrial Relations Act ada satu ceraian yang mengatakan tidak boleh diadakan satu stay of proceedings terhadap apa-apa keputusan Mahkamah pun dan perkara-perkara ini telahpun dikemukakan kepada Mahkamah Perusahaan pada kali yang kedua, dan kali yang kedua Mahkamah Perusahaan pun

sekali lagi membuat satu keputusan bahawa pekerja-pekerja mesti diambil balik dan Syarikat South East Asia Firebricks tidak mahu ambil balik pekerja-pekerja tersebut, tetapi telah appeal kepada High Court dan pada Jun, 1975 Mahkamah tinggi menolak keputusan Mahkamah Perusahaan tetapi pihak Kesatuan Sekerja telah merayu dan pada 14hb April, 1976 Mahkamah Federal membuat satu keputusan untuk restore atau memulihkan keputusan Mahkamah Perusahaan iaitu mereka mesti ambil balik pekerja-pekerja dan sungguhpun baharu-baharu ini iaitu pada 28hb Jun, 1976 pihak South East Asia Firebricks memohon untuk mendapat kebenaran untuk merayu kepada Privy Council dan untuk stay of execution tetapi Federal Court sungguhpun membenarkan conditional leave untuk merayu kepada Privy Council tetapi tidak benarkan stay of execution dan ertinya ialah syarikat tersebut mesti patuh keputusan Industrial Court tetapi sampai hari ini syarikat tersebut tidak mematuhi keputusan itu dan sungguhpun pihak pekerja-pekerja telah membuat perwakilan secara surat kepada Yang Berhormat Peguam Negara oleh kerana di bawah Akta Industrial Relations Act, Peguam Negara sahajalah yang boleh mendakwa sesiapa yang tidak mematuhi provision-provision di bawah Industrial Relations Act atau mematuhi keputusan-keputusan Industrial Court. Tetapi malangnya sampai hari ini tiada dapat apa-apa tindakan yang diambil dan saya meminta kebenaran untuk kemukakan usul ini, oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang definite, satu perkara of public importance atau kepentingan orang ramai, oleh kerana sekiranya perkara ini dilanjutkan tentulah akan timbul pendapat bahawa ada double applications Undang-undang di mana untuk majikan boleh dilepaskan tetapi untuk pekerja-pekerja tidak boleh dilepaskan dan perkara ini berkehendak disegerakan kerana lebih lama perkara ini ditundakan kepercayaan orang ramai terhadap Rule of Law akan terjejas dan dengan ini oleh kerana telah ada berlaku satu kes terustentang mengenai violation of Industrial Relations Act. Saya harap perkara ini boleh dikemukakan, boleh dibincangkan di mana Yang Berhormat Peguam Negara pun boleh memberi Dewan ini satu gambaran yang baik kenapa perkara ini telah berdalih dan

tuntutan pekerja-pekerja dan undang-undang tidak dipatuhi oleh Kerajaan sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pagi ini saya telah terima sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa beliau hendak memohon izin supaya membuat satu usul sebagaimana pati-pati yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai perkara Syarikat South-East Asia Firebricks yang tidak mematuhi hukuman yang dibuat oleh mahkamah. Dalam masa dua jam saya telah bergopoh-gapah menyiasat atas perkara ini terutamanya dan saya hendak memberitahu mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) kenalah Yang di-Pertua berpuas hati bahawa perkara ini ialah:

- (i) Perkara tertentu;
- (ii) Perkara yang hendak disegerakan; dan
- (iii) Perkara yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Itu dia tiga ingredients pati-pati yang kena Yang di-Pertua berpuas hati, barulah Yang di-Pertua boleh meminta izin Dewan samada bersetuju atau tidak.

Setelah saya timbang dengan teliti atas perkara ini selepas saya siasat daripada pejabat-pejabat yang berkenaan, saya bersetuju bahawa perkara ini ialah perkara tertentu, sebab bersangkutan-paut dengan satu syarikat yang tertentu sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah sebutkan. Tertentu itu oleh kerana keengganan Syarikat South East Asia Firebricks Sdn. Bhd. mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan yang bernombor 39 tahun 1974 supaya 73 orang pekerja-pekerja itu diambil balik.

Berkenaan dengan samada perkara ini menyentuh kepentingan orang ramai, saya bersetuju juga dengan hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Walaupun perkara ini menyentuh kepentingan pihak tertentu sahaja tetapi implikasi tidak melaksanakan keputusan Mahkamah Perusahaan itu, saya sendiri pandang berat dari segi kepentingan orang ramai.

Selepas daripada saya siasat lagi, saya dapat tahu bahawa tindakan yang sewajarnya sekarang sedang diambil oleh Kerajaan iaitu Jabatan Peguam Negara akan mendakwa Syarikat yang berkenaan kerana enggan melaksanakan keputusan Mahkamah Perusahaan. Maka berkenaan dengan perkara ini hendak disegerakan, oleh sebab tindakan sedang diambil maka saya tidaklah boleh katakan saya bersetuju atas perkara ini hendak disegerakan lagi, sebab perkara ini tentu bila tindakan diambil akan dibawa ke mahkamah. Oleh yang demikian, dengan adanya tindakan yang sedang diambil oleh Jabatan Peguam Negara itu, maka saya dapati tidak wajar rasa saya untuk perkara ini ditimbangkan atau dibincangkan dengan panjang lebar dalam Dewan ini. Oleh itu, saya tidaklah menerima dan saya menolak cadangan atau permohonan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2).

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan progrems-progrems pembangunan seperti yang dibentangkan dalam kertas Perintah No. 25 tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk

memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (23hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, sebagai makluman sahaja, inilah hari yang akhir untuk Dewan ini membahaskan atas dasar-dasar atau prinsip Rancangan Malaysia Ketiga. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedia maklum ada satu perkara lagi yang bersangkutan dengan Rancangan Malaysia Ketiga iaitu perbahasan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 1976, iaitu Anggaran Perbelanjaan yang bersangkutan-paut juga dengan Rancangan Malaysia Ketiga yang hendak dibelanjakan pada tahun ini. Jadi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada berpeluang bercakap pada masa sekarang ini, maknanya pada masa hari ini, sehingga kita tangguhkan Dewan hari ini, saya akan bagi lagi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap sewaktu kita membahaskan prinsip Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1976. Jadi diminta jangan ragu-ragu sebab bila kita bahaskan prinsip Anggaran Perbelanjaan itu tidak lain dan tidak bukan ialah berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga juga. Itulah yang saya hendak beritahu dan hendak pesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab saya tengok daripada analisa yang saya buat, ada 60 orang lagi Ahli-ahli yang belum bercakap, daripada 60 orang ini tidak termasuk Ahli daripada Pembangkang. Ahli Pembangkang daripada 10 orang sudah 6 yang bercakap bermakna 60% sudah bercakap, pada hal Ahli daripada Barisan Nasional cuma 38% sahaja yang baru bercakap. Ini bermakna 60 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang belum bercakap. Samada semua 60 orang Ahli hendak bercakap, itu saya tidak tahu. Jikalau semua hendak bercakap, saya boleh benarkan, tetapi lima minit seorang sahaja.

Sekarang saya jemput hli Yang Berhormat dari Payang. Minta maaf. Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah mulai ucapannya pada hari Jumaat yang lepas dan daripada peringatan saya, beliau telah bercakap selama 13 minit. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap

lagi, saya benarkan selama 17 minit kalau hendak bercakap, kalau hendak dikurangkan masa lebih baik lagi. Selepas itu, baharulah Ahli Yang Berhormat dari Payang. Dijemput.

3.37 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah):

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat yang lepas saya menyentuh bahawa D.A.P. akan meneruskan perjuangannya yang terutamanya yang ditujukan untuk menentang segala dasar yang tidak adil dan tidak saksama yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. D.A.P. lah yang merupakan pejuang demokrasi yang tulen dan pejuang rakyat di bawah tekanan dan penindasan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan Allahyarham Tun Abdul Razak mahu mengurangkan kegiatan politicking di negara ini adalah merupakan satu tujuan yang baik, tetapi bukan melalui membeli parti-parti Pembangkang yang tidak bertulang belakang, kemudian ditubuhkan Barisan Nasional. Kita ketahui bahawa mengurangkan politicking ini tidak boleh dijalankan dengan membeli parti Pembangkang atau Wakil-wakil Rakyat dan pemimpin dari Pembangkang. Bolehkah Kerajaan Barisan Nasional membeli rakyat yang tidak berpuas hati, keciwa dan putus asa sebagaimana yang ia membeli wakil-wakil dan pemimpin Pembangkang?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin sekali mencadangkan bahawa ketika Rancangan ini dilaksanakan, yang mustahak sekali ialah perasangka perkauman perlulah dihapuskan, khasnya ketika mengadakan dasarnya dan melaksanakan dasar-dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan yang bukan bumiputra, saya sangat merasa keciwa dan kesal untuk menggunakan perkataan "bukan bumiputra" ini. Sebenarnya, saya adalah diperanakan di tanahair ini dan dibesarkan di sini dan dipilih menjadi Wakil Rakyat oleh rakyat di tanahair ini. Itulah sebabnya saya mahu mewakili rakyat yang bukan bumiputra untuk menyatakan rasa dan sikapnya.

Saya perlu berterus-terang bahawa semua rakyat yang bukan bumiputra, termasuk ahli-ahli Dewan yang terdiri dari bukan

bumiputra seperti M.C.A. dan M.I.C., adalah beranggapan bahawa segala dasar Kerajaan Barisan Nasional adalah berbau prasangka perkauman.

Ini adalah merupakan suatu perkara yang sangat mendukacitakan tetapi perkara ini adalah benar. Siapakah yang perlu disalahkan? Jika parti Pembangkang disalahkan, bolehkah masalah pokoknya diatasi? Kerajaan Barisan Nasional adalah perlu meninjau dan mengkaji keadaan yang tidak sihat dan membimbangkan ini, iaitu tentang apakah sebabnya rakyat bukan bumiputra bersikap dan berperasaan begini, atau ianya dialami olehnya sendiri melalui pengalamannya, atau disebabkan dasar Kerajaan Barisan Nasional berbau perkauman? Yang mustahak sekali, ialah jika didapati benar, beranikah Kerajaan Barisan Nasional bertindak untuk membetuli dasar-dasarnya yang berwarna perkauman ini!

Tuan Yang di-Pertua, ramai penduduk dari kampung baru di kawasan saya adalah berpandangan bahawa dasar Kerajaan sekarang hanya memihak satu bangsa sahaja. Tentu mereka tak boleh disalahkan, kerana pandangan dan perasaan mereka ini adalah didatangkan melalui perhubungannya dengan pegawai-pegawai Jabatan Kerajaan. Sebagai contohnya, seorang penduduk dari kampung baru kawasan saya pernah mengadu bahawa sungguhpun ia adalah seorang bekas perajurit, tetapi permohonan tanahnya telahpun ditolak kerana umurnya sudah lanjut, tetapi seorang bekas perajurit yang berumur lebih lanjut daripadanya, ia mendapat. Yang berbeza di antara mereka kedua orang itu ialah disebabkan warna kulitnya, atau singkatnya, perbezaan jenis bangsanya.

Bolehkah mereka disalahkan jika mereka adalah mengalami keadaan yang mendukacitakan ini? Itulah sebabnya mereka benci Kerajaan. Apakah tindakan yang adil dan berkesan akan diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak sihat ini?

Jika sekiranya Kerajaan dapat mengadakan badan-badan seperti MARA, UDA, PERNAS, FELDA, dan lain-lain untuk menolong mempertingkatkan taraf ekonomi kaum bumiputra, maka apakah sebabnya badan-badan serupa ini tidak boleh ditubuhkan untuk mempertingkatkan taraf

ekonomi kaum yang bukan bumiputra, tetapi yang terdiri dari golongan yang miskin dan berpendapatan rendah?

Bila saya sentuh badan-badan yang perlu ditubuhkan untuk menolong mempertingkatkan taraf ekonomi kaum bukan bumiputra ini, tentu bukanlah badan-badan seperti MARA yang ada sekarang ini kerana badan-badan ini sudah menyeleweng untuk melaksanakan dasarnya, sebenarnya badan-badan ini telah dijadikan sebuah mesin untuk memperkayakan segelintir ahli-ahli UMNO yaitu UMNOPUTRA dan bukan BUMIPUTRA.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini baru menyedari bahawa bukanlah hanya orang miskin sahaja yang menyokong kominis. Memang ini adalah merupakan satu kesedaran yang menggalakkan bagi Timbalan Perdana Menteri ini. Tetapi, adakah beliau mengkaji bahawa apakah sebabnya orang-orang yang kaya dan berotak siuman ini masih begitu kuatnya menyokong kominis ini?

Saya berharap supaya Menteri-menteri yang bertanggungjawab ini jangan lagi mendiamkan diri sebagai satu kebiasaan untuk mengelakkan dirinya untuk menjawab persoalan-persoalan saya. Tentu Yang Berhormat Menteri-menteri ini berhak berbuat demikian, seperti burung kasturi untuk menyembunyikan kepala ke dalam pasir. Saya sekali lagi menyeru pihak Kerajaan Barisan Nasional jangan berpenglihatan pendek dan berkaca-mata yang berwarna untuk menghadapi situasi yang Malaysia alami hari ini, kerana Malaysia sedang berada di simpang jalan. Situasi ini kian hari kian bertambah serious dan membimbangkan, jika Barisan Nasional masih jahil terhadap masalah pembinaan negara kita ini, tentu Malaysia akan terjerumus ke suatu keadaan seperti yang pernah dialami oleh Vietnam, Kemboja. Pengajaran ini adalah perlu dipelajari oleh semua rakyat terutamanya pihak Barisan Nasional yang memerintah.

3.58 ptg.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan amat sulit bagi saya dan siapa juga pun hendak membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga yang huraiannya memakan

sebuah buku setebal ini dengan secara jujur, menyeluruh, terperinci dan mendalam dalam masa yang paling terbatas seperti sekarang, sedang ia adalah sebuah dokumen yang penting, yang membabit kehidupan rakyat dan negara, yang akan menentukan masa depan kemakmuran negara, yang kepadanya tergantung samada Dasar Ekonomi Baru kita akan menjadi kenyataan atau sebaliknya hanya menjadi impian semata. Namun demikian, demi kewajipan dan tugas, sebagai seorang wakil rakyat, sebagai seorang yang diperserahkan menjadi Ketua Menteri sebuah negeri dalam Malaysia, saya akan cuba juga membahaskannya dengan sepenuh-penuhnya, dengan seboleholehnya.

Bahasan saya ini, siang-siang lagi mahu saya katakan, akan merangkum dua sifat.

Pertama:

memberikan pujian dan tahniah kepada apa yang patut dan hak diberikan pujian dan tahniah, dan

Kedua:

memberikan teguran kepada apa yang saya fikir patut diberikan teguran, bukan teguran yang meruntuhkan melainkan teguran yang membina, bukan teguran kerana melepaskan geram dan dendam melainkan teguran yang diharapkan akan dapat melahirkan suatu rumusan yang baik, suatu sintesis dari adanya tesis dan anti-tesis.

Rekod dan sejarah saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pendukung pemerintahan selama 13 tahun, mula-mula sebagai Menteri dalam Kerajaan Persekutuan dan kemudian sebagai Ketua Menteri Sarawak, sudah cukup membuktikan bahawa saya tidak mempunyai sebarang sebab untuk bertindak sebagai "kucing hitam" atau I have no axe to grind.

Pada saya adalah sesuatu yang sesia membubuhi nasi yang sudah basi dengan lauk pauk yang enak dan nyaman, dengan harapan supaya nasi yang sudah basi itu akan dapat juga dinikmati, sebab pekung yang busuk tidak akan menjadi wangi baunya sekalipun dibalut dengan kain sutera mastuli. Sebaliknya adalah bijak, menurut hemat saya, dicurahkan "iodine" kepada luka yang baru, sebab walaupun

kepedihan akan dirasakan untuk sementara waktu, namun kemudian luka tersebut pasti akan segera sembuh.

Kalau selama ini kita asyik terlina dinabobokan, didudui dan dinyanyikan oleh serigala, marilah sekali-sekala kita disedarkan dan dibangun dari kelinaan yang lama oleh tepukan sayang atau cubit manja kaum kerabat atau adik kakak kita sendiri.

Demi menyelesaikan secara berkesan tugas kita dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita perlu menghimpunkan seluruh sumber yang ada dan mengambil inspirasi dari gergasi-gergasi yang terdahulu dari kita, yang telah mengendalikan negara ini dalam hari-hari yang telah berlalu. Salah satu sumber inspirasi yang besar, bagi kita yang tua dan muda, ialah Bapa Malaysia dan Bapa Merdeka, yang masih ada bersama-sama kita, yang Alhamdulillah, masih cergas dalam banyak lapangan yang lain. Sesungguhnya Tunku Abdul Rahmanlah yang meletakkan batu asas yang bangunannya kita tegakkan sekarang. Pemerintahannya yang akhirnya menghancurkan penderhakaan kominis dan memulakan zaman perancangan untuk pembangunan. Dialah juga yang mewakili kuasanya kepada almarhum Tun Abdul Razak untuk memelopori rancangan pembangunan dan jika tidaklah kerana pimpinannya kita mungkin tidak berdaya menghadapi masa depan dengan keyakinan yang penuh sebagaimana sekarang.

Seorang lagi gergasi yang tak harus kita lupakan ialah almarhum Datuk Onn bin Jaafar. Ya, dapatkah kita melupakan dan tidak menghargai jasa dan bakti beliau sebagai jaguh yang menentang Malayan Union, yang menyelamatkan kita semua dari menjadi anak tanah jajahan British, yang memungkinkkan kita kini menjadi bangsa yang merdeka.

Hari ini kita banyak menyebut tentang MARA dan tentang peranannya memajukan kepakaran teknik di kalangan bumiputra. Tetapi lupaakah kita pada hakikat bahawa MARA ialah lanjutan daripada apa yang dulunya dikenal dengan RIDA, yang akiteknya tidak lain dan tidak bukan ialah dari Datuk Onn?

Tunku, sebagai Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia, pernah berulang-ulang kali menyatakan yang beliau mahu terutamanya

membina “suatu bangsa yang bahagia” dan bukannya “bangunan-bangunan yang mencakar langit” semata-mata. Banyak orang yang tidak menyedari nikmat kata-kata Tunku ini sedang di sinilah terletaknya inti rancangan pembangunan yang sebenarnya. Pembangunan ekonomi—walau bagaimana baik pun dirancang jika tidak ditujukan untuk memberi kebahagiaan yang bertambah pada rakyat ada baiknya tidak usah dijalankan. Marilah kita menungkan hakikat bahawa dari apa yang kita telah baca, ternyata bertambah kayanya satu masyarakat dan bertambah maju ekonominya maka bertambah ramai pula rakyatnya yang menyalahgunakan dadah; bertambah kerosakan fikiran; bertambah meningkatnya kelakuan jenayah dan lain-lain tindakan anti-masyarakat; bertambah besarnya bilangan orang yang membunuh diri. Dalam masyarakat pengguna, bukan sahaja barang dan keperluan hidup yang dimamah, bahkan diri manusia sendiri. Manusia bertukar serentak menjadi orang yang memamah dan orang yang dimamah juga.

Seorang belia dari desa dengan riangnya berhijrah ke kota untuk mencari kemasyhuran dan keuntungan tetapi kesan pertama yang ditemuinya hanyalah kegelisahan. Dia mendongak melihat sebuah bangunan pencakar langit—yang menempatkan bank-bank kita, perniagaan-perniagaan kita, hotel-hotel kita dan pusat membeli-belah kita. Semuanya besar-besar belaka, sedang dia kerdil dan kecil. Dia diberitahukan yang bangunan-bangunan tersebut adalah untuk faedahnya. Dia mendapati sukar hendak mempercayainya. Dia diberitahukan juga yang bangunan-bangunan tersebut akan memberikan kekayaan kepadanya; dan sesungguhnya hal tersebut boleh berlaku dan dalam proses ini dia dilanda oleh keruntuhan dalam perasaan kemanusiaannya, keruntuhan dalam nilai budinya, keruntuhan dalam kemuliaan hatinya dan keruntuhan dalam rasa pertanggungjawabnya pada masyarakat. Suatu hari dia menaiki kereta besarnya yang berhawa dingin melalui sebatang jalan yang sibuk dan dia melihat seorang anak muda lain yang baru datang dari desa berdiri di samping sebuah bangunan yang tinggi dalam cahaya muka yang takjub. Tetapi dia tidak mengenali dirinya sendiri. “Bunyikan canang kereta” dia lantas memerintah pemandunya “dan nyahkan budak bodoh itu dari jalanraya ini.

Bangsa kita terkenal sebagai suatu bangsa yang mengenang dan menghargai pemimpin-pemimpinnya. Kita mengenang dan menghargai Hang Tuah dan Hang Jebat, kita mengenang dan menghargai Bahaman dan Mat Kilau, kita mengenang dan menghormati Tok Janggut dan Datuk Maharaja Lela, kita mengenang dan menghormati Mat Salleh di Sabah dan banyak lagi. Apakah sekarang sifat mulia kita ini akan kita hapuskan, samada dengan kita sedari ataupun tidak? Adakah kita akan mengkesampingkan sejarah kita—pahlawan-pahlawan kita? Tentu tidak. Inilah masanya kita menyeru mereka ke samping kita dan menjadikan contoh yang mereka telah tunjukkan sebagai bimbingan kita. Mereka telah mencuba membersihkan tanahair kita dari penzalim-penzalim dan adikara-adikara yang memaksa mereka melutut. Kita sedang mencuba, melalui Rancangan ini, menghapuskan dari kalangan rakyat kita kemiskinan, penderitaan dan kemelaratan yang telah membebani mereka berabad-abad lamanya.

Dengan kata-kata pembukaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekarang bolehlah saya beralih membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga ini secara jujur, terperinci, menyeluruh dan mendalam—merangkumi dua sifat yang saya sebutkan dulunya tadi.

Sekarang kita sudah mempunyai Rancangan Malaysia Ketiga, maka kita mesti melaksanakannya. Ini tidak perlu kita tekan lagi, tetapi Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan berhasil kalau tidak benar-benar dilaksanakan. Inilah rukunnya.

Kalau ada orang yang mengatakan Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua, yang sudah berlalu, gagal seratus peratus maka sayalah orang yang pertama sekali menuduhnya sebagai manusia yang buta hati dan buta perut. Tetapi sebaliknya kalau ada pula orang yang mengatakan Rancangan-rancangan tersebut mencapai matlamat sepenuhnya maka izinkanlah pula saya untuk tidak bersamanya “menutup bangkai gajah dengan nyiru”.

Sudah umum diketahui, baik Rancangan Malaysia Pertama mahupun Rancangan Malaysia Kedua telah tidak mencapai ke muncak matlamatnya yang diharapkan. Ada negeri-negeri dan Kementerian-kementerian yang tidak menyelesaikan semua projek

yang dirancang sehingga wang peruntukan baginya terbaki kerana tidak dibelanjakan.

Dalam hal ini siapakah yang harus disalahkan? Menimpakan kesalahan melulu ke atas Kerajaan-kerajaan Negeri sahaja tentulah tidak adil; manakala kita harus juga memperhitungkan hakikat bahawa di atas Kerajaan-kerajaan Negeri ada Kerajaan Pusat yang harus dipatuhinya, yang tidak boleh dilanggarinya.

Dalam hubungan ini ada dua perkara yang tidak harus terlepas dari perhatian kita. Pertama: Kekurangan-kekurangan terdapat pada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam banyak perkara, terutama dalam pakar-pakar yang diperlukan atas kerja-kerja pembangunan, memang ternyata jika dibandingkan dengan Kerajaan Pusat. Yang demikian adalah amat mengecewakan jika sekiranya Kerajaan Pusat berlepas tangan sambil membiarkan Kerajaan-kerajaan Negeri terkial-kial sendirian menjalankan projek-projek yang ditentukan dan diharapkan darinya, setelah peruntukan kewangan baginya diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Dalam menghadapi hakikat kekurangan yang disebutkan di atas bukanlah lebih baik, atas nama koordinasi, Kerajaan Pusat turut dan terus menerus memberikan perhatiannya, menasihati, memberikan bantuan seperlunya mencari bahkan mengadakan pakar-pakar yang diperlukan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dan lain-lain seumpamanya, sehingga projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepadanya dapat dilaksanakan dengan jayanya dan dengan yang demikian mengelakkan kegagalan daripada berlaku.

Kedua: Selain dari perkara yang disebutkan di atas tadi ada pula berlaku pada setengah-setengah Kerajaan Negeri kelambatan pihak Kerajaan Pusat menyampaikan pada masa patutnya peruntukan wang untuk sesuatu projek yang telah ditentukan pada sesebuah negeri.

Pada 1hb April, 1970 Kerajaan Persekutuan telah bersetuju hendak memberikan pinjaman sebanyak \$1.2 juta untuk pembinaan sebuah dermaga di Sarikei—Pinjaman Dermaga Sarikei namanya. Bayaran ansurannya yang kedua, yang sepatutnya diserahkan dalam tahun 1973

hanya diterima dalam bulan Disember 1975, lebih dua tahun kemudian. Apakah Kerajaan Negeri Sarawak patut disalahkan kerana kelambatan ini?

Lihat pula pada pinjaman Kerajaan Federal untuk pembinaan Kawasan Perusahaan Hilir Lanang di Sibul. Kerajaan Federal telah bersetuju bahawa dalam tempoh seminggu sesudah Perjanjian Pinjaman ditandatangani pada 27hb Mei, 1975 ia akan menyerahkan wang sejumlah \$7.85 juta. Sebaliknya pembayaran yang dijanjikan ini diansur-ansur sebanyak empat kali yang memakan masa selama 18 bulan dan ansuran akhirnya baru dibayar pada 13hb Mei, 1976. Apakah Kerajaan Sarawak juga patut disalahkan atas kelambatan ini?

Kalau beribu-ribu batu "red-tape" yang tidak mustahak terus-menerus dibenar bermaharajalela menyekek pelaksanaan seperti yang baru saya sebut tadi hairankah kita ianya akan mengugat kepentingan perancangan serta menghapuskan kesannya, di samping menimbulkan kemarahan rakyat, dan Kerajaan Negeri pulalah yang biasanya dimarahkan.

Peruntukan pada Sarawak

Tuan Yang di-Pertua, kami berterima kasih kerana Rancangan Malaysia Ketiga mengakui dengan jelas tentang pentingnya pembangunan di Sarawak dan Sabah, dan peruntukan yang besar sejumlah \$1.66 billion telah ditetapkan untuk Negeri Sarawak. Bagaimanapun ini adalah tidak kurang dari 25 peratus kurangnya dari jumlah yang kami minta iaitu lebih daripada \$2 billion, tidak termasuk perbelanjaan kerana Keselamatan. Permintaan kami dulu itu dibuat setelah penelitian yang rapi pada peringkat negeri dibuat oleh suatu Pasukan Petugas yang terletak di bawah Yunit Perancangan Negeri kami. Oleh yang demikian, memotongnya sehingga 25 peratus ternyata amat tidak berpatutan dan agak sewenang. Misalnya, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak telah diberikan peruntukan sebanyak \$22.5 juta saja untuk masa selama lima tahun ini bagi meningkatkan kedudukan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perniagaan. Jumlah ini sungguh tidak mencukupi bahkan untuk menjalankan satu projek simen di Sarawak sekalipun. Sarawak hampir sama besarnya dengan seluruh Semenanjung sedang jumlah

wang diperuntukan kepada S.E.D.C. hanya enam peratus saja dari seluruh wang yang berjumlah \$368.8 juta yang diperuntukkan kepada berbagai-bagai perbadanan Pembangunan di Semenanjung.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menambahkan lagi peruntukan pembangunan bagi Negeri Sarawak dalam tempoh perjalanan Rancangan Malaysia Ketiga.

Keterangan mengenai Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga, berbanding dengan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Kedua dulu, ada sedikit perbaikannya, tetapi saya dapati masih ada beberapa keterangan lain yang harus disebutkan telah tidak dimasukkan sematamata kerana tidak ada statistiknya. Saya ingin mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengarah Jabatan atau Agensi Kerajaan yang berkenaan menyegerakan proses menyediakan data statistik tentang Sarawak yang berguna, bukan saja untuk keperluan Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi juga untuk kegunaan lain-lain badan seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, yang selama ini berada dalam kegelapan berhubung dengan Negeri Sarawak. Kalau Kerajaan Persekutuan tidak menganggap perkara ini sebagai sesuatu yang penting, yang mustahak, yang mesti diutamakan, sejajar dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia, maka alasan-alasan yang serupa akan kita temui dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya.

Saya gembira kerana Rancangan Malaysia Ketiga menitikberatkan soal pembangunan serantau dan akan memberikan peruntukan wang dan galakan perusahaan yang lebih kepada Negeri-negeri yang kurang maju. Dasar ini kami hargai dan kami berterima kasih kerananya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu yang mudah disebut tidak semestinya sesuatu yang mudah dilaksanakan. Sarawak ialah sebuah negeri yang kurang maju dan kerana itu perlu diberikan keutamaan-keutamaan tertentu untuk menarik modal luar. Malangnya, kerana adanya syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan terhadap perjanjian-perjanjian usahasama maka kita telah menemui adanya pelabur-pelabur asing yang "takut" melaburkan modalnya

di Sarawak. Kami menghargai niat Kementerian yang mengingini supaya perjanjian-perjanjian usahasama memberikan faedah kepada rakyat di negeri ini, tetapi demi menggalakkan pelaburan asing di negeri-negeri seperti Sarawak, syarat-syarat ketat seperti yang dikenakan di Semenanjung Malaysia haruslah dilonggarkan sedikit. Kami masih jauh tertinggal di belakang Semenanjung Malaysia dalam gegak-gempitanya gerak nadi perusahaan dan untuk kami dapat menyainginya syarat-syarat usahasama yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing sepanjang yang berhubung dengan negeri kami hendaklah lebih praktikal dan lebih pragmatik.

Peranan PETRONAS

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa keciwa kerana peranan dan kegiatan PETRONAS dan kemajuan perusahaan minyak di negeri ini hanya disebutkan dalam satu dua ceraihan saja sedang sepatutnya ianya harus memenuhi satu babak penuh. Kerajaan seharusnya memasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini tujuan, strategi dan cadangan PETRONAS, dalam tempoh Rancangan tersebut, berhubung dengan kemajuan perusahaan minyak dan gas di negeri ini. Kalau dalam beberapa dokumen Kerajaan telah dihurai-kan dengan panjang lebar akan Dasar Ekonomi Baru tidak ada satu sebab mengapa segala kegiatan PETRONAS dan urusannya dengan syarikat-syarikat minyak tidak boleh dihurai-kan dengan panjang lebar demikian rupa.

Kedudukan Kewangan Sarawak

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada muka 244 ceraihan 736 Rancangan Malaysia Ketiga yang menyebut tentang kedudukan kewangan Sarawak yang kuat dan sumbangannya kepada kelebihan Kira-kira Semasa Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam keadaan yang biasa saya tentu bergembira mendengarkannya, tetapi dalam keadaan sekarang perasaan saya adalah sebaliknya. Bila kami menyerahkan syor-syor Kerajaan Negeri kami untuk Rancangan Malaysia Ketiga kami dengan tegas menyatakan bahawa Kira-kira Semasa Kerajaan Negeri dari tahun 1976 hingga

tahun 1980 mungkin berakhir dengan kelebihan sebanyak \$20.7 juta, tetapi kerana tahun 1975 harus mengalami kekurangan sebanyak \$67.5 juta maka Kira-kira Semasa tahun 1980 mungkin berakhir dengan kekurangan sebanyak \$46.8 juta. Saya terperanjat besar mendapati Kerajaan Persekutuan mempunyai pandangan yang berlainan dalam hal ini. Kerajaan Negeri jelas menunjukkan bahawa sekalipun hasil dari minyak petrol dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini banyak, namun kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak masih menghadapi kesulitan kerana perbelanjaan berulang kami yang bertambah dan lambatnya pertumbuhan lain-lain sumber penghasilan. Saya sangat-sangat berharap, Tuan Yang di-Pertua, semoga ceraihan yang saya sebutkan di atas tidak akan digunakan untuk mencederakan permohonan-permohonan yang kerap dari Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga nanti.

Program-program Membasmi Kemiskinan

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dilaporkan dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga kadar kemiskinan di Semenanjung ialah 49.4% manakala di Sarawak dan Sabah kadar ini lebih tinggi lagi kerana kerendahan daya pengeluaran di sana. Tetapi peruntukan yang dibuat untuk membasmi kemiskinan hanya \$7.1 bilion (38.2%) sahaja. Sepatutnya peruntukan untuk membasmi kemiskinan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia.

Ini bererti lebih banyak lagi projek-projek yang mempunyai matlamat untuk pembasmian kemiskinan hendaklah disediakan dan ditambah dari tahun ke tahun supaya peruntukan ini mencerminkan kadar kemiskinan di Malaysia seluruhnya.

Faedah-faedah Pembangunan di Negeri-negeri

Saya agak dalam Rancangan Malaysia Kedua banyak faedah-faedah yang terbit dari rancangan-rancangan di Negeri-negeri tertentu telah dinikmati oleh kumpulan-kumpulan yang bukan kumpulan-kumpulan masyarakat yang ditujukan oleh dasar. Untuk menjamin bahawa kumpulan-kumpulan yang ditujukan mendapat nikmat

dari rancangan-rancangan pembangunan, Kerajaan hendaklah menentukan dengan seberapa yang boleh supaya kontraktor-kontraktor rancangan-rancangan itu dihadiahkan kepada kontraktor-kontraktor di negeri itu sendiri. Apa yang telah berlaku ialah banyak projek-projek luar bandar dimenangi oleh syarikat-syarikat kontraktor dari bandar-bandar besar. Dengan cara ini wang pembayaran kepada kerja-kerja di bawah kontraktor-kontraktor tertentu telah dibelanjakan di luar kawasan-kawasan di mana projek-projek itu terletak. Jadi faedah-faedah yang sepatutnya dinikmati oleh penduduk-penduduk di mana rancangan tersebut diadakan telah bocor. Oleh itu, saya cadangkan supaya masalah ini juga dikaji dengan halus oleh Jabatan Kerja Raya dan Perbendaharaan dan langkah-langkah terus diambil.

Pendapatan Purata di antara Negeri-negeri

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 1980 pendapatan purata Malaysia dianggarkan akan meningkat kepada \$1,650 bagi tiap-tiap seorang berbanding dengan \$1,250 pada tahun 1975, iaitu mengikut harga yang sebenar.

Kedudukan pendapatan purata dalam tempoh 5-15 tahun akan datang bagi negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Melaka dan Trengganu adalah dijangka lebih baik. Walau bagaimanapun, pada akhir 1980 Negeri-negeri ini masih lagi ketinggalan jauh di belakang negeri-negeri yang lain, terutama sekali Kelantan, Kedah dan Perlis. Misalnya, Kelantan akan mempunyai pendapatan purata 46% lebih rendah dari pendapatan purata bagi Malaysia seluruhnya pada tahun 1980 dan 32% lebih rendah menjelang tahun 1990.

Bagi Negeri Sarawak pula jurang perbezaan tidak begitu menyenangkan, terutamanya menjelang tahun 1990 apabila pendapatan purata negeri itu akan turun dari 9% lebih rendah dalam tahun 1980 kepada 13% lebih rendah dalam tahun 1990.

Kedudukan pendapatan purata bagi Negeri Perak juga akan membawa implikasi yang kurang menyenangkan dari segi keselamatan negara. Dalam tahun 1980 pendapatan purata Negeri itu akan turun kepada 18% lebih rendah dari pendapatan

purata bagi seluruh Malaysia. Saya berkata demikian oleh kerana pendapatan purata bagi Negeri Perak telah menjadi lebih rendah dari pendapatan purata seluruh Malaysia dari 1% kepada 12% pada tahun 1975 dan 18% pada tahun 1980. Negeri-negeri Selangor, Pulau Pinang dan Pahang akan terus menjadi negeri-negeri pertumbuhan sehingga tahun 1990. Apakah ini menunjukkan kepada kita bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru belum dapat dicapai dalam 20 tahun?

Pada pendapat saya dasar untuk mengubah aliran pelaburan kepada Negeri-negeri yang kurang maju adalah sangat baik tetapi tidak menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini hendaklah diikuti sertakan oleh dasar-dasar perpindahan penduduk dari Negeri-negeri yang mundur kepada negeri-negeri yang maju. Pemilihan peneroka-peneroka ke rancangan-rancangan tanah Kerajaan misalnya hendaklah dihalusi supaya golongan-golongan yang benar-benar perlu dibantu diberi peluang yang utama. Begitu juga tentang pengambilan pekerja-pekerja di kilang-kilang perusahaan di negeri-negeri Selangor dan Pulau Pinang khususnya. Kerajaan mestilah berani menghalusi dasar yang tegas dan berkesan tentang penyertaan Bumiputra dalam gedung-gedung perusahaan dan perniagaan di semua peringkat.

Dari segi keupayaan Kerajaan menggubal dasar-dasar pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga baikkah saya tumpukan perhatian Dewan ini kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan untuk Perancangan dan Pelaksanaan. Sektor awam akan menghadapi tugas yang besar dari segi pentadbiran dan organisasi. Kecekapan pentadbiran akan menjadi tanggungjawab yang wajib baik pada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi memandangkan kepada matlamat pelaburan yang sebegitu besar dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Cacatnya Pentadbiran

Saya bimbang kecekapan pentadbiran di semua peringkat tidak dapat diadakan. Banyak masalah-masalah yang telah dihadapi dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua telah tidak dihuraikan dalam Buku Hijau ini. Kelambatan pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam

Rancangan Malaysia Kedua bolehlah dikatakan telah disebabkan oleh kekeliruan dan salah anggapan dan penapsiran dasar-dasar dan peraturan-peraturan di kalangan pegawai-pegawai Agensi Pusat seperti U.P.U., Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dengan pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Jabatan Kerajaan-kerajaan Negeri. Banyak incidence-incidence yang telah berlaku menunjukkan kepada kita bahawa jentera Pentadbiran untuk perancangan dan pelaksanaan telah tidak berjalan dengan licin. Tugas-tugas dan tanggungjawab agensi-agensi Pusat telah menjadi kucar-kacir—khususnya di antara E.P.U. dengan Bahagian-bahagian Kewangan dan Belanjawan Perbendaharaan. Kami di negeri-negeri telah naik bingung oleh kerana peranan badan-badan ini telah tidak dijelaskan kepada semua. Peraturan-peraturan yang telah dibuat telah tidak disebarkan kepada Jabatan-jabatan di peringkat Negeri.

Peranan E.P.U.

Saya berpendapat bahawa tugas dan peranan E.P.U. hendaklah dikaji semula secara kritikal. Saya percaya selama ini banyak tugas-tugas yang dijalankan oleh E.P.U. boleh dijalankan oleh badan-badan lain—terutamanya mengenai masalah-masalah pentadbiran projek seharian seperti mendapat kelulusan tambahan perbelanjaan mengenai projek-projek yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan. Bebanan ini patut diambil-alih oleh Bahagian Belanjawan Perbendaharaan untuk membolehkan E.P.U. menumpukan tenaganya kepada issue-issue jangka panjang.

Peranan E.P.U. hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara penting seperti yang berikut:

- (1) merancang, menggubal dan membulatkan tumpuan dasar-dasar ekonomi dan social peringkat umum (micro-planning)
- (2) merancang projek-projek dengan kerjasama Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan badan-badan Berkanun (project planning and formulation)
- (3) membantu Kerajaan-kerajaan Negeri membuat kajian-kajian ekonomi dan sosial melalui kerjasama Badan-badan

Pusat dan Negeri dan membuat penilaian terhadap projek-projek yang tertentu.

Saya percaya perkara-perkara yang tersebut di atas telah dan sedang dijalankan oleh E.P.U. Tetapi saya bimbang bahawa E.P.U. tidak akan menjadi lebih effective lagi sekiranya bebanan yang lain dari yang disebutkan di atas itu diteruskan. Saya berharap masaalah ini dikaji sendiri oleh Kabinet supaya peranan badan-badan pusat dapat dirationaliskan demi untuk menentukan kecekapan dalam perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan rancangan-rancangan lima tahun yang akan datang.

Saya juga berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi kita menumpukan perhatian kepada project planning di peringkat Negeri atau daerah supaya rancangan dan dasar kita hendak menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat akan memberi kesan yang diharap-harapkan oleh kita semua. Saya rasa eloklah kita mulakan dari sekarang menubuhkan satu pasukan pakar-pakar (a committee of experts) di tiap-tiap kawasan yang terdapat banyak golongan miskin untuk menjalankan kajian-kajian socio-ekonomi samada di bawah pimpinan E.P.U./G.P.U./INTAN atau Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia dan merancang projek-projek yang sesuai bagi mengatasi masaalah penduduk di daerah-daerah tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kalau boleh, saya habiskan kira-kira 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat!

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya telah mengambil masa seminggu untuk menyediakan ucapan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat, kalau dua tiga minit lebih, tidak apalah.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya akan potong beberapa perkara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ambil yang penting-penting sahaja.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada masaalah Bumiputra Investment Fund.

Bumiputra Investment Fund.

Saya kurang faham, apa sebenarnya dasar Kerajaan sepanjang yang berhubung dengan penyusunan semula masyarakat dan memperbetulkan pengumpulan saham untuk memajukan kekuatan ekonomi, penguasaan dan perkembangannya atau adakah ia hanya untuk menggalakkan kelemahan kuasa ekonomi dalam syarikat-syarikat melalui satu dasar yang akibatnya ialah pemegang saham yang tidak mencukupi dengan pembelian saham sedikit di sana sedikit di sini, dan dengan menggalakkan konsep pemilikan saham dan bukannya konsep penggunaan saham-saham tersebut bagi maksud mengambil alih pengurusan dan penguasaan syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering saya sebutkan di dalam Dewan dan di luar Dewan ialah satu amalan Kerajaan Pusat yang suka mengemukakan kertas-kertas kerja yang tebal-tebal pada pagi kita mesyuarat, dua tiga minit sebelum mesyuarat dibentangkan di atas meja, siapa yang boleh memahami semuanya itu. Kemudian kita disuruh mengambil keputusan di waktu itu juga, ini berlaku di beberapa mesyuarat Menteri-menteri Besar dan mesyuarat-mesyuarat yang lain. Saya harap ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak yang akan saya sentuhkan perkara projek L.N.G. di Sarawak, projek M.I.S.C. dan cara-cara memperbaiki jentera-jentera kita tetapi oleh kerana masanya begitu pendek, saya akan gulungkan ucapan ini dengan satu cerita. Pada suatu hari saya naik sebuah teksi di Kuala Lumpur dan mulai berbual-bual dengan pemandunya. Dia menyatakan pada saya yang teksi tersebut adalah disewa dengan bayaran \$36 sehari. Saya beritahu kepadanya, jalan di Kuala Lumpur begitu cantik. Jawabnya "Ya, memang cantik, tetapi rakyat miskin yang susah kerana untuk membuat jalan yang cantik ini rakyat terpaksa membayar cukai." Inilah pandangan salah seorang daripada rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Selalu Yang Berhormat naik teksi di Kuala Lumpur?

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya selalu naik teksi, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak mampu hendak membeli kereta sendiri (*Ketawa*). Terlalu banyak yang hendak saya sebutkan, kalau dibenarkan eloklah saya bentangkan sahaja beberapa point di sini dan harap dapat dimasukkan dalam *Hansard*. Tetapi masa yang terbatas sekadar membolehkan saya mengatakan apa yang sudah saya katakan ini dan seterusnya tidak mencukupi. Bagaimanapun saya harap segala ulasan yang telah saya berikan, baik pujian ataupun teguran yang membina, akan diterima dengan dada terbuka, dengan rasa keikhlasan sebagaimana keikhlasan saya memberikannya.

Saya suka mengatakan, dengan segala ketegasannya, bahawa Rancangan ini adalah suatu Rancangan yang baik. Ia pasti akan memberikan faedah yang besar kepada rakyat jika ia dilaksanakan sepenuhnya dengan baik dan teratur dan penuh kesungguhan. Marilah kita mengharapkan semoga para perancang kita selalunya dibimbing oleh kepanasan pertimbangan yang wajar dan bukannya dengan kedginginan perhitungan yang tidak waras. Logik adalah suatu alat dan panduan yang baik bagi mereka yang bertindak dengan wajar iaitu dengan menyatukan wadah hati, kepala dan semangat.

Rancangan ini adalah merupakan ciptaan sakti dua orang Perdana Menteri—Allahyarham Tun Abdul Razak, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang Datuk Hussein. Ia sepatutnya dikemukakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak tetapi kehendak Allah Yang Maha Kuasa adalah di luar kekuasaan hambaNYA untuk menghalangnya. Oleh kerana penggantinya, Datuk Hussein Onn, telah diberikan peluang menunjukkan approach untuk pembangunan maka diharapkan beliau dapat membuktikan kalibernya sebagai pemimpin bangsa kita. Kerana itu kita seharusnya berdiri teguh dan bulat di belakangnya, membuktikan ke seluruh dunia yang kita adalah suatu bangsa yang bersatu, berdisiplin dan penuh setia dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan seterusnya, dan bersedia pula mendaki gunung yang

seberapa tinggi sekalipun yang menanti di hadapan kita sehingga kita sampai ke puncaknya. Sebuah Rancangan, sebenarnya, hanya sebuah blueprint. Hanya manusia saja yang boleh memberikan nyawa, memberikan tenaga kepadanya, dan menjelmannya menjadi suatu alat yang dinamis bagi menukar kehidupan menjadi bertambah baik. Inilah harapan ikhlas dari saya dan seluruh rakyat Malaysia di Sarawak. Ia tidak boleh disamar-samarkan, dikelirukan dan dipersenda-sendakan. Ia mesti meninggikan maruah dan kehormatan manusia miskin yang menjadi hak asasi mereka.

Ibarat sinar biarlah ia menyinar segenap pelosok nusa tercinta. Ibarat pohon biarlah ia menjadi pohon yang rindang tempat berteduh seluruh bangsa. Dan ibarat telaga biarlah ia menjadi telaga sakti yang tak kurang-kurang airnya, yang boleh menghilangkan haus dahaga setiap kita rakyat Malaysia sepanjang masa.

Dengan harapan ini marilah kita memasuki Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan penuh keyakinan kepada diri sendiri, kepada kemampuan bangsa dan ketahanan nusa. Dan di atas batu asas yang telah diletakkan oleh para pemimpin kita yang telah lalu biarlah para pemimpin kita yang ada sekarang membina sebuah Malaysia bahagia yang akan menjadi suatu contoh kepada dunia dan jambangan indah untuk para pemimpin kita yang akan datang.

4.33 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian menyokong usul Rancangan Malaysia Ketiga peringkat kedua yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Datuk Hussein Onn dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang mana perpaduan negara merupakan matlamat utama serta pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperbagai-bagaikan rancangan di dalam tempoh lima tahun akan datang kita akan menempuhi bermacam-macam cabaran dan kesukaran dalam menghadapi ancaman-ancaman komunis yang cuba menghancurkan perpaduan rakyat dan menghalang

usaha Kerajaan kita dalam masa kita mengerah tenaga untuk menyusun dan melaksanakan rancangan teragung ini. Dalam masa yang sama musuh negara dari golongan pengganas komunis dan anti-nasional sedang giat menjalankan usaha-usaha jahat mereka untuk menghancurkan perpaduan rakyat dan negara. Sudah sewajarliah rakyat dari semua golongan cintakan pembangunan kemakmuran negara merapatkan barisan berdiri teguh bagi mempertahankan keutuhan negara yang di-kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi cabaran yang besar ini saya nampak Kementerian Penerangan perlu disusun semula supaya dapat memainkan peranan penting lagi berkesan. Penyusunan yang baru perlu dibuat terhadap jentera-jentera kerja dalam Jabatan Radio dan TV. Kaki-tangan yang cukup dan cekap perlu ditambah dan diadakan satu kaedah penyampaian yang baru mustahak dicari supaya tiap-tiap satu rancangan yang disusun oleh negara benar-benar dapat difahami dan diterima oleh rakyat dengan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menimbang-kan keadah baru bagi penyampaian yang akan dibuat oleh Jabatan Radio dan TV, Kementerian Penerangan nampaknya telah membuat satu kajian pendapat rakyat tentang program siarannya tetapi kita tidak dapat mendengar atau membaca lapuran lengkap sebagai hasil dari kajian yang dijalankan itu. Pada saya sekadar surat-surat untuk mendapat pandangan dari rakyat mengenai radio dan TV tidak akan menghasilkan sesuatu konkrit. Cara yang lebih baik saya fikir ialah dengan mengadakan satu forum atau perbincangan terbuka dengan menjemput ahli-ahli pakar dari berbagai-bagai bidang masyarakat rakyat yang mempunyai pengalaman serta pendapat baru dalam lapangan ini. Jabatan Radio dan TV mustahak diberi peruntukan yang istimewa supaya peti-peti TV dapat ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman bagi menjaminan kesan daripada penyampaian kaedah baru yang akan dirancang itu supaya rakyat mempunyai tempat untuk mendengar dan melihat sendiri apa yang hendak disampaikan oleh Kerajaan dan saluran TV hendaklah di-

tambah supaya cara penyampaian yang baru dapat dilancarkan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan lagi di dalam saat negara perlu kepada perpaduan rakyat. Mass-media adalah salah satu yang perlu kepada perhatian utama pada masa ini. Selain daripada Jabatan Radio dan TV, peranan akhbar juga tidak kurang pentingnya kerana pembentukan fikiran rakyat biasanya didorong oleh penulis. Akhbar-akhbar dalam hubungan ini kita perlu kepada penjelasan. Soal yang timbul kepada kita ialah apakah peranan yang dimainkan oleh BERNAMA. Sebagai satu badan berita Kerajaan dan negara sejauh manakah BERNAMA melibatkan diri bagi memenuhi kehendak negara. Saya rasa BERNAMA belum boleh bermegah sebagai sebuah badan berita yang lengkap dengan peralatan yang boleh menjadi satu badan berita yang bertarafkan antarabangsa. Wakil-wakil yang tidak cukup untuk memungut berita dan menyampaikan berita akhbar dalam negeri kita masih bergantung kepada A.P., U.P.I. dan Reuter. Rakyat kita sentiasa dipengaruhi oleh akhbar-akhbar luar negeri yang tidak banyak menguntungkan kita. Dengan ini kejadian-kejadian pertarungan politik dunia sentiasa mempengaruhi rakyat kita ke arah satu pihak yang bertentangan pernah terjadi. Langkah-langkah ganas Yahudi diberi gambaran yang baik dengan cara berita yang disiarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya merayu kepada Kementerian Penerangan supaya meneliti Badan Berita Nasional ini dan kalau didapati mustahak eloklah dibentuk satu jawatankuasa yang boleh menyampaikan satu laporan lengkap bagi maksud penyusunan semula badan tersebut dan apa yang sebenarnya dihadapi oleh badan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menerusi perkembangan ekonomi yang pesat ke arah mencapai matlamat yang dituju itu dengan usaha-usaha Kerajaan memperbaiki keadaan hidup golongan yang miskin untuk mengurangkan perbezaan yang ada hari ini. Di sini saya mengalu-alukan penguuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita satu peruntukan Tabung Pelaburan Bumiputra sebanyak \$200 juta yang akan ditubuhkan

di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi membolehkan Kerajaan membeli modal-modal saham dan lain-lain yang akan dipegang oleh Kerajaan sebagai amanah adalah satu dasar yang baik kerana rancangan ini adalah untuk semua rakyat. Di sini saya ingin tahu Tabung Pelaburan ini di manakah ianya akan ditempatkan dan di bawah Kementerian manakah atau di bawah badan-badan manakah akan ditempatkan? Sekiranya boleh janganlah hendaknya menjadi bertindih di antara satu sama lain supaya dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya memberi setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas kebolehan semua pihak yang menyusun satu rancangan yang begini lengkap yang menggambarkan bagaimana bersungguh-sungguh pihak Kerajaan hendak mempercepatkan pembangunan negara dengan matlamat utama bagi membentuk satu negara baru dengan rakyat yang bersatu-padu di samping mengurangkan kemiskinan.

Dalam tujuan mengimbangkan perbezaan pendapatan rakyat dari berbagai kaum dalam sektor ini kita juga patut memberi setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang begitu berani mengambil sikap menjalankan langkah-langkah merombak apa yang telah lama disusun oleh pihak E.P.U. semata-mata bagi memenuhi kehendak dan hasrat rakyat yang tidak berpuas hati terhadap perbadanan yang dimainkan oleh badan itu selama ini. Kita berasa megah di atas segala arahan yang telah dibuat supaya pindaan kepada rancangan yang sangat penting ini dapat disalurkan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah selaras susun dan rancangan dibuat pada Rancangan Malaysia Ketiga ini. Apabila kita luluskan hari ini maka rancangan tersebut akan berada pada tapak-tapak yang disediakan. Apa yang harus kita fikirkan dan renungkan sekarang ialah adakah rancangan ini akan berjalan dengan baik berpandukan kepada yang kita luluskan itu. Adakah garis-garis panduan yang diaturkan di dalam susunan rancangan ini dipatuhi sepenuhnya. Yang penting adakah ianya akan dapat menjamin sekurang-kurangnya 70 atau 80% dapat dicapai hasil daripada apa yang dirancang itu. Dalam hubungan ini

saya nampak satu langkah berkesan perlu dibuat awal-awal lagi untuk menjamin supaya kaum kapitalis dari luar dan dalam akan benar-benar jujur dan tidak begitu tamak dalam memungut kekayaan sehingga sanggup menindih kaum yang miskin serta menyalahgunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan semata-mata untuk kepentingannya. Kita juga harus menentukan agar perubahan sikap dan fikiran rakyat yang berpendapatan kurang supaya bersedia menerima rancangan ini dengan perasaan dan sikap yang baik lagi progresif. Dalam usaha menjamin segala-galanya ini mustahaklah kita mengerah tenaga di segenap peringkat untuk membantu Kerajaan dalam menjayakan penubuhan Jawatankuasa Pengawasan Pelaksanaan di peringkat Negeri dan Pusat perlu disegerakan supaya tiap-tiap wakil rakyat dan tokoh-tokoh masyarakat diberi tugas sama, bertanggungjawab dan mencapai kejayaan dan kesempurnaan rancangan pembangunan raksaksa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tujuan hendak merapatkan jurang perbezaan di antara orang kaya dan miskin, pendapatan yang kaya dan yang kurang pendapatan, kita harus menumpukan sepenuh tenaga dan wang ringgit bagi membuka seberapa banyak kilang-kilang perusahaan di kawasan-kawasan baru supaya pertumbuhan ekonomi moden tidak terhad di bandar-bandar dan di sekitar kawasan-kawasan dari kalangan orang-orang yang telah berada. Dengan cara ini kita akan dapat menahan atau menyekat rakyat luar bandar berpindah ke bandar-bandar besar dengan banyaknya sehingga boleh menimbulkan masalah yang tidak sihat di bandar itu pula. Selain daripada itu jadikanlah dasar kita membawa segala yang diperlukan itu kepada rakyat yang berada di luar bandar termasuklah sama perusahaan-perusahaan baru yang biasanya dipegang oleh golongan yang ada di bandar-bandar sahaja. Bila kita menyentuh masalah perusahaan kita tidak boleh mengelakkan daripada menyentuh perbadanan-perbadanan Kerajaan yang mana menjalankan penyelidikan seperti MARDI. Penyelidikan yang dibuat oleh MARDI tidak banyak menimbulkan inspirasi daripada rakyat luar bandar menggunakannya selain daripada yang biasa didengar seumpama benih-benih padi, bakabaka pokok tanaman. Penyelidikan yang

dibuat oleh MARDI dalam pengeluaran baru buatan dari hasil tani sentiasa dapat pada pengilang-pengilang besar dan pengilang-pengilang itu pergi ke kampung-kampung untuk mengambil hasil-hasil serta menjualnya. Apakah sebabnya MARDI tidak dapat menggalakkan kelompok rakyat di kampung tempatan itu sendiri mengeluarkan barang-barang dari hasil kampung mereka. Ini perlu kepada perhatian dan seterusnya penyiasatan yang halus supaya kita tidak merugikan masa. Pakar-pakar penyelidikan kita tidak semata-mata untuk orang yang telah kaya dan berkemampuan.

Pada tahun yang lepas saya sudahpun mengemukakan perkara ini supaya MARDI membuat penyiasatan khasnya di kawasan Tumpat. Kalau tidak silap saya Timbalan Menteri Pertanian sudahpun memberi kesanggupan hendak menghantarkan satu rombongan penyelidikan ke kawasan Tumpat. Tetapi sehingga hari ini belum lagi pihak MARDI membuat apa-apa penyiasatan di sini. Sekali lagi saya merayu supaya janggan pisang berbuah dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan satu bangsa yang dinamis dan progresif berpunca dari bentuk pendidikan sejak masih kecil lagi. Masyarakat kita hari ini mula berkembang dan kalau boleh kita tidaklah mahu ianya berkembang secara liar dan tidak sihat, maka kita tidak mahu tradisi itu dikekalkan. Tradisi kita yang asal ialah tradisi Melayu yang bertabiat lemah-lembut lagi berdisiplin serta kasih kepada Raja dan negara sebagaimana yang disusun di dalam Rukunegara kita. Malangnya pada masa ini boleh jadi kerana dipengaruhi oleh alam sekitar di sekeliling perkembangan masyarakat kita telah menjadi tidak sihat dan perlu kepada perhatian yang berat. Pelajaran akhlak mustahak diadakan dalam semua peringkat persekolahan dari kelas permulaan sehinggalah kepada sekolah menengah dan tinggi. Buku-buku teks hendaklah disusun, kuiz akhlak melalui TV hendaklah diadakan supaya mereka dapat mengenali apakah itu akhlak. Perkataan sivik hendaklah diubah dan diganti dengan akhlak kerana perkataan sivik itu sendiri tidak membayangkan keperibadian kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelajaran ugama pula saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada

masaalah pengambilan-alih guru-guru agama di sekolah. Pada hemat saya masaalah pengambilan-alih guru ini adalah merupakan masaalah lama yang sudahpun dibangkitkan oleh masyarakat kita melalui beberapa seminar yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin agama hari ini. Hasil daripada perjumpaan tersebut pihak Kementerian Pelajaran kita sudahpun menerima perkara ini sebagai satu perkara yang perlu diambil tindakan.

Satu perkara lagi tentang pengambilan-alih sekolah-sekolah menengah agama, sebuah sekolah bagi tiap-tiap negeri. Perkara ini juga adalah merupakan perkara lama. Tetapi menjadi satu kehairanan dan keanihan sehingga hari ini rakyat kita tidak tahu sejauh manakah pelaksanaan dan bilakah pengambilan-alih itu akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu ke-lambatan itu pada mulanya disebabkan tidak ada pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian Pelajaran yang akan menguruskan perkara ini tetapi setahu saya buat hari ini pihak Kementerian Pelajaran telahpun menubuhkan Bahagian Agama yang khusus di Kementerian itu dan dilantik seorang pengarah pelajaran agama yang bertanggungjawab menyelesaikan perkara ini. Jadi tidak ada sebab lagi ke-lambatan itu boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari ke-lambatan ini berlakulah permogokan-permogokan di sekolah-sekolah agama kita. Dengan permogokan di sekolah agama di Johor Bahru, di Batu Pahat dan di akhir-akhir ini di Kelantan pula. Semuanya ini adalah dari perasaan yang keciwa dan perasaan yang gelap oleh pelajar-pelajar yang memikirkan masa depan pelajarannya dan masa depan kehidupannya. Di manakah tempat mereka bergantung nasib, ini dijadikan sebagai bola yang tidak tentu kesudahannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan sekolah agama juga, dua tahun yang lepas ada satu Jawatankuasa Sekolah Agama seluruh negeri Kelantan mengemukakan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak memohon supaya dipertimbangkan masaalah buku-buku teks kepada sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan.

Dalam perkara ini Allahyarham telahpun mengarahkan supaya dibuat satu kajian di dalam perkara itu. Tetapi yang menyedehkan sampai ke hari ini belum lagi dapat diputuskan samada boleh atau tidak seperti menunggu buah yang tidak gugur. Oleh itu, saya harap kepada pihak yang berkenaan hendaklah dipertimbangkan perkara ini supaya dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang sudahpun memberikan satu pengiktirafan yang wajar kepada guru-guru agama dan ulama lepasan daripada Universiti-universiti Islam baik di timur ataupun di barat. Mereka hari ini sudahpun mendapat kenikmatan sebagaimana yang didapati oleh siswazah-siswazah daripada universiti-universiti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang ulama-ulama pula pada zaman dahulu banyak di kalangan ulama melaksanakan sesuatu ke arah pembangunan negara kita, boleh dikatakan merekalah yang mula-mula sekali meniup semangat kebangsaan dan pembangunan dan semangat baru dalam nidup mereka seperti Syekh Abdul Hamid dan kawan-kawannya. Di manakah ulama-ulama kita hari ini? Kalaulah dahulu mereka lemah bergerak kerana faktor ekonomi tetapi masaalah ini sudah tidak timbul lagi. Apa yang saya risaukan sekarang mereka ini mendiamkan diri, maka sesuatu yang tidak baik mungkin akan berlaku kepada pertumbuhan nasional yang berteraskan Islam di negara ini. Oleh yang demikian ulama-ulama mestilah menentukan sikap mereka ke mana dan lapangan manakah yang perlu mereka berada untuk melahirkan identiti sebagai ulama. Masyarakat semua mengenali dan mengukur dari jauh kebolehan dan kemampuan yang ada pada ulama. Mereka tidak mungkin menolong atau menunjukkan sesuatu jalan kepada ulama-ulama kerana mereka tidak tahu apa yang ada pada ulama-ulama hanya ulama-ulama sahaja yang mengetahui diri mereka sendiri. Sekiranya ulama-ulama tidak bergerak bukan sahaja nama ulama tidak sesuai digunakan tetapi pertahanan nasional negara yang berteraskan Islam sebagaimana yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan hancur. Jika demikian, buah durian yang

buruk tidak perlu lagi menjemput ulat-ulat yang tiba tetapi ulat-ulat itu akan tiba dengan sukarela. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini adalah memandangkan kerana ada beberapa perkara yang menimbulkan kekeliruan orang ramai berkenaan dengan pakaian sebilangan kecil pendakwah sehingga menimbulkan pendakwah berjubah hijau dan juga berjubah putih. Walaupun perkara ini nampaknya kecil tetapi pada pandangan umum ialah memerlukan satu penjelasan adakah keutamaan dalam Islam itu hanya diberi kepada pakaian. Walaupun perkara ini tidak menimbulkan apa-apa bahaya mengikut pandangan sepintas lalu tetapi ia menimbulkan sesuatu kontra dalam fikiran orang ramai yang mana hari ini sudah memberi tumpuan yang banyak terhadap kegiatan dakwah. Mungkin tuan-tuan di sini tidak terasa perkara ini tetapi kami di negeri Kelantan umpamanya di kalangan penduduk-penduduk kampung menjadi satu perbincangan hangat di dalam hal ini. Saya berharap kepada Pusat Islam supaya dapat memberikan penjelasan kepada orang ramai supaya tidak timbul sesuatu kekeliruan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, perkara penilaian adalah perkara utama yang kita harus fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara nelayan yang harus kita memberi keutamaan khususnya masalah muka Kuala Tumpat yang ditimbulkan semasa lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu. Oleh kerana nelayan-nelayan di Tumpat lebih kurang 2,000 tidak dapat keluar ke laut oleh kerana ceteknya di perairan muka kuala itu maka Allahyarham telahpun mengarahkan Jabatan yang berkenaan supaya membeli atau mengadakan satu dredge supaya dapat mendalamkan muka kuala itu bukan sahaja untuk Kuala Tumpat tetapi muka kuala yang lain pun hari ini di seluruh negeri Kelantan mengalami masalah yang sama. Oleh itu tindakan yang sewajarnya perlu diambil.

Menyentuh tentang jalanraya semasa lawatan yang sama juga Allahyarham Tun menyatakan jalan kampung akan dinaikkan kepada taraf jalan penggawa, jalan-jalan penggawa akan dijadikan jalan negeri dan seterusnya jalan negeri akan dijadikan jalan-jalan Federal. Begitulah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya suka

mengambil perhatian Kementerian yang berkenaan, jalan Wakaf Baru ke Tumpat telahpun diangkat oleh Kerajaan negeri supaya dijadikan jalan Federal, tetapi sehingga hari ini belum ada lagi jawapan dari pihak Kementerian Kerjaraya. Di sini saya merayu sekali lagi supaya dapat pihak Kementerian menimbangkan apa yang telah dikatakan oleh Allahyarham Tun.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Rancangan Malaysia Ketiga.

4.56 p/g.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya diluluskan Rancangan Malaysia Ketiga untuk dilaksanakan dalam tahun 1976 hingga tahun 1980. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya mengambil peluang ini untuk memberikan pandangan-pandangan yang saya harap akan diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut. Saya berikan pandangan-pandangan ini daripada hati yang ikhlas dan cita-cita dan hasrat yang bersih dan bukanlah sebagai pendapat-pendapat seorang pakar ataupun orang yang lebih mengetahui dalam perkara-perkara yang saya akan sentuh dalam ucapan saya ini.

Tujuan kita, Tuan Yang di-Pertua, adalah serupa dan sama iaitu kebahagiaan, kemajuan dan keselamatan negara. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab segala yang berkenaan untuk memberikan pandangan-pandangan dan jika perlu teguran-teguran yang membina supaya apa yang dijanji ditunaikan. Dayausaha dan kemampuan yang terhad digunakan untuk mencapai matlamat yang terbesar munafaatnya, kemungkinan berlaku penyelewengan dibataskan, dan semangat dedikasi diserapkan ke seluruh jentera dan individu-individu yang akan diberi tugas-tugas dan tanggungjawab melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dan kerjasama antara segala pihak dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagai satu rancangan lima tahun yang terpenting sekali

di antara rancangan-rancangan lima tahun yang telah dirangka untuk kemajuan dan kebahagiaan negara kita. Kepada saya inilah rancangan lima tahun yang akan menentukan adakah negara Malaysia sebenarnya akan melangkah ke dalam golongan negara yang moden dan berkemajuan, ataupun adakah berpuluh-puluh tahun lagi masih Malaysia tertinggal dalam category negara yang hanya "developing", satu perkataan yang digunakan di kalangan antarabangsa sebagai menggantikan "under developed" yang tidak diinginkan oleh negara-negara antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pula menidakkan kemajuan-kemajuan yang banyak yang telah kita capai dalam beberapa rancangan lima tahun yang lalu yang telah dilaksanakan semenjak negara kita merdeka. Dengan rancangan-rancangan tersebut negara Malaysia telah berjalan jauh meninggalkan lembah kemiskinan, buta huruf, kekurangan tenaga manusia yang terlatih dan terpelajar, kecurangan perbezaan darjah hidup antara kaum dengan kaum, golongan dan golongan dalam masyarakat, kekurangan jalanraya, tenaga letrik, paip air dan kemudahan-kemudahan basic yang lain, yang dahulunya ditumpukan hanya di dalam kawasan bandar dan setengah bandar sahaja. Dahulu negara kita cuma memainkan peranan sebagai pengeluar barang-barang mentah sahaja tidak seperti sekarang ini di mana kita telah mula berkecimpung dalam lapangan perusahaan serta juga mengambil langkah-langkah yang berkesan supaya kita tidak hanya menjadi mangsa pasaran luar dan pasaran dunia sahaja.

Segala persiapan infrastruktur telah dibuat dan hanya hendak diperbaiki dan ditambah lagi mutu dan jumlahnya. Corak pemikiran orang ramai pun telah diorientasikan untuk menerima cara-cara baharu ini. Oleh itu, saya katakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini terpenting sekali peranannya. Ibaratnya seperti kita telah lama berasmara dan telah lama menyiapkan rumahtangga dengan perkakas-perkakas yang telah dikatakan melengkap, hanya sekarang cuma tinggal hendak masuk ke dalam pelamin sahaja.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri akan meneliti dan mengambil

langkah-langkah menentukan bahawa jentera-jentera dan agensi-agensi Kerajaan yang akan diberi tugas untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah sempurna dan baik. Sempurna dan baik bukannya sahaja dari segi mengadakan ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang cukup dan tinggi qualificationnya, minta maaf saya minta izin menggunakan sekali-sekali bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tetapi lebih lagi hendaklah mereka itu diserapkan dengan semangat dedikasi dan sedia bertugas sesuai dengan hasrat dan cita-cita rakyat dan negara. Mereka diberi kuasa-kuasa, peranan-peranan dan tanggungjawab yang tertentu. Sungguhpun mereka akhirnya bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Jemaah Menteri tetapi kebanyakan mereka bertugas dari segi praktikal tidak diawasi dan diganggu kerana kepercayaan telah diberi kepada mereka. Oleh itu, rakyat berhak menuntut jaminan bahawa pegawai-pegawai ini yang bertanggungjawab menyelenggarakan dan mengawasi projek-projek yang berjuta-juta ringgit harganya sedar akan tanggungjawabnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sama juga pentingnya ialah perawakan dan cara-cara mereka menjalankan tugas. Dahulu saya telah biasa bertugas sebagai seorang Pegawai Kerajaan dan saya tahu pihak swasta sering-kali mengkeritik mengatakan Pegawai-pegawai Kerajaan selalunya solid dan defensive dan tidak sedia memberikan keputusan yang tepat dan jelas dengan segera. Dahulu saya tidak bersetuju dengan pendapat ini, tetapi sekarang selepas bertugas di kalangan pihak swasta lebih dari sepuluh tahun, menurut pengalaman saya kritik-kritik yang dibuat ini sungguhpun tidak sepatutnya dijadikan cap keseluruhan kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan tetapi ada juga betul dan kena pada tempat-tempatnya.

Kita faham ada masa mereka boleh membuat keputusan dengan serta-merta dan ini mungkin dibuat dan ada masanya

mereka terpaksa panjangkan kepada pihak yang di atas yang kita harap janganlah digunakan keadaan ini sebagai alasan untuk berdolak-dalik dan melengahkan tindakan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegas dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang saya hendak tegaskan ialah pentingnya keputusan dalam satu-satu perkara itu tidak dilewatkan hingga berbulan dan bertahun. Ini memang telah ada jadi seperti yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Panti pada hari Jumaat minggu lalu. Keadaan ini akan melibatkan keyakinan orang ramai khasnya orang-orang asing kepada kelicinan dan darjah pentadbiran negara kita. Walhal seperti yang ada disebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga negara kita adalah memerlukan pelaburan expertise dan kerjasama pelabur-pelabur asing dalam bidang pasaran dunia. Mereka pula boleh banding-bandingkan keadaan ini dengan keadaan di dalam negeri-negeri yang berjiran dengan kita. Jadi, saya harap soal ini akan diberi perhatian oleh Kementerian-kementerian dengan tujuan membereskan perkara-perkara yang dikemukakan kepada mereka dengan secepat mungkin kecuali ada sebab-sebab yang mustahak yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sebutkan lagi satu perkara berkenaan dengan sikap Pegawai-pegawai yang saya berpendapat hendaklah diperbetulkan demi kelicinan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah berkenaan dengan sikap Ketua-ketua dan Pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun yang sombong dan bongkak. Sungguhpun bilangan mereka ini terkecil sahaja tetapi apabila Pegawai-pegawai berkenaan menjadi Ketua Badan Berkanun misalannya perkara itu menjadi besar bahannya dan sikap tersebut akan mempengaruhi seluruh organisasi yang diketuainya itu. Dengan segala hormatnya saya mengatakan bahawa perkara ini mungkin sukar Yang Berhormat Menteri-menteri hendak menafikannya kerana sikap demikian mungkin lain coraknya bila Pegawai-pegawai itu menghadapi Yang Berhormat Menteri-menteri. Demi kepentingan rakyat dan negara, saya berpendapat bahawa Pegawai-pegawai yang bersikap demikian patut diperintah menukarkan sikapnya dan jikalau tidak hendaklah disingkirkan. Selain daripada

menjalankan tugas, mereka juga menjadi gambaran corak pemerintahan negara kita kepada orang ramai dan kepada orang asing. Adalah penting bagi negara kita pemerintahan negara ini bersikap dan nampak bersikap tegas dan efficient tetapi sedia bertimbang rasa dan faham dan mengerti akan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta dalam negeri dan dari luar negeri. "Tin gods", Tuan Yang di-Pertua, in the administration and public authorities of our country are liabilities and will hinder the efficient and smooth implementation of the Third Malaysia Plan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini menyebut lagi dua, tiga perkara yang saya telah biasa bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang telah lalu. Dua daripada asas yang utama Rancangan Malaysia Ketiga ialah membasmi kemiskinan tanpa mengirakan kaum dan menyusun semula masyarakat dalam negeri ini. Menurut statistik yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga kadar kemiskinan pada tahun 1975 di luar bandar ialah 54% dan di kawasan-kawasan bandar ialah 19%.

Targetnya ialah supaya dalam tahun 1980 kadar kemiskinan di luar bandar menjadi 43% dan di dalam bandar menjadi 16%. Target ini tentulah telah dibuat selepas penelitian secara mendalam dan selepas mendapat nasihat daripada pakar-pakar tempatan dan luar negeri. Bukannya tujuan saya menghujahkan pendapat-pendapat mereka yang berkenaan kerana saya bukan pakar dalam soal ini, tetapi yang saya tahu sebagai Wakil Rakyat yang mewakili kawasan di luar bandar pendapat-pendapat ini mungkin memberi suatu gambaran yang susah mereka hendak menerima. Dengan segala hormatnya saya syorkan peratus-peratus ini dikaji semula, dan keutamaan projek-projek yang terlibat disusun semula untuk membolehkan peratus keadaan kemiskinan bagi kawasan luar bandar diturunkan jauh daripada 43% seperti yang dirancang sekarang. Saya tidak tahu cara melaksanakannya tetapi saya percaya pakar-pakar kita bila diperintah mungkin dapat menentukan jalan. Dengan dibuat demikian kita dapat pula melaksanakan lebih lagi dasar utama yang sama pentingnya iaitu untuk mengurangkan perbezaan darjah hidup antara kaum dan kaum, golongan dan golongan dalam negeri ini.

Oleh itu, ini tidak akan menyentuh perselisihan antara kaum dan kaum kerana sebenarnya yang hendak dibuat ialah supaya golongan yang jauh tertinggal di belakang makin dekat dengan golongan yang di hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya telah bangkitkan dahulu dan sekarang bangkitkan lagi dalam Dewan yang mulia ini ialah soal pentadbiran tanah. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada disebutkan bahawa keutamaan yang tinggi sekali akan diberi kepada perkembangan dan permodenan sektor pertanian di mana terdapatnya sebahagian besar mereka yang miskin dan dari semua kaum. Untuk melaksanakan ini perlu ada pembukaan tanah yang beratus ribu malahan berjuta ekar lagi dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tegaskan lagi bahawa pentadbiran tanah dan hal ehwal berkenaan dengan tanah hendaklah diberi lebih keutamaan dan perhatian daripada apa yang berlaku sekarang. Dewan yang mulia ini telah diberitahu bahawa banyak sebab-sebabnya perkara ini tidak dapat dibereskan dengan memuaskan hati sungguhpun betapa pentingnya memang disedari. Perkara tersebut termasuk kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam hal ehwal tanah dan juga pertukaran yang sering berlaku.

Dengan segala hormatnya saya menegaskan bahawa perkara ini tidak boleh dilengahkan lagi kerana tanah adalah menjadi asas kehidupan masyarakat dan segala soal penghidupan dan pembangunan masyarakat khususnya di luar bandar adalah berkaitan dengan tanah. Sebagai seorang yang biasa bertugas dahulu dalam Jabatan Tanah, saya berasa bimbang bila melihat cara-cara pentadbiran tanah yang dijalankan di setengah-setengah pejabat yang saya telah lawati untuk urusan saya sendiri ataupun bagi pihak pelanggan-pelanggan saya. Saya harap soal ini akan diberi setinggi-tinggi keutamaan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di masa kita mula melangkah masuk ke dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini menyebutkan soal berkenaan dengan kedutaan kita di luar negeri. Duta-duta dan pegawai-pegawai diplomat

kita yang bertugas di luar negeri penting sekali faham dan tahu akan dasar-dasar, hasrat dan cita-cita negara dan bangsa. Selain daripada kelulusan universiti dan sebagainya sama juga dan boleh jadi lebih pentingnya mereka itu diserapkan dengan semangat kebangsaan dan negara. Mereka tinggal di luar negeri beberapa lama dan kebanyakan mereka sekali-sekali pulang itupun mengambil masa yang singkat sahaja. Jadi sebagai manusia biasa dengan aliran masa, boleh jadi pengertian dan fahaman mereka dipengaruhi oleh environment jika-lah perhubungan mereka dengan Malaysia tidak selalu diteratkan. Selain daripada menjadi wakil-wakil kita di negara-negara luar, mereka semestinya menjadi gambaran kita dan ukuran elok baiknya negara kita di mata orang-orang di negeri asing di mana mereka bertugas.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri memang tahu dan sedar akan perkara yang saya bangkitkan di sini. Saya cuma mengambil peluang ini untuk menegaskan hal ini dengan tujuan supaya soal ini diberi perhatian yang sewajarnya kerana perhubungan yang baik dan gambaran Malaysia di luar negeri yang membangkitkan kehormatan dan keyakinan kepada Malaysia adalah soal yang penting demi masa hadapan negara kita. Duta-duta dan diplomat-diplomat di luar negeri yang difikirkan kurang sesuai dan tipis semangat dan perasaan kebangsaannya hendaklah dipanggil balik dan tidak dibiarkan bertahun-tahun bertugas di luar negeri cuma untuk memenuhi tempat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga negara kita perlukan wang perbelanjaan pembangunan sebanyak \$18.6 ribu juta dibandingkan dengan \$9.6 ribu juta bagi Rancangan Malaysia Yang Kedua. Untuk membantu membiayai perbelanjaan ini adalah perlu dibuat pinjaman dalam negeri sebanyak \$11 ribu juta dan dari luar negeri \$5.8 ribu juta. Ini adalah hampir-hampir \$1,500 bagi tiap-tiap seorang penduduk dalam negara Malaysia. Oleh itu untuk membiayai Rancangan Malaysia Yang Ketiga negara kita akan meminjam wang yang terlalu banyak, dan saya harap bila dilancarkan Rancangan Malaysia Yang Ketiga Kerajaan akan benar-benar mengawasi dan mengambil langkah yang menjamin bahawa segala wang peruntukan

akan dibelanjakan dengan bijak dan teratur oleh segala agensi-agensi Kerajaan dan negeri serta Badan-badan Berkanun. Pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah menjalankan segala projek-projek dengan halus dan teliti supaya tidak ada sebarang penyelewengan dan ketinggalan seperti yang telah ada berlaku dalam masa melaksanakan Rancangan-rancangan Lima Tahun yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk mencadangkan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN UCAPAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Tuan Yang di-Pertua: Dengan tambahan waktu ini, saya harap lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap boleh bercakap dan jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lanjut hendak tuntutan sampai setengah jam sebagaimana yang saya cadangkan dahulu itu, boleh dikatakan

semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru bangun tadi boleh bercakap. Dan sekarang ini dijemput sesiapa yang hendak bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dua tiga hari sudah menungguinya. Minta dipendekkan sedikit ucapan itu Yang Berhormat.

5.18 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping bercakap dalam Bahasa Kebangsaan, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Au How Cheong: Dalam ucapan-nya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melapurkan bahawa pada keseluruhannya ekonomi negara kita telah berkembang lebih daripada 7% setiap tahun. Ini adalah satu pencapaian yang boleh dikatakan luar biasa kerana dalam jangka masa dari tahun 1974 hingga 1975 adalah tahun-tahun yang buruk bagi ekonomi sedunia. Saya percaya bahawa kadar perkembangan setinggi seperti ini adalah merupakan hasil kerja rajin dan usaha yang disumbangkan oleh kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan dan pihak swasta.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan bertujuan hendak mencapai satu kadar perkembangan ekonomi yang lebih tinggi iaitu 8.5% setahun. Kerajaan patut dipujikan kerana mendapatkan target yang tinggi itu. Ini bererti bahawa Kerajaan telah memutuskan hendak membesarkan ekonomi kita supaya dapat Kerajaan memberi lebih banyak faedah kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat gembira kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperhubungkan kempen menghapuskan kemiskinan dan usaha-usaha menegakkan keselamatan negara. Pengalaman-pengalaman beberapa buah negara membangun di Asia dan juga di tempat-tempat lain adalah menunjukkan

bahawa pemberontakan akan berlaku sekiranya rakyat tidak puas hati. Jika orang-orang di kawasan luar bandar dan juga kawasan bandar akan ada makan, pakaian, rumah kediaman dan menikmati kemudahan-kemudahan yang lain seperti kenderaan maka mereka tidak mungkin memberontak untuk menggulingkan Kerajaan.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Prime Minister also touched on the performance of the Government in the last five years and highlighted the successes of the Second Malaysia Plan, but we should realise that all has not been well with the implementation of the Second Malaysia Plan and this has been reflected in the speeches made by many of the Honourable Members before me.

Saya fikir adalah adil untuk menyatakan Rancangan Malaysia Kedua telah gagal menyatukan rakyat kita. Pada penghabisan Rancangan Malaysia Kedua, perkara ini adalah nyata, sedangkan orang-orang Melayu sendiri tidak dapat seperti apa yang diharapkan oleh mereka. Di samping itu di antara kalangan orang yang bukan Melayu telah ujud perasaan terlucut sesuatu daripada mereka dan di antara investors pula, mereka dapat perasaan ketidakpastian. Banyak masaalah-masaalah pada peringkat bawahan masih belum diselesaikan lagi, misalnya, dalam daerah Hilir Perak ada 57 kawasan lagi yang belum dapat kemudahan asas seperti air paip dan bekalan letrik, walaupun selepas tempoh 10 tahun atau selepas kedua-dua Rancangan Malaysia.

Kini saya hendak menyentuh tajuk-tajuk tertentu, khususnya dengan merujuk dan emphasis kepada statistik dan muka-muka surat dan rajah-rajah yang dirujuk di sini adalah semuanya dirujuk kepada the English version of the Third Malaysia Plan.

Poverty

Tuan Yang di-Pertua, the Third Malaysia Plan places great emphasis on the eradication of poverty and statistics have been given on the reduction of the percentage of poor families, but there is nowhere in the Plan which identifies what is the poverty line. Table 9-6 under Paragraph 562, page 180, shows the number of poor households by race in 1970, but we do not know whether the same criteria have

been used for rural and urban families. There obviously must be a difference in the criteria for judging or ascertaining poverty in rural and urban areas.

However, I would like to draw the attention of this House to Table 4-13 on page 73, Paragraph 236 which compares the number of poor rural households to poor urban households with the forecast from 1970 to 1990. In the rural areas, the number of poor families were 705,900 in 1970, a slight increase to 729,900 in 1975, dropping to 646,700 in 1980 and right down to 388,900 in 1990. In other words, the number of poor families in 1990 will be roughly half the number of poor families in 1970. Comparing this with poor households in urban areas, this shows a steady increase from 85,900 in 1970 to 105,200 in 1975 to 121,600 in 1980 and 125,000 by 1990. To me, this simply means that we are shifting poverty from the rural to the urban areas, and by 1990, we will have more poor families in the urban areas. I hope that the Government will take particular note of this projection and take the necessary steps to correct the situation, as urban poverty can only result in many social problems such as drug addiction, crime, squatters, slums and racial tension.

Mengenai rancangan khas untuk membasmi kemiskinan, masaalah utama yang terlibat dalam sektor pertanian merupakan bahawa tanah-tanah mereka adalah dalam suatu keluasan yang tidak menguntungkan dari segi ekonomi. Jika demikian rancangan tentang memberi bantuan dalam bentuk memberi lebih baja dan biji-biji benih untuk penanaman akan menjadi tidak efektif kerana masaalah-masaalah asas adalah saiz tanah tidak menguntungkan.

I would like to quote Paragraph 498, rubber smallholders

Tuan Yang di-Pertua: Are you going to quote? Don't waste time! The paragraphs are already printed in the book anyhow.

Tuan Au How Cheong: I would just like to refer to Paragraphs 498 and 499.

Tuan Yang di-Pertua: Just refer to the paragraphs. That is all!

Tuan Au How Cheong: Sir, what is, therefore, needed is a land reform programme and a consolidation of all the non-economical sized lands. If new land schemes are going to be opened up, then land reform should be introduced without further delay to reap the maximum benefit.

I also notice that under the Third Malaysia Plan, 1,000,000 acres of new land will be opened up, but there are no statistics to show what percentage of this will be allocated to non-Malays. Under Paragraph 580 in the Plan, it is provided that in the restructuring of society, more Chinese will be encouraged to go into the agricultural sector. But if we look at the past five years, Table 9-10, under Paragraph 574, page 187, we can see that the Chinese employment in the agricultural sector increased only from 300,900 to 317,600 which is an average increase of 1% per year, which is not even a growth rate keeping pace with the natural population increase. In terms of percentage, therefore, it is obvious that there must have been a decline in the percentage of Chinese employed in the agricultural sector. Such a situation is not consistent with the statement in paragraph 580.

Employment

Saya berasa bimbang bahawa corak pekerjaan untuk lima tahun yang lampau telah menunjukkan orang yang bukan bumiputra sentiasa terasa tidak selamat. Jika kita memandang, Table 8-2, di muka 142, kita akan dapati unemployment di kalangan kaum bumiputra jatuh dari 8.1% kepada 6.9%, whereas unemployment for non-Malays went up. Indeed, in absolute numbers, the number of unemployed Malays went down from 126,400 to 123,300 and the number of unemployed non-Malays went up from 114,100 to 141,100, an increase of some 28,000. In fact, Table 8-2 is very revealing because it shows that as far as the Chinese are concerned, employment went down in every sector except the services sector in terms of percentage. The Government must surely take note of this, and I am surprised that there is no projection for the employment pattern for 1980 and 1990 by race, and I hope these figures can be published soon.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai education. Inilah satu bahagian yang saya rasa Kerajaan harus benar-benar berfikir semula tentang dasarnya ke atas persoalan menyusun semula masyarakat.

If one looks at Table 22-6 under Paragraph 1,376, one can see that whereas the enrolment of Malay students at every level of education has increased between 1970 and 1975, the level for the non-Malays has declined. Indeed, as far as secondary and lower education is concerned, the Chinese enrolment went down by an average of 10% over the five years, which is a significant drop. In terms of tertiary education, the number of Malay enrolment went up from 6,622 to 20,547, a three-fold increase out of a total number of students of 31,529 which can be seen in Table 22-7 on page 401. Table 22-8 on pages 402 and 403 is even more revealing as it shows that there are indeed many courses such as Applied Arts, Hotel Catering, Mass Communication, etc. in which there is non-Malay participation whatsoever. If we are serious in restructuring, then surely there must be an intake of non-Malays in these courses as well.

Tuan Yang di-Pertua, higher fees and other restrictions would make it more difficult for our students to go overseas for higher studies. Our institutions of higher learning should therefore admit students of all races equitably so as to reduce frustration among our young and bright population.

Tuan Yang di-Pertua, I would also like to draw the Government's attention to Table 22-9 on page 405 under Paragraph 1,381 which provides the Expenditure Programme from 1971 to 1980. As far as the provision for the Tunku Abdul Rahman College is concerned, there is, in fact, no new allocation under the Third Malaysia Plan for this institution. The allocation of \$6.2 million is, in fact, an amount which was not utilised under the Second Malaysia Plan.

So much about statistics, and I would now like to touch on the private sector investment.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga menitikberatkan ketegasan yang besar kepada penanaman modal oleh sektor swasta dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa sektor swasta

hendaklah menjadi rakan yang benar dengan Kerajaan. Kita semua sedar bahawa penanam modal atau investor pada tahun 1975 adalah rendah sekali. Rasa saya ada banyak sebab-sebab tentang investment yang rendah ini tetapi Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang positif demi mencipta satu suasana yang baik untuk investors. Adalah sia-sia dengan hanya berkata sahaja kita mempunyai suatu suasana yang baik untuk menanam modal sedangkan jentera untuk memperolehi penanaman modal ini tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta tolong pendekkan ucapan, kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap.

Tuan Au How Cheng: Saya gulung. Akhirnya, I joint my fellow Members to stress kejayaan atau kegagalan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah bergantung kepada perlaksanaannya. Kalau tidak mempunyai jentera pentadbiran untuk melaksanakan rancangan ini, maka Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak mungkin berjaya walaupun elok nampaknya rancangan ini. Tidak ada gunanya kalau badan kereta Rolls Royce yang elok itu dipasang dengan injin yang rosak.

Saya yakin semua rakyat Malaysia ingin dan bersedia untuk menyertai sebarang rancangan sekiranya rancangan itu akan memperbaiki nasib mereka. Umpamanya, kalau peluang-peluang pelaburan ada ujud, tentulah pelabur akan tampil ke hadapan untuk melabur. Jika ada jentera pentadbiran yang licin dan sempurna maka tidak payahlah menggalakkan orang ramai untuk memperbaiki nasib mereka, mereka sendiri akan berbuat demikian.

Last of all, I have dealt with some of the aspects of the Third Malaysia Plan, which I think need to be looked into. However, I would like to congratulate the Government on a very genuine effort in trying to unite our people and give our people a better life.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to fully support the Motion by the Prime Minister.

5.35 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut menyokong program Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Di samping menyokong usul ini, ingin juga saya menyatakan pendapat dan pandangan saya atas segala rancangan yang telah diatur itu. Sebelum mengulas segala rancangan itu kita patutlah memberi penghargaan yang tinggi kepada pemimpin-pemimpin kita samada yang masih hidup atau yang telah pergi atas jasa-jasa bakti dan khidmat mulia mereka dalam menayakan Rancangan Malaysia Pertama dan yang Kedua yang lalu yang telah sama-sama kita nikmati hasilnya selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tidak ada orang yang waras fikirannya yang berani menafikan segala kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam berbagai bidang di negara ini. Kalau kita lihat di dalam sawah iaitu sektor pertanian yang sama-sama kita faham sektor yang paling miskin sekali pekerja-pekerjanya, kalau dahulu kita dapat melihat kerbau dan basikal yang digunakan tetapi hari ini sudah berganti dengan trektor dan motosikal. Jalan-jalan kita jadi penuh sesak, sempit, penuh dengan lalu-lintas. Ini membuktikan bahawa kemajuan pesat yang kita telah capai selama ini. Ini ialah hasil dari kemantapan dan kestabilan politik kita, dan faktor utama yang menyebabkan kestabilan politik kita ialah sokongan bulat yang diberi oleh penduduk-penduduk luar bandar. Hasil sokongan bulat penduduk-penduduk luar bandarlah kepada Kerajaan negara kita mencapai kejayaan yang gemilang. Tetapi, malang sungguh nasib penduduk-penduduk luar bandar yang menjadi teras Kerajaan itu. Kemajuan dan kekayaan negara dinikmati dan dipunyai oleh orang lain, mereka hanya boleh melihat dengan mengigit jari sahaja. Mereka hanya mempusakai kemiskinan dan kemunduran. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini mereka diberi keutamaan, diutukkan belanja yang lebih supaya mereka sama-sama dapat menikmati hasil dari keringat dan pengorbanan

yang telah mereka berikan. Saya sangat-sangat mengharapkan supaya jangan ada hendaknya suara-suara sumbang yang mempersoalkan segala peruntukkan khas yang akan diberi oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk luar bandar dan diharap sangat-sangat pihak Kerajaan mestilah bersungguh-sungguh membantu dan benar-benar ikhlas menentukan yang penduduk luar bandar mendapat hak-hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang tujuan Kerajaan untuk mengurangkan keadaan jurang ekonomi di kalangan negeri-negeri di negara ini iaitu dengan memberi perhatian yang lebih besar kepada pembangunan untuk negeri-negeri yang dianggap kurang maju, seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan lain-lain, maka saya suka menarik perhatian Kerajaan bahawa dalam negeri-negeri yang dianggap maju masih kedapatan daerah-daerah yang mundur. Saya ulang sekali lagi, bahawa dalam negeri-negeri yang dianggap maju masih kedapatan daerah-daerah yang mundur, masih wujud kawasan-kawasan yang belum dimajukan. Sebagai contoh di Negeri Pulau Pinang kawasan luar bandar-nya di mana hampir 70% didiami oleh orang Melayu keadaannya adalah sama seperti kawasan-kawasan dalam Negeri Kedah dan Perlis. Mata pencarian penduduknya ialah bersawah dan menangkap ikan atau lebih tepat dinamakan petani dan nelayan. Apa yang lebih menyedihkan ialah sawah-sawah di kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang iaitu di kawasan saya sendiri yang seluas 2,000 ekar itu tidak mendapat kemudahan-kemudahan taliair yang moden. Sistem taliairnya adalah sistem taliair yang diwarisi dari zaman sebelum merdeka. Kalau petani-petani di Perairan Muda dapat menambah pendapatan mereka dari tahun ke tahun dengan jalan menanam padi dua kali setahun, tetapi petani-petani di kawasan saya kian tahun kian kurang pendapatan mereka lantaran sawah mereka hanya mengharapkan air dari langit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini maka suka saya menyarankan supaya bantuan khas hendaklah diberikan kepada kawasan-kawasan yang mundur ini untuk keperluan menyediakan sistem tali-air yang lebih moden bagi memajukan cara pertanian supaya menjadi perusahaan yang boleh mengeluarkan hasil yang dapat di

pasar dan diperdagangkan di samping membangunkan perusahaan kecil-kecil yang berasaskan pertanian.

Berhubung dengan nelayan-nelayan, usaha-usaha hendaklah dibuat supaya semua nelayan-nelayan dikumpulkan di dalam persatuan-persatuan nelayan di bawah kelolaan MAJUIKAN. Seperti yang telah sama-sama kita maklum bahawa kaum nelayanlah yang paling menderita dan paling terkebahaw pendapatannya. Nasib mereka tidak berubah sejak beberapa lama. Sungguhpun terdapat alat-alat moden dan hasil tangkapan yang lebih baik dalam perusahaan ikan hari ini tetapi semua tambahan faedah dan pendapatan tersebut tidak pernah dirasai oleh nelayan-nelayan yang terlibat. Yang membolot faedah-faedah itu adalah pemodal-pemodal juga.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sudah tibalah masanya pihak Kerajaan melalui MAJUIKAN membuat peraturan-peraturan perlu dan jika mustahak mengadakan undang-undang yang bertujuan membolehkan nelayan-nelayan memperoleh pendapatan yang lebih baik, mendapat faedah K.W.S.P. (E.P.F.), SOCSO (Perlindungan Insuran Pekerja-pekerja) dan lain-lain faedah yang dinikmati oleh lain-lain kaum pekerja di negeri ini. Sebagai contoh, peraturan boleh dibuat supaya semua lesen-lesen pukat tunda pada masa hadapan hanya boleh dikeluarkan pada Persatuan-persatuan Nelayan di bawah kelolaan MAJUIKAN sahaja. Dengan adanya kawalan seperti ini maka kebajikan nelayan-nelayan dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan yang dipusakai oleh nelayan-nelayan dan petani-petani yang tinggal di kawasan yang kurang maju juga di Negeri Pulau Pinang adalah merupakan satu masalah besar bagi mereka. Cara-cara melepaskan diri dari kemiskinan itu nampaknya ialah dengan menukar mata pencarian. Mata pencarian baharu itu pula mestilah disesuaikan dengan dasar dan matlamat pihak Kerajaan Negeri. Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah mengubah corak ekonomi negeri dari perniagaan dan pertanian kepada perindustrian. Sekarang nyatalah bahawa orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Sebarang Perai mestilah menyesuaikan diri mereka dengan iklim ekonomi negeri itu. Mereka mestilah mengubah mata

pencarian mereka dari petani dan nelayan kepada perindustrian atau lain-lain perusahaan yang berasaskan perindustrian. Dalam hubungan ini pada hemat saya bidang yang paling sesuai dimasuki oleh orang-orang Melayu di negeri itu ialah lapangan pengangkutan. Kebetulan pula sudah ada dan sudah ujud Syarikat-syarikat Kerjasama yang berfungsi pengangkutan di Negeri Pulau Pinang itu. Bidang pengangkutan di negara ini akan bertambah maju lagi dengan adanya pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang dan penukaran lebih banyak lagi industri-industri baharu. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan, salah satu cara meninggikan taraf hidup bumiputra di negeri Pulau Pinang ialah dengan memberi keutamaan dan galakan kepada mereka melibatkan diri dalam lapangan pengangkutan. Saranan saya adalah seperti berikut:

- (1) Lesen-lesen teksi yang baru di negeri itu hendaklah dikhaskan kepada bumiputra sahaja dan dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama Kenderaan dan Pengangkutan.
- (2) Kerajaan hendaklah memperluaskan Perkhidmatan Mini-Bas ke Pulau Pinang dan lesennya hendaklah dikeluarkan segera kepada Syarikat-syarikat Kerjasama.
- (3) Perkhidmatan Bas Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu hendaklah diserahkan kepada Syarikat Bumiputra. Pada mulanya eloklah diambil alih oleh MARA dan akhirnya diserahkan kepada badan bumiputra yang berkemampuan menguruskannya.
- (4) Lesen-lesen bas pelancung dan bas kilang mestilah diberikan kepada syarikat-syarikat kerjasama sahaja.

Kalau kita lihat pada hari ini sudah banyak lesen-lesen bas kilang yang telah dimonopoli oleh pemodal-pemodal. Pada mulanya Kerajaan bercadang mengeluarkan lesen-lesen bas kilang ini hanya kepada bekas Pasukan Keselamatan sahaja, tetapi pada hari ini sudah menjadi sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, saya yakin cadangan saya ini boleh dipraktikkan dan saranan saya ini janganlah dianggap

mementingkan satu-satu kaum sahaja. Sebenarnya hanya itulah satu-satunya sahaja peluang yang masih ada dan mampu pula disertai oleh bumiputra di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh mengenai peranan ugama Islam di negeri ini. Keselamatan dan kemajuan atau pembangunan saling bergantung di antara satu sama lain seperti aur dengan tebing, tanpa keselamatan dan kesetabilan dalam negeri pembangunan ekonomi akan terhalang. Sebaliknya tugas menjaga keselamatan negeri akan menjadi lebih sukar tanpa kemajuan, sosial dan ekonomi. Ancaman yang paling besar terhadap keselamatan negara kita sekarang ialah penganas kominis. Semua pendapat sudah bulat menyatakan bahawa halangan terhadap penyusupan fahaman kominis dalam negara ini ialah Islam. Islam menjadi benteng yang paling kukuh menahan serangan kominis dan jika orang-orang Melayu di negara ini bukan beragama Islam maka sudah lama negeri ini di bawah takluk kominis. Sudah lebih 25 tahun kominis mencuba dengan berbagai helah untuk mempengaruhi orang Melayu supaya menyebelahi perjuangan mereka, namun demikian segala usaha-usaha mereka selama ini menemui kegagalan belaka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang mari kita lihat dan periksa benteng Islam yang kita akui kukuh dan kebal itu. Kalau diperhatikan betul-betul maka akan kedapatan benteng Islam itu telah mulai retak di sana sini. Sudah ada lobang-lobang kecil yang akhirnya kalau tidak betul-betul dipelihara dan dibaiki akan roboh dan ditembusi oleh musuh-musuh kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak rela Islam hanya dijadikan alat sebagai perisai memerangi kominis. Sepanjang yang sama-sama kita maklum alat hanya digunakan untuk mencapai sesuatu maksud, maka apabila maksud sudah tercapai maka alat itu-pun diketepikan atau dicampak begitu sahaja. Selama ini apakah usaha-usaha yang konkrit yang telah diambil untuk menguatkan lagi pengajaran Islam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak seharusnya membebaskan tanggungjawab mengembangkan syariat Islam kepada alim ulamak dan ustaz-ustaz sahaja, sebaliknya

adalah menjadi kewajiban kepada setiap orang yang mengaku dirinya Islam mengembangkan dan memeliharanya. Dalam hubungan ini, kita sangat-sangat bersyukur ke hadrat Illahi kerana Perlembagaan negara kita telah memaktubkan Islam sebagai Ugama rasmi negara kita, namun demikian kita tidaklah boleh berpuas-hati dengan keadaan yang ada itu sahaja. Kerajaan hendaklah mengambil langkah segera dari sekarang:

- (1) menyusun semula sistem pelajaran ugama Islam yang diajar di sekolah-sekolah sekarang supaya pengajaran itu lebih berkesan.
- (2) Kerajaan hendaklah mengadakan sekolah-sekolah menengah ugama sekurang-kurangnya sebuah di tiap-tiap Negeri dan murid-muridnya bolehlah terdiri dari murid-murid yang lulus Sekolah Rendah atau Lulus Sijil Rendah Pelajaran.
- (3) Kerajaan hendaklah dengan segera menubuhkan Maktab-maktab Perguruan Ugama Islam untuk melatih guru-guru ugama bagi mengajar di sekolah-sekolah.
- (4) Badan-badan dakwah yang banyak terdapat di negara ini hendaklah diselaraskan kegiatannya dan jika perlu disatukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyentuh tentang peranan Radio, TV dan lain-lain alat-alat sibaran am Kerajaan. Peranan Radio, TV dan lain-lain alat sibaran am Kerajaan patut dikaji semula. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dahulu Radio, TV dan lain-lain alat sibaran am Kerajaan telah digunakan sepenuhnya untuk menerangkan dasar matalamat Kerajaan iaitu memberi perhatian dan tumpuan yang lebih kepada penduduk-penduduk luar bandar khususnya bumiputra. Tiap-tiap hari kita mendengar melalui Radio berbagai-bagai peluang, berbagai-bagai kemudahan disediakan oleh Kerajaan kepada bumiputra, dari pagi-pagi sehingga ke tengah malam kita mendengar dari Radio beribu-ribu ringgit, berjuta-juta ringgit disediakan oleh pihak Kerajaan untuk bumiputra mencari jalan untuk mendapatkan modal-modal itu. Jika kita teliti betul-betul maklumat yang disampaikan oleh Radio dan TV itu seolah-olah segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan hanya ditumpukan kepada orang Melayu dan

bumiputra sahaja, kaum-kaum lain tidak mendapat apa-apa. Maklumat ini adalah bertentangan sekali dengan hakikat yang sebenar. Facts and figures telah menunjukkan bahawa faedah-faedah awal dalam pembinaan berbagai projek Kerajaan hampir kesemuanya dinikmati oleh orang-orang bukan Melayu melalui kontrektor-kontrektor di bandar. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pinjaman bank. Semenjak tahun 1969 iaitu apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pinjaman bank kepada bumiputra ialah berjumlah \$790 juta, kepada bukan bumiputra \$6,590 juta. Kepada bumiputra hanya 12% sebaliknya kepada bukan bumiputra 88%, tetapi ini kita tidak mendengar daripada Radio dan TV juga lain-lain alat sibaran am.

Lagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan UDA adalah bertujuan untuk menempatkan orang-orang Melayu mendapatkan tempat-tempat atau tapak perniagaan di bandar. Banyak orang-orang yang bukan Melayu iri hati dengan penubuhan UDA, PERNAS, PETRONAS dan sebagainya, tetapi mari kita lihat facts and figures ini. Mulai dari tahun 1971 hingga 1975 nilai projek yang telah dibelanjakan oleh UDA adalah berjumlah \$174,107,050. Tender-tender yang didapati oleh orang-orang Melayu melalui UDA ini berjumlah \$51,120,885. Dan berapa pula yang didapati oleh yang bukan bumiputra? Tuan Yang di-Pertua, tender yang didapati oleh orang yang bukan bumiputra ialah \$122,986,195. Ini menunjukkan bahawa walaupun UDA itu bertujuan untuk membantu orang Melayu tetapi pada projek awalnya yang mendapat segala faedah, yang mendapat segala keuntungan ialah orang-orang yang bukan bumiputra. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya alat-alat sibaran am kita ini tidak pernah menerangkan bahawa segala pembangunan, segala peluang selama ini lebih banyak didapati oleh bukan bumiputra kalau dibandingkan yang didapati oleh orang bumiputra. Kata pepatah Melayu; orang bumiputra ini menang sorak tetapi alah sabung. Sorak sahaja menang tetapi dalam gelanggang kita kalah dalam sabungan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habiskah?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, saya fikir sudah habis.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya harap maklumat-maklumat yang tidak seimbang ini akan dapat diperbetulkan oleh pihak-pihak yang tertentu, oleh pihak Radio dan TV juga lain-lain alat siberan am. Kita bimbang kalau maklumat-maklumat yang tidak seimbang ini selalu disiarkan maka akan timbul perasaan keciwa di pihak bumi-putra kerana mereka tidak mendapat apa-apa yang dijanjikan kepada mereka, dan kaum-kaum lain pula akan merasa mereka telah diketepikan dan dalam keadaan yang demikian pihak musuh, terutamanya komunis mendapat kesempatan yang baik untuk menimbulkan bibit-bibit kebencian rakyat terhadap Kerajaan dan memusnahkan asas-asas pembinaan negara. Oleh yang demikian, satu strategi yang lengkap hendaklah disusun supaya alat siberan am dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini benar-benar mencapai matlamatnya.

Sebelum saya duduk sekali lagi saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan keyakinan dan harapan ia akan membawa kemakmuran dan kejayaan kepada rakyat dan negara kita.

5.55 ptg.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baharu-baharu ini. Beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menarik perhatian saya. Ada banyak pandangan-pandangan yang membina yang sepatutnya mendapat perhatian yang mendalam dari pihak Kerajaan.

Saya suka memberikan sedikit pandangan saya dalam beberapa perkara berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Penggunaan Bahasa Malaysia di Dewan

Sebelum saya menyentuh beberapa perkara yang ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia dalam Dewan ini. Arahan telah dibuat oleh Tuan

Yang di-Pertua pada 19hb Disember 1975 mengenai dengan penggunaan Bahasa Malaysia di Dewan. Pada persidangan bulan Mac/April, tahun ini penggunaan Bahasa Malaysia telah menunjukkan progres yang baik, yang Ahli-ahli telah mengikuti arahan Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pada persidangan kali ini akan tetapi nampaknya arahan dan rayuan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua tidak berapa dipatuhi oleh Ahli-ahli termasuk bapak-bapak Menteri-menteri sendiri. Ini sangatlah dikesali. Oleh kerana perlaksanaan Bahasa Malaysia telah dikuatkuasakan maka tidak sepatutnya rayuan dan arahan dikeluarkan kepada Ahli-ahli. Keizinan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua hanyalah yang berupa sangat teknikal, misalnya, mengemukakan Rang Undang-undang Perlembagaan atau pun Rang Undang-undang yang lain yang mana difikirkan sangat-sangat perlu untuk diterangkan kepada Ahli-ahli dari segi tekniknya tetapi menerangkan dalam rangka dasar tidaklah timbul dari segi teknik yang hendak diterangkan kepada Ahli-ahli. Saya memberi alasan bahawa:

- (i) di dalam Dewan ini kita mempunyai alat-alat yang cukup, misalnya seseorang Ahli bercakap dalam Bahasa Malaysia terjemahannya boleh didapati daripada Penterjemah Serentak Parlimen (Simultaneous Interpreters), begitu juga kepada Ahli-ahli yang pada masa ini telah menguasai Bahasa Malaysia pada peringkat yang tinggi. Dengan kerana itu meminta izin dari Tuan Yang di-Pertua tidaklah begitu penting.
- (ii) liputan berita baik di TV mahupun di akhbar semuanya mengerti dalam kedua-dua bahasa. Jadi minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris pada fikiran saya tidaklah perlu dan tidak harus digalakkan, kecuali kita tidak mempunyai kelengkapan terjemahan dan sebagainya.

Peruntukan kepada negeri-negeri yang mundur terutama Kedah, Perlis, Trengganu, Kelantan, Melaka, Sabah dan Sarawak

Adalah dirasai bahawa peruntukan yang banyak hendaklah ditumpukan kepada negeri-negeri yang berkenaan supaya pelaksanaan dapat berjalan dengan teratur terutama dari segi pegawai-pegawai tingginya. Didapati bahawa pelaksanaan di

setengah-setengah negeri tidak begitu lancar. Ini disebabkan tidak ada koordinasi antara Negeri-negeri dengan Kerajaan Pusat. Pertukaran selalu dibuat kepada pegawai-pegawai yang sedang merancang ataupun melaksanakan projek-projek. Sekiranya jentera pentadbiran hendak dijalankan dengan teratur maka pegawai-pegawai yang dihantar ke negeri-negeri yang berkenaan hendaklah tidak ditukar selalu. Ini tidak bermakna negeri-negeri yang telah maju tidak seharusnya di kebelakangan dari segi peruntukan kemajuan pembangunan. Apa yang diharapkan oleh negeri-negeri yang berkenaan ialah khususnya kepada Pejabat-pejabat Tanah yang harus ditumpukan dengan sepenuh hati kerana pejabat-pejabat ini ada hubungannya dengan rakyat di luar bandar.

Penyemakan Jentera Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan dengan lebih efektif jentera-jentera Kerajaan, pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan hendaklah menjalankan tugasnya dengan begitu dedikasi. Terdapat masa bekerja bagi pegawai-pegawai Kerajaan ialah dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 4.00 petang, dari itu pegawai-pegawai seharusnya datang pada masa yang ditetapkan. Ini saya nampak pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan pukul 8.00 pagi masih main golf lagi. Jikalau Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan bersikap demikian bagaimanakah perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga kita ini akan berjalan dengan licin. Ini cuma melambatkan jentera Kerajaan. Ketua-ketua Pejabat adalah bertanggungjawab memastikan kedatangan kakitangannya. Sebagai contoh, Ketua-ketua Pejabat itu sendiri mestilah datang pada masa yang ditetapkan, jadi barulah kakitangan di bawahnya mendapat satu contoh yang baik.

Kegiatan-kegiatan Kominis

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini keadaan negara kita begitu serious, walaupun begitu keadaan negara adalah terkawal. Dalam Persidangan UMNO yang lepas perkara kekecohan anasir-anasir kominis telah menjadi-jadi. Penangkapan beberapa orang Ahli Parti Kominis Malaya telah menunjukkan bahawa ada kaitannya

kegiatan-kegiatan itu meresap di Jabatan-jabatan Kerajaan. Oleh itu, satu penyelidikan yang serious mestilah dibuat di tiap-tiap Jabatan Kerajaan. Ini untuk memastikan supaya tidak ada penyelewengan atas jentera-jentera Kerajaan. Saya cadangkan satu badan khas seperti Biro Siasatan Negara yang bebas yang tidak tertakluk kepada mana-mana arahan supaya dapat menjalankan siasatan yang menyeluruh kepada tiap-tiap pegawai yang disyaki samada dalam Jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan juga di gudang-gudang perniagaan.

Penyertaan Bumiputra

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan bahawa 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Angka-angka yang diberi dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga belum begitu menggalakkan. Saya suka menarik perhatian bahawa kerjasama dari pihak-pihak perniagaan hendaklah diminta supaya dapat membantu penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian terutama dalam lapangan yang orang-orang Melayu kurang mengambil bahagian, umpamanya, dalam lapangan impot-ekspot, pembekal-pembekal barang (wholesaler) adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan supaya bekalan yang dihantar kepada kedai-kedai kecil mendapat harga yang berpatutan. Dewan-dewan perniagaan juga perlu memberi kerjasama kepada Kerajaan terutama Dewan Perniagaan China dan India di mana dapat membantu dan menunjukajar kepada peniaga-peniaga kecil Melayu. Harga barang-barang pada masa ini naik dengan begitu mudah. Sekiranya tidak ada kawalan kepada pembekal-pembekal ini maka rakyat akan lebih susah untuk mendapatkan keperluan-keperluan harian kerana rakyat di luar bandar tidak begitu mengetahui akan turun-naiknya harga barang-barang sebagaimana yang ditetapkan oleh pekedai-pekedai.

Sebaran Am

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, pada dua hari yang lepas bahawa berita-berita yang disiarkan di luar negeri lebih banyak menceritakan keadaan

yang sebenar berlaku di Malaysia daripada liputan berita yang dikeluarkan di dalam negeri sendiri. Ini disebabkan bahawa sebaran am kita terutama Radio dan TV di bawah kontrol Kerajaan. Untuk mendapatkan berita-berita yang tidak berat sebelah, saya cadangkan Radio dan TV hendaklah dijadikan sebagai satu perbadanan yang tidak tertakluk kepada dasar Kerajaan. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan, maka Commercial Radio dan TV hendaklah dibenarkan. Ini terbukti benar di negeri-negeri jiran kita, iaitu Thailand ataupun di negara-negara yang telah membangun. Suratkhbar-suratkhbar kita juga hendaklah bebas mengeluarkan pendapat orang ramai daripada hanya menyiarkan berita-berita yang dikontrol oleh Kerajaan sahaja.

Perlaksanaan Dasar Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, ketika Dewan membahaskan usul ini banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan perlaksanaan dasar rancangan ini. Di sini saya suka juga menyentuh, terutama sekali Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

Pada hakikatnya perlaksanaan dasar pelajaran telah menempoh beberapa kejayaan. Ini terbukti dalam perlaksanaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa penghantar Melayu. Untuk lebih berkesan semua sekolah-sekolah, terutama Sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil hendaklah ditukarkan menggunakan bahasa penghantar Melayu dengan secepat mungkin. Ini pada fikiran saya dapat menyatu-padukan rakyat di negara kita dengan lebih cepat lagi. Pembukaan sekolah berbagai jenis tidaklah seharusnya dibenarkan, cuma pembukaan sekolah yang bahasa penghantarnya Bahasa Melayu sahaja patut dibenarkan. Misalnya, pembukaan sekolah jenis kebangsaan China dan India sepatutnya pembukaan sekolah-sekolah yang dibenarkan kepada sekolah-sekolah kebangsaan sahaja, tidaklah seperti sekarang kerana pembukaan berbagai jenis sekolah yang dilakukan sekarang ini tidak akan memberi faedah dan ini akan melambatkan perpaduan rakyat. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, lebih cepat lagi jikalau dilakukan hanya sekolah kebangsaan sahaja yang kita benar dibuka.

Pinjaman Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyentuh berkenaan dengan pinjaman luar negeri. Walaupun saya bersetuju pinjaman wang dibuat dari dalam dan luar negeri untuk pembangunan tetapi pada fikiran saya bayaran bunga yang ditanggung oleh Kerajaan adalah begitu tinggi sekali. Bayaran kepada faedah-faedah ini hendaklah diteliti dengan begitu rapi. Umpamanya, pinjaman bagi sesebuah projek yang berkehendakkan pakar-pakar, alat-alat perkakas, barang-barang yang hendak digunakan semuanya ditetapkan oleh pihak yang berkenaan sedangkan alat-alat dan perkakas-perkakas ini boleh didapati di dalam negeri kita sendiri. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan perbelanjaan untuk membayar faedah yang begitu tinggi. Sekiranya ini dapat diperhatikan maka Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit hasil dari pinjaman yang tersebut. Ini tidaklah bermakna saya mencurigai adanya pakar-pakar dari luar negeri, sebaliknya keutamaan hendaklah diberi kepada pakar-pakar tempatan untuk menjalankan sesuatu projek itu.

Gaji Tentera

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan gaji tentera-tentera kita. Baru-baru ini telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu gaji baru tentera tidak akan dibayar, hanya yang hendak dibayar ialah elaun sahaja, walhasil gaji baru bagi pasukan Polis telah dilaksanakan. Di sini saya suka menggesa Kerajaan supaya mengambil berat dan melaksanakan gaji baru tentera ini dengan secepat mungkin, kerana jikalau tidak anasir-anasir yang antinasional mencucuk ahli-ahli tentera kita dan satu akibat yang buruk akan berlaku. Oleh itu, saya minta Kerajaan memberi pertimbangan dengan sewajarnya tentang gaji pasukan tentera kita.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat peluang memberi sedikit sebanyak pandangan dan saya menyokong usul ini.

6.13 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun yang bersama-sama untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga

yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada dasarnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Buku Hijau ini penuh dengan niat baik Kerajaan. Semuanya baik, daripada semua aspek. Tetapi bagaimana saya hendak bertanya hendak membuat perincian dari dasar ini kejayaan rancangan itu kelak tidak mengetahui blueprint yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini berkehendak penyertaan rakyat, penyertaan pihak Kerajaan di kalangan pegawai-pegawai dan juga di kalangan pihak-pihak swasta. Tetapi sekiranya orang ramai tidak dapat mengetahui sedalam-dalamnya butir-butir yang tertentu mengenai Rancangan Malaysia Ketiga ini, saya ragu dan saya takut rancangan ini akan menempuh kegagalan pada suatu ketika kelak. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Buku Hijau ini menerangkan lebih kurang 25.5% daripada \$18.6 billion adalah diutamakan dalam sektor pertanian. Tetapi di dalam buku ini tidak ada menerangkan alternative sekiranya berlaku inflasi seperti yang telah kita alami waktu melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua, yang mana kejayaan didapati iaitu Bahagian Pertama sahaja Rancangan Malaysia Kedua itu dan apabila berlaku kemerosotan ekonomi kita banyak menghadapi berbagai-bagai masalah. Inilah yang patut diketahui dan inilah yang patut diadakan persediaan terutamanya dalam sektor pertanian, kerana bahaya dari segi teknik yang dikatakan cyclical movement sebab sektor pertanian ini bergantung penuh kepada price fluctuation.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini inginlah saya mencadangkan waktu mengenalikan Rancangan Malaysia Ketiga dalam sektor pertanian ini hendaklah juga persediaan diadakan, penubuhan bandar-bandar yang dikatakan satellite town supaya dapat memberi peluang kepada petani-petani menambahkan saraan hidup mereka untuk keluarga mereka, bukan sahaja mengharapkan semata-mata daripada hasil pertanian, supaya juga boleh dapat daripada pekerjaan dan pendapatan bandar-bandar kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini juga saya nampak tidak sangat menitikberatkan

kemiskinan di dalam bandar. Dalam perkara ini kita masih ingat ucapan dari Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun bekas Perdana Menteri kita iaitu hendak membandarisekan orang-orang Melayu. Kita jemput anak-anak muda kita datang ke dalam bandar tetapi sejauh manakah infrastruktur yang telah sedia ada untuk menyambut ketibaan dan kedatangan anak-anak muda kita yang ada di luar bandar berhijrah ke dalam bandar untuk mencari nafkah hidup. Adakah tidak kita berfikir kemiskinan di dalam bandar lebih ternyata daripada kemiskinan yang berlaku di luar bandar dan bahayanya lebih kuat, kerana pengaruh di dalam bandar ini besar dan pertolongan yang hendak diberi pun sukar, tidak seperti di luar bandar, boleh senang mencari makan minum dan sebagainya, tetapi di dalam bandar yang kemiskinan ini amat ternyata dan inilah juga penyakit-penyakit di dalam bandar yang boleh merosakkan masyarakat lebih banyak daripada di luar bandar. Jadi, di dalam Buku Hijau ini tidak ada satu plan induk mengenai rancangan-rancangan membasmi kemiskinan di dalam bandar. Saya takut perkara ini akan membahayakan kita semua. Sebab bandarlah yang menjadi pusat segala-galanya untuk menjayakan rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga inginlah saya menerangkan iaitu di dalam Rancangan Malaysia Pertama dahulu dan Rancangan Malaysia Kedua amat menitikberatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru iaitu 30% hak bumiputra. Pencapaian matlamat 30% ini jelas tetapi saya perhatikan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini prioritiya tidak ada lagi. Walaupun ada diterangkan iaitu Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah menyambung hasrat Rancangan Malaysia Kedua. Inilah yang ingin saya tegaskan waktu melaksanakannya kelak, saya harap tidak ada sesiapa yang akan mengambil kesempatan menyalahgunakan, kerana tanpa emphasis penyertaan bumiputra mencapai matlamat tersebut, dan saya berharap juga oleh sebab tidak ada tekanan atau emphasis di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, masalah penyertaan ataupun priority bumiputra 30% ini jangan disalahfahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini jelas iaitu kebanyakan modal-modal yang akan diberi oleh Kerajaan ialah kepada agensi-agensi Kerajaan. Di dalam ucapan

dan di dalam penyampaian dari sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga yang menyalahkan pegawai-pegawai Kerajaan. Saya bukannya hendak mempertahankan pegawai-pegawai Kerajaan yang angkuh dan bongkak tetapi inginalah saya mengkaji lebih dalam sedikit frastrasi pula yang berlaku di antara pegawai-pegawai Kerajaan apabila tidak dapat melaksanakan hasrat yang mereka hendak buat. Misalnya, peruntukan-peruntukan yang disebut-sebut daripada dasarnya dipotong-potong oleh pihak E.P.U. dan daripada pihak Kementerian Kewangan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengetahui siapakah dia master planner yang mempunyai kuasa muktamad di dalam negara kita ini yang boleh menyekat dan memotong-motong dan saya dapat tahu beberapa agensi apabila pada dasarnya agensi ditubuhkan peruntukan sebegitu besar, kemudian waktu memberinya dikurangkan pula. Selepas itu disuruh minta lagi; yang anihnya kadang-kadang berlaku pakai komputer hendak minta peruntukan, tetapi apabila hendak dicetak pada peringkat yang akhir computer pun entah, pandangan daripada badan-badan itupun entah, ada pula seorang di E.P.U. dia sendiri pula buat potongan tak payah soal balik kepada badan-badan berkanun dan agensi-agensi. Ini pernah berlaku. Tuan Yang di-Pertua. Di sinilah saya berharap untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat di dalam Buku ini ada emphasis yang nyata iaitu sebahagian besar daripada \$18.6 billion iaitu sebanyak 9.5% Kerajaan hendak membelanjakan dalam bidang perlombongan. Perlombongan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan dengan hasil bumi dalam negara kita. Setelah saya mengkaji apa yang dicatit serba-sedikit dalam Buku Hijau ini jelas iaitu sebahagian besar bahagian perlombongan ini adalah milik asing dan penyertaan bumiputra yang berkurangan sekali dan tambahan pekerjaan tiap-tiap tahun dalam ruangan perlombongan ini tak sampai 1%. Kerana apa, kerana bahagian ini menggunakan alat-alat jentera yang besar dan juga menggunakan pakar-pakar yang berkehendakkan modal-modal yang besar. Dalam pada itu, sektor perlombongan inilah yang kita tidak sedar telah banyak menyusahkan rakyat jelata

dari segi pertanian, kalau tak percaya tanya kepada Menteri Alam Sekitar kita. Beberapa banyak ladang-ladang sawah terpaksa ditutup, air sungai menjadi kotor dan sebagainya, kerana tidak ada satu penyusunan yang tertentu dalam bidang perlombongan dalam negara ini. Memandangkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mencadangkan iaitu apakah salahnya perlombongan seperti bijih timah dan lain-lain ini diadakan juga akta, bukan tujuan untuk memilik-negarakan, seperti Akta Petroleum yang sedang berjalan sekarang, supaya penyusunan dapat dibuat, supaya Kerajaan Pusat mempunyai kuasa penuh. Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, yang sedehnya, apabila sesuatu rayuan ataupun complaint datang daripada orang ramai ditujukan, terutamanya kepada alam sekitar dan pencemaran alam dan sebagainya ini ditujukan kepada pihak Kementerian, tetapi setelah diselidiki Kementerian ini tidak mempunyai wang ringgit untuk hendak mengambil pegawai-pegawai, walaupun Kementerian diluluskan tahun 1972 tahun 1974 baharu dapat 20% jumlah pegawai. Mana hendak berjalan, Tuan Yang di-Pertua. Inilah perkara-perkara yang berlaku, rakyat jelata memandang kepada pihak Kerajaan, tetapi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh tiap-tiap Kementerian tidak diatasi. Saya minta kepada Timbalan Menteri Kewangan pada tahun ini segala peruntukan-peruntukan jangan dipotong-potong untuk Kementerian-kementerian terpenting. Saya berharap sangat supaya pelaksanaan rancangan-rancangan yang hendak dibuat oleh Kerajaan ini tidak tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya wakil dari Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, inilah saya menarik perhatian iaitu masaalah yang ada pula dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang diterangkan berkenaan Wilayah Persekutuan dan Selangor. Nampaknya, peruntukan di sini besar, \$2.2 billion, cukup besar dan peruntukan Wilayah Persekutuan \$1.49 billion, tetapi dipenuhi dengan projek-projek Federal yang hendak dilaksanakan. Inilah yang saya ingin mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur memainkan peranan yang penting, Ibukota Malaysia, tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Buku Hijau ini, tidak ada menerangkan satu pelan induk untuk Kuala Lumpur. Ingin

saya bertanya, saya tengok dalam rancangan-rancangan yang ada diuntukkan berjuta-juta ini adalah kebanyakan Federal Highway, Lapanganterbang Subang, Pelabuhan Kelang, Universiti, ITM termasuklah Kuala Lumpur dan Selangor. Semuanya ada diterangkan termasuk tempat najis dan sebagainya dan ada sedikit-sedikit bahagian perumahan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sudah berkali-kali dan bertahun-tahun masaalah yang dihadapi oleh orang ramai pada hari ini ialah masaalah rumah, tempat tinggal, setinggan yang menjadi problem yang besar dalam negara kita, setinggan yang boleh merosakkan kecemaran alam, setinggan yang boleh membahayakan keselamatan negara dan setinggan kalau tidak diawasi akan menjadi pusat mengembangbiakkan penyakit-penyakit. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada keterangan khas, rancangan khusus untuk membasmi setinggan dalam Wilayah Persekutuan. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya pelan induk Kuala Lumpur ini. Adakah rancangan-rancangan seperti hendak mengadakan sistem pengangkutan hendak buat ini cara *ad hoc*, kerana kalau buat demikian apa yang akan jadi lima tahun sepuluh tahun akan datang? Adakah masaalah lain pula. Adakah itu sistem yang hendak kita jalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini? Tidak ada disebutkan misalnya bagaimana hendak mengadakan tempat orang berehat, kawasan tumbuhan hijau, dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat kalau benda ini tidak ada tercatat dalam ini, dan ada di dalam kepala planner sahaja, barangkali dia tidak mahu terangkan kepada kita macammana cara hendak membuat, saya harap tolong laksanakan waktu melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, inginlah saya menarik perhatian sedikit beberapa Kementerian yang tiap-tiap kali apabila disoal di dalam Dewan yang mulia ini kajian telah dibuat. Bila disoal kenapa talipon tidak elok di Airport? Jawabnya, Oh! dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Talipon tidak elok di Airport pun dia kata akan dimasukkan dalam membesarkan lapanganterbang berjuta-juta. Apa yang saya hendak, Tuan Yang di-Pertua, ini

bidang-bidang perhubungan memainkan peranan yang penting, maka janganlah ditunggu-tunggu untuk pembesaran ataupun rancangan-rancangan yang besar, yang priority yang penting patut diberi keutamaan. Banyak perkara-perkara ini berlaku. Jadi, saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak akan berlaku dan saya pada akhirnya memberi sokongan penuh dan berharap rancangan ini moga-moga berjaya.

6.33 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari yang isi dan maksudnya telah diketahui oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah merupakan suatu program yang paling comprehensive, yang telah mengatur dan menentukan arah-arrah pembangunan negara di dalam masa lima tahun akan datang dengan menitik-beratkan pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat serta memperkukuhkan pertahanan negara. Rancangan ini adalah merupakan bukti yang nyata di atas hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk mencapai matlamatnya yang telah menjadi manifesto Kerajaan Barisan Nasional, semenjak lahirnya gabungan parti Barisan Nasional itu.

Saya percaya bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini juga bukanlah hasil ciptaan sesuatu golongan ataupun sesuatu kaum sahaja, tetapi ia adalah hasil ciptaan bersama antara sebilangan besar pemimpin-pemimpin negara ini, para-para intelek dan kaum professional. Oleh yang demikian, Rancangan Malaysia Ketiga telah diteliti dan dikaji dengan mendalam dari segala aspek, sambil mempertimbangkan juga kepentingan berbagai kaum, bangsa dan agama di dalam negara ini. Maka hasil dari perbincangan dan kajian yang mendalam itulah, maka Rancangan Malaysia Ketiga ini dibentuk dan dilahirkan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tidaklah payah kita bincangkan lagi akan hasrat dan cita-cita Kerajaan menerusi program ini, oleh kerana tujuan dan

matlamatnya adalah terang dan nyata dan mudah difaham oleh setiap lapisan masyarakat yang jujur dan taat setia kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya, projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak payah kita kaji tentang viabilitinya, kerana kita mempunyai kemampuan yang cukup dari segi kewangan dan tenaga professional untuk mengendalikannya. Akan tetapi, kemampuan ini sahaja, jika tanpa diawasi dengan rapi, tidak boleh tidak akan melahirkan penyelewengan. Inilah masalah yang dialami oleh semua negara yang membangun di dalam dunia ini. Dan inilah sedikit-sebanyak masalah yang dihadapi oleh kita di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Tetapi kali ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus lagi membiarkan penyelewengan berlaku ataupun kurang mengawasi tentang penyelewengan oleh kerana kebolehan Kerajaan Barisan Nasional adalah di dalam dugaan. Di segi politik dan pemerintahan, dengan tertubuhnya gabungan Barisan Nasional, kita telah sampai ke peringkat puncak atau peak. Jikalau concept dan tujuan Barisan Nasional ini juga tidak boleh dilaksanakan disebabkan penyelewengan, maka rakyat akan putus asa dan akibat jangka panjangnya amatlah significant.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal-hal keselamatan saya percaya bahawa rakyat di semua lapisan memainkan peranan yang penting bagi menjamin keselamatan. Tetapi di dalam hal-hal pembangunan ekonomi bagi tujuan penyusunan semula masyarakat, saya kurang pasti samada hanya rakyat semata-mata yang bertanggungjawab bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga. Pada pendapat saya pihak Kerajaan, juga pegawai-pegawai Kerajaan patutlah memahami akan kehendak rakyat dan memperbaiki sistem pentadbiran yang ada sekarang ini untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga dengan sepenuhnya. Di dalam hal-hal pentadbiran ini apa yang pernah dinasihatkan oleh Allahyarham bekas Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak iaitu katanya, saya dengan izin: "necessary correspondence must be kept to

a minimum and unnecessary correspondence should be dealt away with"—tidak pernah dilaksanakan hingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara implementasi ini saya suka menyentuh sedikit mengenai kesulitan dihadapi oleh kaum bumiputra di dalam usaha-usaha mereka mempertingkatkan ekonomi mereka, khasnya peniaga-peniaga bumiputra. Di dalam usaha meninggikan taraf ekonomi bumiputra, Kerajaan hingga hari ini telah mengadakan bermacam-macam kemudahan daripada perkhidmatan nasihat sampailah kepada kemudahan-kemudahan meminjam.

Semenjak Rancangan Malaysia Kedua lagi Kerajaan telah mengarahkan bank-bank supaya mengeluarkan sejumlah wang simpanan mereka untuk membiayai projek-projek peniaga bumiputra. Namun demikian, bermacam-macam complaint telah dibuat oleh kaum bumiputra mengenai diskriminasi bank, termasuklah bank mengatakan atau menuduhkan bahawa projek-projek bumiputra atau pengusaha-pengusaha sesuatu projek itu tidak viable semata-mata memberi alasan oleh kerana mereka itu tidak sanggup memberikan pinjaman. Pertanyaan mengenai diskriminasi ini telah pernah dibawa ke Dewan yang mulia ini, tetapi hingga hari ini kita tidak mempunyai suatu badanpun yang boleh mengatakan kepada bank yang tertentu itu bahawa sesuatu projek itu viable dan pinjaman patutlah diluluskan kepada pemohon bumiputra tersebut. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa memang ada bank-bank yang menggunakan "double standard" bagi mempertimbangkan permohonan pinjaman. Jika kita menyangkal perkara ini, maka ini berarti kita hanya menunggakkan masalah yang bumiputra sedang hadapi sekarang ini ke masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap bank mempunyai dasarnya yang tersendiri. Jika sesuatu projek itu viable, bank boleh menolak permohonan pinjaman di atas dasar-dasar lain dan tidak ada sesiapaupun yang boleh menyatakan ataupun mengatakan ataupun challenge keputusan mereka, oleh kerana mereka mempunyai sebab-sebab dan dasar yang tertentu. Perkara ini patut Kerajaan dengan kerjasama Bank Negara

atasi segera. Untuk mengatasinya, Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan seperti berikut:

- (i) Kerajaan hendaklah meluaskan khidmat Syarikat Jaminan Kredit atau C.G.C. di merata negeri dengan mengadakan di tiap-tiap ibu negeri sebuah pejabat C.G.C.
- (ii) Paid-up capital C.G.C. ini hendaklah ditambah lagi.
- (iii) Pinjaman tanpa cagaran hendaklah dinaikkan dari \$30,000 ke \$50,000 atau lebih kerana ini adalah setimpal dengan kenaikan harga.
- (iv) Jaminan diberikan oleh pihak C.G.C. hendaklah dinaikkan dari 60% sekarang ini kepada 75% seperti yang dibuat oleh C.G.C. di India sekarang ini.
- (v) Kerajaan patutlah mengadakan yunit khas di pejabat-pejabat C.G.C., bagi menentukan viability projek-projek bumiputra, dan yunit ini tidaklah dijadikan badan yang berkuasa menentukan viability tiap-tiap projek bumiputra itu.
- (vi) Apabila perintah telah dikeluarkan oleh C.G.C. ke atas sesebuah bank untuk mengeluarkan pinjaman, maka perintah itu hendaklah dijadikan mandatory.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah disalurkan menerusi perbadanan-perbadanan ataupun agensi-agensi Kerajaan. Tugas-tugas agensi Kerajaan ini amatlah penting dan perjalanan mereka patutlah diawasi dengan serapi-rapinya. Kita takut kalau-kalau wang Kerajaan disalahgunakan menerusi projek-projek yang kurang menguntungkan ataupun projek-projek yang menguntungkan hanya segolongan orang yang tertentu sahaja.

Dewasa ini saya tahu masih banyak lagi perbadanan-perbadanan yang terpenting yang boleh dikatakan menjadi tulang belakang kepada pembangunan, yang mempunyai cara pentadbiran yang boleh dikatakan exclusive dan pegawai-pegawai di semua peringkat di dalam perbadanan ini mempunyai kuasa penuh untuk mengeluarkan tender-tender, menentukan siapakah yang patut diberi kontrak di bawah tender tersebut dan seterusnya melakukan beberapa

penyelewengan. Mereka ini tidak memperhiraukan hasrat rakyat yang terlibat dengan penyelewengan ini, tidak menghiraukan kepentingan mereka yang terjejas, dan apabila Wakil Rakyat menerima pengaduan dan membawa perkara ini ke atas maka pegawai berkenaan didapati mempunyai perlindungan yang cukup di bawah peraturan undang-undang yang ada dan berkuatkuasa. Ini adalah suatu perkara yang tidak memberi puas hati kepada rakyat, dan keadaan ini hendaklah diperbaiki segera.

Apabila amalan seperti ini telah berlaku, maka ini telah menjejaskan hak-hak bumiputra juga. Misalnya, kontraktor-kontraktor bumiputra yang baharu cuba hendak berniaga mempunyai pengangkutan yang berlesen dan sempurna dan menawarkan harga kontrak yang berpatutan selalu tidak terpilih, oleh kerana orang-orang bukan bumiputra dapat menawarkan harga kontrak yang lebih rendah, dan masih boleh mendapat keuntungan disebabkan lori-lori mereka tidak berlesen dan tidak sempurna dan tidak ada tindakan diambil oleh pihak-pihak berkuasa. Perkara seperti ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak Kerajaan, oleh kerana inilah titik-bengek yang menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga, saya mengesyorkan Kerajaan mengkaji semula tugas-tugas Wakil Rakyat. Kerajaan hendaklah mengkaji semula tugas-tugas Wakil Rakyat sesuai dengan keadaan masa. Wakil-wakil Rakyat patutlah diberi peluang melibatkan diri di tempat-tempat yang penting yang ada hubungannya dengan rakyat. Ini bukan sahaja memberi peluang kepada Wakil-wakil Rakyat untuk mengawasi supaya penyelewengan tidak berlaku, akan tetapi membolehkannya juga mengetahui dengan lebih dekat akan dasar-dasar Kerajaan di dalam perkara yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat penting yang saya maksudkan itu ialah seperti berikut:

- (i) Semua Lembaga-lembaga Pelesenan.
- (ii) Semua Tender Board di negara ini.
- (iii) Semua Badan-badan Berkanun yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha penyusunan semula masyarakat adalah perkara yang paling penting dan menjadi intisari Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam hal ini, UDA adalah satu-satunya agensi Kerajaan yang amat penting bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan ke arah ini. Di dalam hal ini, UDA merupakan pemegang amanah yang paling bertanggungjawab di dalam menentukan nasib kaum bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan pemilikan harta di kawasan bandar di masa-masa yang akan datang.

Kebolehan dan kemampuan UDA di dalam tugas ini telah diduga semenjak lima tahun kebelakangan ini. Kejayaan UDA sejak ia ditubuhkan lima tahun dahulu telah mencerminkan kecakapan dan kemampuan UDA yang susah hendak ditandingi oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain yang telah pun lahir terdahulu daripadanya. Mengenangkan umurnya yang masih muda, maka kejayaan yang telah dicapai oleh UDA itu adalah dianggapkan luar biasa. Semenjak ia ditubuhkan, hakmilik harta bumiputra di bandar telah bertambah dengan pesatnya. Pemaju-pemaju harta bumiputra telah muncul; penyertaan bumiputra dalam perniagaan di bandar-bandar telah bertambah dengan pesatnya. Bilangan usahawan-usahawan bumiputra yang baharu dan berbakat telah bertambah. Peluang-peluang perniagaan untuk firma-firma bumiputra telah meluas. Setiap peniaga bumiputra telah bertambah positif dan beberapa kemudahan lain juga telah diberikan oleh UDA kepada bumiputra.

Kejayaan UDA ini bukanlah semata-mata kerana kekuatan kewangan, akan tetapi sebahagian besarnya adalah terletak kepada kebolehan pegawai-pegawai UDA melaksanakan dasarnya dengan cara tidak statik, dapat menyesuaikan dengan masa dan keadaan dan tidak mempunyai banyak red tape. High degree of professionalism di kalangan pegawainya juga adalah suatu faktor yang penting yang telah menentukan kejayaan UDA itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, UDA mempunyai beberapa strategi yang amat penting sebagai sumbangan mereka terhadap menjayakan hasrat dan cita-cita Kerajaan. Kerajaan hendaklah menumpukan perhatian yang berat terhadap usaha-usaha UDA ini dan

memberikan sebarang layanan di dalam menghadapi beberapa masaalah yang mungkin akan dialami oleh UDA di masa-masa yang akan datang. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga UDA akan menjayakan suatu projek yang besar, iaitu mendirikan sebuah bangunan enam puluh tingkat yang dinamakan "Dayabumi". Konsep ini adalah konsep yang baharu dan baik, kerana tujuannya ialah menempatkan beberapa pejabat perbadanan dan agensi-agensi Kerajaan di dalam sebuah bangunan yang indah dan moden di tengah-tengah Ibukota, dengan syarat-syarat yang longgar dan mudah; sukar diperolehi dari orang perseorangan. Di samping itu ruang-ruang niaga juga akan diberi kepada bumiputra dengan syarat yang mudah dan longgar mengikut kemampuan kaum bumiputra. Untuk menjayakan projek ini, pihak Kerajaan dan Wilayah patutlah memberikan segala layanan dan kemudahan terutamanya di dalam hal-hal premium tanah tapak bangunan tersebut.

Tujuan UDA ini adalah mulia dan tujuannya ialah untuk mengembalikan bumiputra ke Ibukota yang selama ini telah dimiliki oleh rakyat bukan bumiputra. Dengan terlaksananya dasar UDA ini, maka orang Melayu akan berpeluang memiliki harta semula di Kuala Lumpur ini yang selama ini telah dijualkan oleh datuk nenek mereka kepada kaum bukan bumiputra. Dari segi saikologinya, kejayaan projek UDA ini amatlah penting dan ia sudah tentu akan memberikan ketinggian moral (moral boost) kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon semua pihak memberikan perhatian di dalam hal ini. Selain daripada itu, saya menyokong penuh kepada usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

6.48 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibincangkan sekarang dan seterusnya mengalu-alukan ketibaan Rancangan Malaysia Ketiga yang bertujuan salah satunya mengurangkan jurang perbezaan di antara mereka yang belum berada dengan mereka yang sudah berada. Secara kebetulan mereka

yang kurang berada adalah mereka yang duduk di luar bandar dan secara kebetulan juga mereka yang duduk di luar bandar adalah kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain. Dengan hal yang demikian, secara tidak langsung orang-orang Melayu menjadi sasaran penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan orang-orang Melayu menaruh perhatian yang berat terhadap Rancangan Malaysia Ketiga. Bukan sahaja orang-orang Melayu memandang berat terhadap Rancangan Malaysia Ketiga malah mereka melihat dengan teliti teknik-teknik, konsep-konsep dan alat-alat yang digunakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Yang pertama, yang utama orang-orang Melayu melihat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga adalah menggunakan konsep sosialis iaitu keseluruhan perancangan ekonomi ataupun, dengan izin, overall planning of the economy.

Rancangan Malaysia Ketiga merancang seluruh ekonomi Malaysia dengan menentukan sasaran, target dan perpuluhan-perpuluhan yang mesti dicapai dalam tempoh lima tahun. Itu ialah konsep socialism, Tuan Yang di-Pertua. Hanya Kerajaan boleh membuat satu perancangan induk ekonomi berasaskan kepada teknik perhitungan dan ramalan oleh kerana hanya Kerajaan mampu memperoleh maklumat-maklumat seperti tindak-tanduk pembeli atau consumers, perubahan berkenaan dengan harga barang-barang mentah dan tenaga buruh dan juga lain-lain faktor ekonomi. Itu merupakan kekuatan sistem socialism. Seterusnya Rancangan Malaysia Ketiga melahirkan beberapa badan sosialis seperti UDA, MARA, PERNAS, Bank Bumiputra, Perbadanan Iktisad Negeri-negeri guna untuk membantu dan menolong orang-orang Melayu mengambil bahagian lebih cergas dalam bidang ekonomi. Total planning atau perancangan ekonomi yang meliputi seluruh Malaysia menimbulkan kemungkinan menyekat kebebasan pemilik-pemilik syarikat swasta dan pemilik-pemilik syarikat swasta yang mungkin tersekat ini merupakan intisari kapitalisma, maka mungkin berlaku pertarungan. Mungkin sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin berlaku suatu pertarungan di antara golongan sosialis dan golongan kapitalis yakni pemilik-pemilik syarikat swasta tadi.

Dengan hal yang demikian, timbullah beberapa soalan yang harus dikaji secara mendalam berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, adakah orang-orang Melayu akan tertarik hati kepada sistem socialism ini kerana socialism dalam bentuk Rancangan Malaysia Ketiga, dalam bentuk UDA, MARA, PERNAS dan Perbadanan Kewangan Iktisad Negeri-negeri adalah merupakan pembela dan pejuang orang-orang Melayu bagi membela nasib mereka.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pemilik-pemilik syarikat swasta akan tidak membantu ataupun yang tidak akan memberi kerjasama kepada Rancangan Malaysia Ketiga bukan kerana mereka tidak suka menolong orang Melayu menjadi maju dalam lapangan ekonomi, tetapi kerana tidak seronok dengan kejayaan yang mungkin akan dicapai oleh perancangan yang menggunakan teknik-teknik socialism.

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adakah pertarungan ekonomi di antara kaum sosialis dengan kaum kapitalis akan berlaku? Adakah ini satu perkara yang akan berlaku?

Soalan yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, adakah pertarungan ekonomi di antara kaum sosialis ini dengan kaum kapitalis, jika berlaku akan berlangsung pula, akan berlanjutan pula ke dalam arena politik. Apa yang bermula, apa yang bertarung dalam arena ekonomi di antara kaum sosialis dengan kaum kapitalis, mungkinkah pula berlanjutan pertarungan ini ke dalam arena politik?

Soalan yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan melahirkan kelas kapitalis dari kalangan rakyat dan seterusnya akan mencetuskan suatu class struggle di antara mereka yang memiliki jentera produksi dengan mereka yang memberi hanya tenaga.

Saya belum bersedia, Tuan Yang di-Pertua, memberikan jawapan kepada soalan-soalan yang saya kemukakan sebentar tadi, tetapi saya harap Kerajaan akan sudi memberikan pendapat terhadap masaalah yang berbentuk lima soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, azam Kerajaan **menuju ke arah darjah kecekapan dan kekesanan yang tinggi dalam perjalanan jentera pentadbiran** Kerajaan tidak akan tercapai sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan ditukarkan tanpa sebab-sebab yang tidak menasabah. Amali menukarkan pegawai-pegawai Kerajaan tanpa sebab yang menasabah belum lagi menyeluruh, tetapi tindakan awal mesti diambil sebelum perkara ini merebak dan melemahkan pentadbiran awam ataupun civil service kita yang begitu terbaik. Sebagai contoh, saya suka hendak membawa perhatian kepada pertukaran Pegawai Daerah, Sepang baru-baru ini. Daerah Sepang adalah satu daerah baru di Negeri Selangor, baru berusia satu tahun dan daerah yang paling mundur di dalam Negeri Selangor. Bagi membantu penduduk di situ seorang pegawai pentadbir yang cukup cekap dihantar bagi membantu ekonomi daerah Sepang. Di bawah pimpinannya, Daerah Sepang membangun dengan cepatnya. Tanah dikeluarkan kepada rakyat, jalan-jalan, jambatan-jambatan dibina merata-rata tempat, bekalan letrik dan air dapat disampaikan ataupun dapat dirasakan oleh rakyat. Pendek kata, rakyat Sepang dari semua keturunan gembira dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh Pegawai Daerah Sepang, yang berjalan selama satu tahun dan usia daerahnya pun satu tahun. Dengan tidak semena-mena Pegawai Daerah itu ditukarkan oleh Setiausaha Kerajaan Selangor ke suatu Kementerian. Rakyat merayu dengan menulis surat bertalu-talu, seluruh rakyat tak kira keturunan menghantar surat merayu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor supaya menangguhkan pertukaran Pegawai Daerah, Sepang. Mengapa Pegawai Daerah, Sepang ditukarkan? Suatu dari sebabnya ialah Pegawai Daerah, Sepang tidak sehaluan dengan permainan politik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Di dalam keadaan tersebut, bagaimanakah Kerajaan boleh melaksanakan perancangan pembangunan di peringkat daerah, dan jika keadaan seperti itu berlaku di peringkat Negeri pula bagaimana Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan di peringkat Negeri pula? Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dinasihatkan supaya menumpukan perhatiannya kepada pembangunan dan jangan cuba berpolitik. Sekiranya ia hendak berpolitik: letak jawatan dan masuk bertanding dalam pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah nyatakan tadi Rancangan Malaysia Ketiga adalah baik dan bagus pada dasarnya. Tetapi izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan masaalah belia di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana perhatian yang mendalam amat berkurangan. Di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga ini, hanya satu paragraph iaitu paragraph 1460 sahaja ditumpukan kepada belia. Dengan izin, saya ingin membacakan pendek sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebutkan paragraph itu sahaja cukup supaya menyelamatkan masa.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Di dalam paragraph itu hanya menyatakan tentang soal latihan Vocational dan Pertanian, soal Angkatan Belia Pembina Negara di Dusun Tua, soal Latihan di Bukit Changgang di Kuala Langat untuk menyediakan kursus-kursus yang berasaskan pertanian, berkenaan dengan Latihan Belia Negara di Pertak dan subsidi di bawah program belia peladang ataupun ladang belia. Itu sahaja. Jadi ini juga merupakan program-program dan projek-projek belia di dalam buku Rancangan Malaysia Kedua. Jadi tidak ada apa-apa perbezaan di antara Rancangan Malaysia Kedua dengan Rancangan Malaysia Ketiga berkenaan dengan belia secara khususnya—sama sahaja—no change, tidak ada perubahan apa-apa dan yang ada amatlah tidak memuaskan.

Beberapa kali, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh masaalah peruntukan yang harus diberi lebih terhadap Kementerian Belia memandangkan bahawa bilangan belia di negara ini lebih daripada 60%, memandangkan bahawa belia-belai ini adalah sebagai national asset, tetapi sepertimana saya telah terangkan tadi, Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada para belia. Jika kita baca dalam akhbar, kalau benar, baru-baru ini saya membaca akhbar mengatakan bahawa wang sebanyak \$25 juta akan digunakan untuk membesarkan Lapangan Terbang Kuantan supaya kapal terbang membawa pelancung-pelancung bagi kegunaan Kelab Mediterranean yang akan dibina di Kuantan. Kalau wang sejumlah \$25 juta sanggup diperuntukkan oleh Kerajaan untuk kegunaan pelancung-pelancung

yang boleh datang turun dengan kapal-terbang, mengapa belia yang merupakan lebih daripada 60% penduduk negara ini tidak dapat peruntukan yang sewajarnya. Belia-belie kita amat bernasib baik di negara kita ini dari segi susunan mereka. Belia-belie kita tersusun sekali dengan organisasi-organisasi dan kelab-kelab mereka. Sebagai contoh, kita mempunyai kelab-kelab belia seperti M.A.Y.C., Gerakan Belia 4B dan lain-lain lagi. Ini semuanya sudah merupakan suatu national asset yang mana mereka boleh memainkan satu peranan yang penting dan membina di dalam soal pembangunan negara, tetapi yang sedihnya Kerajaan tidak menggunakan kelab-kelab belia yang begini tersusun untuk memainkan peranan mereka dari segi pembangunan Negara.

Sebagai contoh sahaja, madat dan dadah, masalaah yang paling serious yang dihadapi di negara kita ini dan tidak ada suatu rancangan yang khusus di mana kelab-kelab belia boleh memainkan peranan untuk membenteras masalaah salahguna madat dan dadah. Kerajaan menubuhkan Biro Narkotik Negara, Kerajaan menggalakkan penubuhan suatu persatuan PEMADAM. Bukan saya hendak memperkecil-kecilkan kebolehan dan khidmat yang cemerlang yang telah dicurahkan oleh PEMADAM dan juga The Befrienders dari segi mengatasi masalaah penagih-penagih dadah, tetapi sampailah PEMADAM ini ke kampung-kampung, sampailah dia ke Ulu Nerus, ke Sepang, ke mana-mana tempat ceruk yang jauh, sampai ke kumpulan The Befrienders sendiri, ke Jeram, ke kampung-kampung yang nun jauh ke dalam? Tidak sampai. Yang ada ialah kelab-kelab belia sahaja dan bukannya lebih baik sekiranya Kerajaan mengadakan peruntukan yang khas kepada kelab-kelab belia ini supaya mereka dapat memainkan peranan untuk membenteraskan ataupun memulihkan kembali penagih-penagih dadah yang secara kebetulan kebanyakannya terdiri daripada kaum-kaum belia. Dan bukan itu sahaja, kadangkala Kerajaan pula mengadakan projek-projek yang bertentangan dengan apa yang sedang dilakukan oleh pergerakan belia pada hari ini. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kelab-kelab

belia memang selalu mengadakan kursus-kursus latihan dan pimpinan kepada ahli-ahlinya, dengan sukarela mereka mengadakan. Dewasa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pula mengambilalih kuasa ini, mereka pula mengadakan kursus-kursus latihan dan pimpinan dengan dibiayai oleh wang Kerajaan. Apakah salahnya wang yang digunakan oleh Kementerian ini disalurkan sahaja, diberi sahaja kepada kelab-kelab belia untuk mereka meneruskan kursus-kursus yang mereka telah selalu mengadakan iaitu kursus-kursus latihan pimpinan kepada ahli-ahli mereka? Dan contoh yang kedua soal gerakan Koperasi. Boleh dikatakan tiap-tiap gerakan belia di Malaysia kita ini ada Koperasi mereka sendiri. 4B dengan Syarikat Kerjasama Belia yang berjalan dengan baik. Tiba-tiba dewasa ini Kementerian Belia pula menubuhkan satu Koperasi oleh Kementerian sendiri yang dinamakan Koperasi Belia Negara atau KOBENA. Apakah KOBENA ini akan bertanding pula, akan bersaing pula dengan syarikat-syarikat koperasi yang ditubuhkan oleh kelab-kelab belia nasional pada hari ini? Ini semua menimbulkan kekeliruan di kalangan pemimpin-pemimpin belia pada hari ini.

Iniilah saya menyatakan saya memberi contoh-contoh tadi untuk merayu, untuk memberi perhatian kepada pihak yang berkenaan supaya kelab-kelab belia, pergerakan-pergerakan belia seperti 4B, M.A.Y.C. dan banyak lagi badan-badan yang ada, digunakan mereka ini dengan sepenuhnya, disalurkan projek-projek pembangunan ataupun di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini digunakan mereka ini, terangkan kepada mereka apakah role mereka, apakah sumbangan yang mereka harus berikan, dan apakah peranan yang tepat yang harus dilakukan oleh kelab-kelab ataupun pergerakan belia nasional di negara kita ini. Sekiranya mereka tidak diberi peranan-peranan dan diberi peluang untuk memainkan peranan, apa yang saya khuatir akan timbul satu perasaan frust, perasaan keciwa kepada belia-belie ini. Maka mereka akan tidak percaya lagi kepada kelab-kelab belia ini, mereka akan keluar daripada kelab-kelab belia dan mereka akan berbuat apa sahaja. Maka timbullah masalaah-masalaah juvenile delinquency, timbullah berbagai-bagai masalaah berkaitan dengan belia, soal keruntuhan

akhlak dan lain-lain. Ini akan timbul sekiranya kelab-kelab belia ini tidak diberikan opportunity ataupun diberikan satu kesempatan untuk mereka memainkan peranan mereka dan memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak cukup dan juga Yang Berhormat—Yang Berhormat rakan saya masih hendak bercakap, saya pendekkan sahaja setakat ini. Lagi sekali saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya berucap.

7.08 mlm.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk bercakap dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas lahirnya buku Rancangan Malaysia Ketiga ini, kerana ia adalah sebuah rancangan raksaksa yang boleh menggambarkan masa hadapan negara ini dengan keadaan amat cerah dan cemerlang. Jika segala rancangan-rancangan itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik dan sepenuh-penuhnya maka tidak syak lagi masa hadapan seluruh rakyat negara kita akan terjamin dan mereka akan dapat hidup dengan penuh kesempurnaan dan kesejahteraan di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita telah melalui rancangan-rancangan yang besar seperti Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dengan hasil dan kejayaan yang sama-sama kita maklum, iaitu sedikit sebanyak telah dapat mengubah taraf hidup rakyat kepada yang lebih baik. Tetapi disebalik itu tidak kurang juga kegagalan-kegagalan yang kita temui dan masih banyak lagi usaha-usaha yang mesti ditambahkan. Ini bermakna usaha-usaha yang lebih pesat perlu dilaksanakan segera untuk menyampaikan kepada matlamat yang dituju. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga ceraihan 237, ada menyatakan di antara lain bahawa kemiskinan terutamanya masaalah orang-orang Melayu dan Kaum bumiputra yang lain, oleh kerana mereka bertumpu kepada pekerjaan di bidang pertanian yang mempunyai daya

pengeluaran yang rendah. Sebanyak 74% daripada semua orang-orang miskin di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari orang-orang Melayu. Ini berbanding dengan kadar kemiskinan di kalangan orang-orang China 26% dan orang India 39%.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih jauh, saya ingin sentuh sedikit bebanan atau peranan yang dimainkan oleh wakil-wakil rakyat dan sejauh manakah pendapat wakil rakyat diterima atau sebanyak manakah sebenarnya penyertaan wakil rakyat dalam menentukan Rancangan Malaysia Ketiga yang teragung ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Dewan ini sebagai wakil rakyat yang telah dipilih untuk memikul beban yang berat, beban menerima rintihan dan keluhan rakyat untuk disampaikan kepada pihak Kerajaan, beban mencari jalan penyelesaian terhadap keluhan dan rintihan rakyat, beban mengingatkan penderitaan rakyat yang resah-gelisah, beban berunding dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang kebanyakannya terpelajar dan bijaksana untuk mengatasi penderitaan itu. Alhamdulillah, sebahagian besar dari beban dan tugas itu telah dapat dijalankan dengan lancar berkat kerjasama yang erat oleh para pegawai dan sokongan para pengundi kita yang sanggup memberikan apa juga yang diperlukan untuk menjamin keselamatan negara dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, beban kita ialah menerima hukuman rakyat di mahkamah pengadilan rakyat lima tahun sekali. Kalau kita berhasil, Tuan Yang di-Pertua, kita akan diberi ganjaran tetapi kalau sebaliknya kita akan jatuh tersungkur.

Tidak syak lagi peranan kita sebagai Wakil Rakyat adalah berat dan penting. Wakil rakyat Parlimen dan Negeri yang memainkan peranan di bidang masing-masing. Kita diibaratkan sebagai orang tengah dan pengantara antara Kerajaan dengan rakyat, terutama sekali kita wakil rakyat dari Kerajaan yang memerintah.

Tetapi malangnya khusus mengenai rancangan pembangunan raksaksa negara kita ini rancangan pembawa sinar harapan ke arah terhapusnya keluhan dan rintihan rakyat. Di Negeri Kelantan contohnya, kami sebagai Wakil Rakyat telah tidak dibawa berunding, kami hanya dihidangkan makanan yang telah dimasak dan disediakan bukan mengikut selera kami walaupun

sebahagian besar sesuai dengan reangkong kami dan reangkong rakyat yang lapar. Sebenarnya sampai ke peringkat inipun, Tuan Yang di-Pertua, kami belum mempunyai maklumat yang secukupnya mengenai apa yang disusun dan dicadangkan selain daripada ringkasan dan summarynya sahaja. Walaupun ada di antara kami yang cuba membuat saranan mengenai rancangan yang tertentu yang pada pandangan kami selaras dengan selera dan kehendak sebahagian terbesar rakyat, tetapi kami dapati banyak saranan dan pandangan serta senarai cadangan kami itu diketepikan. Inilah masalahnya yang sungguh berat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka menyentuh berkenaan bantuan untuk jalanraya. Masalah kesulitan perhubungan di kawasan luar bandar dan pendalaman adalah menjadi kenyataan pahit yang terlalu lama kita mendengar keluhan dan rintihan mengenainya. Di Kelantan umpamanya jalan-jalan kampung yang dikenali dengan nama "Jalan Penggawa" wujud dengan cara yang sangat dhaif kira-kira lebih daripada 1,500 batu panjangnya untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan ala kadar dan untuk maksud ini jalan-jalan seperti ini tidak hanya terdapat di daerah pendalaman atau luar bandar sahaja seperti Bachok dan di lain daerah, malah di dalam Jajahan Kota Bharu pun keadaan jalan seperti itu masih banyak jumlahnya. Kita percaya sesebuah Kerajaan yang bijaksana telah dan sedangpun memberi perhatian kepada masalah ini dengan memberi peruntukan alat-alat jentera yang bernilai \$4 juta. Pelancarannya telahpun dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Kelantan kira-kira dua bulan yang lalu. Tetapi sayangnya terdapat beberapa buah jentera yang baru dibeli itu telah terlibat dengan kemalangan dan kejadian yang mengharukan, mungkin kerana kealpaan dan kekurangan pengalaman para pemandu yang berkenaan. Di samping tiada pengawasan secara berkesan oleh pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab sehingga sekarang ini belum ada pihak tertentu yang sanggup menjadi ayah kepada projek ini. Peruntukan penyelenggaraan pun belum ada. Oleh yang demikian, maka saya mengambil peluang bertuah di Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan Pusat dapat memberikan sumbangan sambungan kepada

projek itu dengan memberikan sejumlah peruntukan yang menasabah. Sebab tanpa peruntukan yang tertentu dan perhatian serious, hasrat untuk melihat bahawa "Jalanraya Penggawa" itu akan dianggap tarafnya menjadi jalanraya negeri dalam tempoh lima tahun akan datang ini akan hanya menjadi impian sahaja.

Di samping itu, saya mengharapkan Kerajaan Pusat pula seharusnya mengambil satu sikap tertentu mengenai masalah ini khususnya untuk negeri-negeri pantai timur yang lebih khusus lagi ialah Negeri Kelantan. Umpamanya, memberikan bantuan khas kepada Jabatan Kerja Raya; suatu bantuan yang tidak berdasarkan jumlah panjang jalanraya dalam negeri ini sahaja, malah kepada nilai keperluan rakyat dan khususnya kaum bumiputra, samada kemudahan asasi untuk mengejar jentera pembangunan dan kemajuan yang terlalu laju perjalanannya itu. Saya yakin bahawa dengan adanya bantuan khas seperti itu masalah kesulitan dan kepahitan yang masih dideritai mereka hingga sekarang ini akan dapat diselesaikan.

Perkhidmatan Kesihatan di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, jauh lebih terbelakang kalau dibanding dengan lain-lain negeri Semenanjung Malaysia. Kenyataan ini berdasarkan dua faktor. Pertama, kadar kematian bayi dan kedua kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang ada di Kelantan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan sedikit mengenai kadar kematian bayi di Kelantan.

Kadar kematian bayi di Kelantan lebih tinggi dari negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1965, kadar kematian bayi di Kelantan ialah 64 bagi 1,000 bayi iaitu yang tertinggi sekali di Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1970, iaitu lima tahun kemudian kadar kematian ini masih tinggi juga iaitu 58.7 bagi 1,000 bayi berbanding dengan 40.8 bagi 1,000 bayi untuk seluruh Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kemudahan perubatan dan kesihatan yang ada sekarang, Kelantan juga masih kekurangan dari lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia. Bilangan yang diperlukan mengikut standard kesihatan ialah 2 katil bagi 1,000 penduduk. Kelantan mempunyai 786 katil sepadan untuk 393,000

penduduk, sedangkan Kelantan mempunyai penduduk kira-kira 700,000 orang. Yang mendukacitakan sekali ialah nisbah doktor di Kelantan ialah 0.7 bagi 10,000 penduduk berbanding dengan purata 2 doktor bagi 10,000 penduduk di Semenanjung Malaysia.

Matlamat Kerajaan ialah tiap-tiap seorang doktor bagi tiap-tiap 3,000 penduduk. Tetapi untuk Bachok tiap-tiap 35,000 penduduk, seorang doktor. Memandangkan kepada kekurangan ini Negeri Kelantan sewajarnya diberi keutamaan dan peruntukkan pembangunan perkhidmatan ini supaya taraf perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Kelantan setanding dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peri mustahaknya peranan kesihatan rakyat dalam kejayaan pembangunan nasional tidaklah diragukan lagi. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, matlamat kerajaan untuk mengujudkan seseorang doktor bagi tiap-tiap 3,000 rakyat adalah merupakan matlamat yang sangat sesuai dan perhatian utama hendaklah ditumpukan kepada kawasan luar bandar, tempat tinggal sebahagian besar para nelayan dan petani kita. Sebagai bandingan dan contohnya, Tuan Yang di-Pertua, jajahan atau daerah saya iaitu Bachok sekarang yang dialami oleh 70,000 orang rakyat hanya mempunyai seorang doktor yang bertugas tetap di Pusat Kesihatan Kecil Bachok. Bukan Pusat Kesihatan Besar, (belum ada Pusat Kesihatan Besar) dan dua orang doktor sambilan yang bertugas di dua tempat Pusat Kesihatan Kecil di daerah ini. Di samping seorang Pegawai Kesihatan yang menjalankan tugas secara bergilir-gilir antara daerah Pasir Puteh dan Bachok.

Oleh yang demikian, tidaklah keterlaluan kalau saya menyampaikan rayuan, hasrat dan rintihan rakyat Bachok yang setia kepada Kerajaan kita dan sanggup mempertahankan jiwa dan mengorbankan segala sesuatu untuk kepentingan negara kita supaya nasib mereka juga diberikan perhatian dan pembelaan. Dari segi kesihatan mengikut nilai rakyat Bachok sudahlah sampai masanya dalam projek raksaksa ini mereka menerima anugerah berupa sebuah hospital daerah. Mungkin ada pihak-pihak yang cuba menangkis permohonan yang jujur itu dengan memberikan alasan-alasan, kononnya hospital itu tidak perlu kerana Jajahan Bachok

berhampiran dengan Hospital Besar Kubang Krian. Ini mungkin ada kebenaran kalau diukur untuk rakyat Bachok yang tinggal di kampung-kampung seperti Beris Kubur Besar dan Kawasan Seberang Sungai Kemasin. Tetapi bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kampung sebelah sana seperti Badak, Tangok, Melawi, Telung, Kandis, Gunung, Bakong dan kawasan-kawasan sekitarnya yang berjumlah kira-kira 30,000 orang Kubang Krian adalah terlalu jauh bagi mereka. Oleh yang demikian, maka sudah sampai masanya pihak Kerajaan memberi perhatian yang wajar dan pertimbangan yang menasabah kepada hasrat ini supaya keadilan yang menjadi pegangan Kerajaan kita dapat dilihat kenyataan melalui pembinaan hospital daerah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Pendaftaran Pengundi. Salah satu objektif Rancangan Malaysia Ketiga ialah meninggikan mutu kesedaran politik bernegara dan menghapuskan ketidak seimbangan mengenai minat terhadap politik tanahair. Puncak daripada amalan demokrasi ialah pilihanraya. Unsur yang terpenting dalam kejayaan pilihanraya ialah para pengundi. Oleh yang demikian, maka kaedah pendaftaran pengundi yang berjalan sekarang hendaklah disemak semula dan dijalankan suatu cara yang lebih praktikal. Kaedah yang berjalan sekarang mengikut pandangan saya adalah tidak sesuai langsung dengan iklim di kawasan luar bandar dan pandangan yang sebahagian besar dirasakan oleh golongan bumiputra. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaedah sekarang pada Penolong Pegawai Pendaftaran hanya menunggu kedatangan orang-orang baharu yang ingin berdaftar di suatu tempat tertentu dan di waktu yang tertentu sahaja. Ini mengakibatkan terlalu kurang golongan bumiputra yang dapat mendaftarkan diri kerana mungkin mereka kurang berminat terhadap masala-masalah negara, atau kerana lain-lain kesulitan yang terpaksa mereka tempoh. Oleh yang demikian, maka saya cadangkan supaya diadakan suatu sistem baharu umpamanya

diadakan dua peringkat dalam tempoh sebulan setengah (tempoh sebulan yang ditetapkan sekarang tidak akan menyelesaikan masalah-masalah).

- (1) tiga minggu diuntukkan supaya para Penolong Pendaftar datang ke rumah-rumah para pengundi untuk memberi penerangan secara dekat sambil meninggalkan borang-borang pendaftaran.
- (2) manakala selama tiga minggu lagi bolehlah mereka tinggal atau menunggu di suatu tempat tertentu seperti balai raya, dewan orang ramai untuk menerima borang permohonan baharu itu. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, peranan parti politik dalam masalah ini jangan diabaikan dan diperkecilkan malah hendaklah diberi peluang kepada mereka untuk menyertai kempen pendaftaran ini melalui mass media Kerajaan sendiri.

Melihat kepada kegagalan dan kepinangan yang berlaku dalam Rancangan raksaksa kita yang telah lalu seperti yang berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kedua khususnya, yang berpunca daripada beberapa aspek sebagaimana yang ditimbulkan oleh setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap terdahulu dari saya seperti:

- (1) kekurangan pegawai.
- (2) ketidakada penyelarasan.
- (3) ketidakada kesungguhan setengah-setengah pegawai, dan
- (4) kelambatan pengeluaran peruntukan oleh pihak Perbendaharaan atau Kementerian yang berkenaan.

Maka rasa saya sudah sampai masanya demi untuk kelancaran pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang kita agung-agungkan ini, menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelarasan peringkat Parlimen, kalau boleh dengan serta-merta untuk menyelaraskan dan menyelia kerumitan-kerumitan kerja-kerja yang mungkin timbul dari Rancangan Malaysia Ketiga ini.

7.20 mlm.

Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi oleh Tan Sri supaya saya dapat juga mengambil bahagian dalam perbahasan

Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini. Saya sebagai seorang Ahli Dewan daripada Sarawak ingin mengambil bahagian supaya saya dapat memberi pandangan dan rujukan kepada perkara-perkara tertentu terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang semua rakyat Malaysia mengalu-alukannya.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini akan membawa banyak anggapan kepada rakyat Malaysia dan dengan tujuan-tujuan rancangan ini, antara lainnya, ialah untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Rakyat Malaysia menganggap bahawa masa depan mereka adalah teratur dan mereka boleh berniat supaya dapat memperhatikan faedah-faedah kemerdekaan negara kita. Kejujuran pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam merangka rancangan ini adalah ternyata dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa rancangan ini adalah satu dokumen yang paling meneliti semua aspek kehidupan rakyat Malaysia dan saya berharap pelaksanaannya nanti akan melibatkan semua aspek, semua lapisan dan semua golongan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini telah bercakap di atas begitu banyak perkara yang dihadapi oleh mereka di kawasan-kawasan sendiri dan menyebut dari satu dasar supaya mereka merasa masih kekurangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, supaya pandangan mereka dan rujukan mereka akan menjadi panduan kepada pelaksanaan rancangan ini. Saya juga akan memberi pandangan saya sendiri, tetapi pandangan saya akan saya tumpukan kepada negeri Sarawak khasnya dan masalah-masalah berkaitan di negeri itu.

Kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu jenayah, satu masalah yang buruk di kalangan rakyat kerana dengan keadaan kemiskinan rakyat berasa tidak puas hati dan tidak bersedia berhadapan dengan cabaran-cabaran masa. Sekarang satu musuh negara telah timbul di negara ini iaitu pihak komunis yang cuba mengancam negara kita dengan cara yang tidak berperlembagaan, sebab musuh negara ini biasanya mengambil kesempatan di atas kemiskinan. Kerajaan adalah benar pada tempatnya telah merangka untuk membasmi kemiskinan supaya semua rakyat Malaysia merasa mereka tidak

diketinggalan oleh Kerajaan negara kita, musuh itu harus dapat mempengaruhi rakyat-rakyat kita di negara ini. Rancangan Malaysia Ketiga bertujuan untuk membasmi kemiskinan adalah sangat sesuai dengan zaman sekarang, dan saya memohon bahawa tujuan-tujuan dan dasar-dasar rancangan ini tidak akan diganggu oleh pihak-pihak berkaitan dengan perlaksanaannya. Jentera-jentera Kerajaan dan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan haruslah dikukuhkan lagi supaya akan dapat memainkan peranan yang begitu penting dianggarkan kepada mereka itu. Jentera-jentera Kerajaan yang melaksanakan dasar ini akan mendapatkan sambutan daripada rakyat yang mana rancangan itu akan memberi faedah jika jentera Kerajaan itu melaksanakan dengan jujur dan terus tegas. Tuan Yang di-Pertua, jika rancangan ini tidak diberi dengan cukup minyak supaya berjalan dengan licin, pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga boleh terganggu dan mungkin selepas sahaja Rancangan Malaysia ini tamat kita masih juga ada golongan besar rakyat Malaysia yang miskin. Miskin dan kaya adalah relative, tetapi dari segi pandangan saya jika semua rakyat di bandar dan di luar bandar dapat makan tiga kali sehari, cukup kemudahan diberi kepadanya dan dapat mereka menghantar anak-anaknya ke sekolah dan lain-lain mungkin kita telah mencapai taraf kehidupan yang baik dan sempurna.

Kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya kecil dan klinik adalah dikehendaki di kawasan-kawasan luar bandar. Di negeri Sarawak perhubungan rakyat begitu ketat sekarang ini dengan kekurangan jalanraya. Kebanyakan perjalanan ke kawasan pedalaman terpaksa menerusi perahu kecil atau bot berinjil. Ini adalah bahaya dan melambatkan masa. Barang-barang keluaran tempatan seperti keluaran tanam-tanaman dan barang-barang daripada kedai yang digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan pedalaman terpaksa dijual murah dan dibeli dengan mahal. Keluaran seperti sayur-sayur terus tidak dapat sampai ke bandar daripada kawasan pedalaman ini.

Sekarang harga petrol telah naik dan pengguna-pengguna yang mempunyai bot-bot berinjil merasa susah.

Saya faham bahawa dalam rancangan ini ada banyak wang akan disediakan untuk membina jalanraya besar dan jalanraya kecil

di seluruh negeri Sarawak. Saya berdoa semoga semua jalan-jalanraya kecil yang dirangka itu akan terus dibina supaya banyak kawasan-kawasan yang jauh dapat disambungi, supaya penduduk-penduduk tempatan dapat menghubungi saudara-mara mereka, supaya mereka dapat menjual barang-barang keluaran tempatannya dengan mudah dan membeli bekalan dan barang keperluan dari bandar dengan mudah juga.

Klinik Bidan dan klinik ubat patutlah ditempatkan di tiap-tiap kawasan yang mana penduduknya tidak dapat membuat perjalanan yang jauh untuk mendapat rawatan daripada bandar. Tiap-tiap daerah patutlah diadakan seorang doktor supaya dapat memberi rawatan segera kepada penduduk-penduduknya. Rawatan yang segera diberi kepada mangsa kemalangan ataupun seperti digitigit ular misalnya, yang akan dapat menyelamatkan nyawa dan lagipun jika pesakit-pesakit mesti pergi jauh membayar tambang yang besar untuk mendapat rawatan dan ubat daripada doktor-doktor Kerajaan di bandar besar. Penduduk-penduduk ini boleh merasa kesal kerana pendapatan mereka begitu rendah dan lagipun masa yang dibuang untuk mengambil perawatan itu adalah berguna dan jika dibuang untuk berjalan jauh adalah merugikan. Saya dengan segala hormatnya bermohon kepada Kementerian Kesihatan untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini supaya daerah seperti Semunjan akan mempunyai seorang doktor yang bertempat di situ.

Sekarang Perkhidmatan Doktor Udara adalah diadakan di Sarawak dan perkhidmatan ini telah memberi banyak pertolongan kepada penduduk-penduduk yang jauh, tetapi kerana perkhidmatan ini adalah baru dan helikopter yang digunakan adalah kurang tempat-tempat yang dilawati, begitu juga tidak banyak, dan yang demikian sungguhpun saya setuju dengan Perkhidmatan Doktor Udara ini saya mohon juga kepada Kerajaan supaya penempatan doktor di tiap-tiap daerah ataupun tempat yang strategik diadakan juga.

Saya juga mengambil perhatian terhadap penyertaan Bumiputra dan penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan perbezaan di antara Bumiputra dan bukan Bumiputra. Penyertaan Bumiputra di Negeri Sarawak sudahpun digalakkan tetapi saya rasa kurang mencukupi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Akta Kawalan Sewa

7.33 *mlm.*

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, semasa Rancangan Malaysia Ketiga dibahaskan, saya telah menyatakan di dalam Dewan ini bahawa salah satu masalah yang amat serius yang dihadapi oleh orang-orang miskin dalam bandar dan mereka yang berpendapatan rendah, khususnya di dalam Kuala Lumpur, ialah kenaikan sewa rumah yang seringkali berlaku yang mana telah membawakan kesukaran kepada penyewa-penyewa. Walaupun kenaikan sewa yang adil dan berpatutan harus diterima, tetapi di dalam kebanyakan kes, kenaikan sewa itu adalah langsung tidak mengikut akal (sebanyak 100%) yang mana kenaikan adalah direka untuk membawakan kesukaran-kesukaran kepada penyewa-penyewa dan dengan itu menyusahkan mereka bagi meneruskan sewaan.

Sungguhpun adanya undang-undang mengawal sewa, iaitu Akta Kawalan Sewa, 1966, undang-undang ini hanya dikenakan kepada rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang telah dibina sebelum 31hb Januari 1948. Sewa-sewa bagi rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang dibina selepas itu tidak dikawal oleh Akta itu. Oleh yang demikian, tuan-tuan punya rumah adalah dibiarkan untuk membuat apa yang mereka suka sahaja dan menaikkan sewa penyewa mereka dengan sesuka hati. Dan sepertimana dalam kebanyakan kes-kes, kenaikan itu adalah begitu tinggi (sebanyak 100%), mereka yang menghadapi kesukaran ialah penyewa-penyewa dalam golongan berpendapatan rendah. Penyewa-penyewa ini benar-benar

menghadapi suatu masalah dalam mana jika mereka meludah, bapa mati; tak meludah, mati ibu dan juga mati sendiri. Mereka tidak berkemampuan membayarkan tambahan sewa itu dan lebih suka memin-dah keluar, tetapi oleh sebab mereka tidak boleh mendapatkan rumah pangsa murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya yang mana rumah-rumah itu adalah sangat berkurangan sekarang, mereka tidak ada jalan lain selain daripada terus membayarkan sewa yang tinggi itu dan mengurangkan perbelanjaan keperluan hari-hari untuk menampung pembayaran sewa yang tinggi itu.

Rayuan-rayuan daripada penyewa-penyewa kepada tuan-tuan punya rumah atau peguambela-peguambela mereka untuk menurunkan sewa-sewa itu biasanya tidak diperkenankan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah sebutkan tadi adalah keadaan yang dihadapi oleh orang-orang miskin dalam bandar dan oleh golongan yang berpendapatan rendah dalam Kuala Lumpur pada masa ini.

Saya telahpun menimbulkan masalah ini dalam Dewan ini dalam tahun 1974 dan telah diberitahu bahawa Kerajaan akan menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji masalah kenaikan sewa ini dan menimbang samada Akta Kawalan Sewa, 1966 harus diperluaskan untuk mengadakan had yang berpatutan bagi kenaikan-kenaikan sewa itu.

Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa itu telahpun ditubuhkan tetapi sehingga hari ini, tiada sesiapa pun yang tahu akan perkembangan dalam perkara ini. Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya memberitahu akan kegiatan-kegiatan Jawatankuasa ini dan pendapat-pendapat dan syorsornya.

Di samping itu, saya ingin jua mengesyorkan supaya peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Sewa, 1966 itu diperluaskan untuk dikenakan kepada rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang didirikan selepas 31hb Januari, 1948, demi kepentingan untuk memberi perlindungan kepada penyewa-penyewa supaya tidak dijadikan mangsa tuan-tuan punya rumah yang tidak berperasaan perikemanusiaan.

Akhirnya, sebagai langkah jangka masa panjang bagi mengatasi masalah ini, saya menggesa Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sewajar supaya menjamin akan

tercapainya matlamat-matlamat Kerajaan bagi mendirikan lebih banyak lagi rumah-rumah murah untuk golongan berpendapatan rendah, dan seterusnya mereka diperuntukkan rumah-rumah itu dengan tidak payah lagi menyewa daripada tuan-tuan punya rumah yang bergerak seperti lintah darat. Terima kasih.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar di atas pandangan-pandangannya. Berkenaan dengan perkara ini saya hanya hendak mem-

beritahu iaitu dengan persetujuan Jemaah Menteri, Kementerian saya akan mengkaji soal ini dengan sehabis-habis teliti setelah menimbang semua perkara daripada semua segi. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam.